




Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2022



PENDAHULUAN

Laporan Tahunan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2022 menggariskan peranan kami sebagai penginsurans deposit dan pihak berkuasa resolusi, pencapaian kami pada tahun 2022, dan rancangan kami untuk masa depan.

Laporan ini bermula dengan mesej daripada kepimpinan kami mengenai perkembangan semasa dan prestasi PIDM. Ini diikuti oleh **Bahagian I: Perlindungan PIDM Bagi Konsumer Kewangan**, yang menerangkan peranan PIDM dan pelbagai cara kami melindungi konsumer kewangan di Malaysia termasuk memastikan rejim resolusi yang efektif dan kesediaan operasi untuk mendepani krisis.

Bahagian II: Tugas Kami@PIDM memberikan gambaran keseluruhan tentang siapa kami, apa yang telah dimandatkan dan bagaimana kami telah menyediakan struktur dan sistem tadbir urus bagi mewujudkan nilai kepada pihak berkepentingan serta bagaimana kami menangani risiko utama. Bahagian ini juga menekankan pencapaian kami pada tahun 2022 dari segi prestasi dan kewangan berdasarkan Rancangan Korporat 2022 – 2024 yang bertemakan “**Mendepani Cabaran, Menerajui Masa Depan**”.

Bahagian III: Mara Ke Hadapan menggariskan strategi kami bagi tahun 2023 dan seterusnya melalui **Ringkasan Rancangan Korporat 2023 – 2025** yang bertemakan “**Merealisasikan Kesediaan**”. Akhir sekali, **Bahagian IV** laporan ini membentangkan **penyata kewangan PIDM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022**.

Kami berharap laporan ini akan membantu anda dalam memahami peranan dan fungsi PIDM, dan bagaimana PIDM menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.


**Jabatan Komunikasi Korporat
PIDM**

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Reporting Standard - MFRS). Penyediaannya juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standard - IFRS). Kami merujuk kepada International Integrated Reporting Framework, yang diterbitkan oleh International Integrated Reporting Council ketika menyediakan Laporan Tahunan ini. Lembaga Pengarah PIDM telah menyemak dan meluluskan Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini. Perakuan dan jaminan kawalan dalaman dan risiko juga telah diperoleh daripada pihak pengurusan untuk memastikan bahawa Laporan Tahunan dan penyata kewangan ini menggambarkan prestasi dan hal ehwal PIDM secara menyeluruh. Lembaga Pengarah juga telah memantau pengenpastian dan penilaian perkara-perkara material dalam pewujudan nilai oleh PIDM.

Sebarang maklum balas tentang Laporan Tahunan ini boleh disalurkan ke info@pidm.gov.my.

DALAM LAPORAN INI



Daripada Kepimpinan Kami	04
--------------------------	----

BAHAGIAN I: PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM Melindungi Deposit dan Manfaat Takaful dan Insurans	07
PIDM Mewujudkan Kesedaran dan Memperkukuhkan Keyakinan	09
PIDM Menyediakan Insentif kepada Institusi Ahli untuk Kekal Selamat dan Kukuh	10
PIDM Memastikan Resolusi Efektif Bagi Institusi Ahli	11
PIDM Mempertingkatkan Kesediaan untuk Mendepani Krisis	12
<i>Satu Langkah Kecil, Satu Lonjakan Besar – Alang-alang Menyeluk Pekasam, Biar Sampai Ke Pangkal Lengan</i>	15

BAHAGIAN II: TUGAS KAMI@PIDM

Tadbir Urus	17
Pihak Berkepentingan	32
<i>Pengerusi IFIGS 2022 – Pengiktirafan terhadap Kepakaran dan Kepimpinan Pemikiran PIDM</i>	34
<i>Memacu Literasi Kewangan di Malaysia: Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan 2022</i>	35
Perkara-Perkara Material	36
<i>Dalam Tinjauan – Dana Sasaran</i>	43
Prestasi	46
<i>Bangunan AICB – Selangkah ke Masa Depan</i>	57

BAHAGIAN III: MARA KE HADAPAN

Strategi	59
Ringkasan Rancangan Korporat 2023 – 2025	60
<i>Dalam Fokus: Komitmen Kelestarian yang Inklusif dan Progresif</i>	64

BAHAGIAN IV: PENYATA KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah	67
Pernyataan Pengarah	72
Akuan Berkanun	73
Sijil Ketua Audit Negara	74
Penyata Kedudukan Kewangan	78
Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain	79
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab	80
Penyata Aliran Tunai	81
Nota kepada Penyata Kewangan	82

Glosari Istilah	164
Rujukan Teknikal	166

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI



TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
Pengerusi



RAFIZ AZUAN ABDULLAH
Ketua Pegawai Eksekutif

Di sebalik pertumbuhan dan pemulihan yang dilaksanakan, ketidaktentuan masih berterusan. Dalam kita mengharungi landskap pasca pandemik, perubahan adalah sesuatu yang berterusan, dan oleh itu, kami perlu sentiasa menyesuaikan dan memperkukuhkan organisasi untuk melaksanakan mandat yang diamanahkan. Kami juga perlu sentiasa berwaspada dan memerhati persekitaran untuk sebarang perkembangan semasa dan jangkaan masa akan datang. Usaha kami bagi tahun 2022 adalah berpanduan Rancangan Korporat 2022 – 2024, yang bertemakan “Mendepani Cabaran, Menerajui Masa Depan”.

MENDEPANI CABARAN

Mengukuhkan keyakinan konsumen kewangan serta menggalakkan kestabilan sistem kewangan menerusi persediaan resolusi adalah tumpuan utama kami. Pada tahun 2022, kami menyempurnakan perundingan industri mengenai pendekatan bagi perancangan resolusi untuk bank ahli menerusi penerbitan Draf Pendedahan Perancangan Resolusi. Kami juga telah mempergiatkan penglibatan serta meningkatkan kefahaman tentang perancangan resolusi. Ini termasuk usaha untuk mempersiapkan penyedia perkhidmatan yang berkaitan agar dapat bersiap siaga untuk menyokong pelaksanaan strategi resolusi kami apabila diperlukan.

Dalam usaha kami untuk meningkatkan kesediaan mendepani krisis, kami meneruskan latihan simulasi tahunan kami dan memulakan penghasilan dokumen persediaan krisis antara agensi (*inter-agency crisis preparedness binder*), sebagai panduan untuk melaksanakan proses yang telah ditetapkan sekiranya berlaku situasi krisis. Kami juga mempertingkatkan dan menguji keupayaan pembayaran balik sewaktu operasi seperti biasa (*business as usual*) bagi memastikan kami berupaya membuat pembayaran balik dengan lancar dan tepat apabila perlu.

Kami berbangga dengan pencapaian tahap kesedaran awam yang tinggi, iaitu pada tahap 80% serta mencapai tahap advokasi 59%, menerusi tinjauan kesedaran awam tahunan kami. Kempen #SediaPayungKewangan yang merupakan kempen kesedaran awam dan literasi kewangan teras kami, telah diteruskan untuk tahun kedua dalam usaha untuk meningkatkan keterlihatan dan kesedaran mengenai PIDM menerusi inisiatif literasi kewangan. Kami juga menjadi tuan rumah bersama-sama Bank Negara Malaysia dalam menganjurkan Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan 2022. Simposium ini telah dapat menghimpunkan para penyelidik, ahli akademik dan badan pemikir (*think tanks*) bersama penggubal dasar dan peserta industri, dengan objektif untuk mempertingkatkan keberkesanan usaha literasi kewangan serta pengetahuan bagi membina daya tahan kewangan orang awam pasca pandemik.

Di peringkat antarabangsa, kami terus mengukuhkan penglibatan dua hala dengan rakan sejawat kami dari negara lain serta memberikan sokongan yang bermakna dan mempamerkan kepimpinan kami di persada antarabangsa. Sebagai Pengerusi International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS), kami telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa dan Mesyuarat Agung Tahunan IFIGS ke-9 pada bulan Disember 2022.

MENERAJUI MASA DEPAN

Pelan jangka panjang transformasi digital kami dimulakan dengan pelaksanaan rangka kerja pemikiran digital dan kelestarian (*digital and sustainability mindset*) untuk menerapkan budaya digital dan kelestarian kepada setiap kakitangan kami. Kami juga telah mempertingkatkan lagi keupayaan keselamatan siber dan memperkenalkan penggunaan teknologi awan (*cloud technology*) bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan juga ketangkasan. Bagi mempersedia dan melengkapkan kakitangan kami untuk perjalanan transformasi digital ini, kami telah melancarkan rangka kerja kemahiran menerajui masa depan (*future-ready skills*) khusus untuk peningkatan kemahiran digital, kelestarian dan kemahiran kepintaran (*smart skills*) kakitangan kami.

Pada tahun 2022, kami juga memberi lebih penekanan terhadap perjalanan kelestarian alam sekitar, di samping mengekalkan komitmen kami terhadap kemampanan sosial. Kami telah memperkenalkan aktiviti yang menggabungkan pertimbangan terhadap alam sekitar ke dalam aspek-aspek operasi yang berkaitan untuk menyumbang kepada daya tahan iklim jangka masa panjang. Sejajar dengan itu, kami memulakan penggunaan amalan lestari yang lebih meluas dengan menganjurkan pelbagai program kesedaran kakitangan dan menumpukan usaha kami kepada pengumpulan data bagi menentukan garis dasar jejak karbon PIDM serta mengenal pasti jurang dalam memenuhi objektif kelestarian alam sekitar kami.

KEKAL STABIL

Tadbir urus adalah asas utama sejak penubuhan PIDM dan ianya terus menjadi tumpuan strategik kami. Dalam persiapan untuk mendepani perubahan dan perkembangan baharu, adalah penting bagi kami untuk terus meningkatkan dan mengukuhkan tadbir urus organisasi dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, pada tahun ini kami telah menubuhkan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus khusus yang diketuai oleh Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus, yang melapor terus kepada Lembaga Pengarah. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami bagi mengekalkan taraf tadbir urus yang tinggi.

Sebagai pemimpin, kami bertanggungjawab untuk mengemudi sebuah organisasi yang stabil ke arah hala tuju yang dihasratkan. Namun, tanpa warga kerja kami yang merupakan tunjang PIDM, destinasi kami tidak akan kesampaian. Kami terus berusaha untuk memastikan operasi PIDM kekal berdaya tahan dan tangkas, termasuk pelaksanaan persekitaran kerja hibrid dan perpindahan sebahagian daripada tenaga kerja kami ke Bangunan AICB. Kami juga terus berusaha gigih untuk memastikan kesinambungan operasi, perlindungan maklumat kritikal dan sulit, dan yang paling penting, keselamatan kakitangan kami.

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan PIDM atas usaha, komitmen dan daya tahan mereka. Tidak lupa juga kepada ahli Lembaga Pengarah PIDM atas pandangan strategik, bimbingan dan sokongan mereka.

Kami mesti memastikan asas kami akan terus kukuh, agar kami mampu mengharungi cabaran landskap kawal selia kewangan yang sentiasa berubah-ubah dengan pasti dan cekap. Ini adalah penting supaya kami boleh melaraskan langkah-langkah yang perlu, walau apa pun berlaku, agar matlamat kami tercapai di samping terus berkembang dan menyesuaikan diri bagi memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan. Dengan berpegang teguh kepada mandat dan nilai teras, kami percaya tindakan dan keputusan kami akan terus berada di landasan yang betul dalam perjalanan kami memacu ke masa depan.



TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
Pengerusi



RAFIZ AZUAN ABDULLAH
Ketua Pegawai Eksekutif

BAHAGIAN I

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM Melindungi Deposit dan Manfaat Takaful dan Insurans


PIDM Mewujudkan Kesedaran dan Memperkukuhkan Keyakinan

PIDM Menyediakan Insentif kepada Institusi Ahli untuk Kekal Selamat dan Kukuh

PIDM Memastikan Resolusi Efektif Bagi Institusi Ahli

PIDM Mempertingkatkan Kesediaan untuk Mendepani Krisis


Satu Langkah Kecil, Satu Lonjakan Besar – Alang-alang Menyeluk Pekasam, Biar Sampai Ke Pangkal Lengan



PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia¹ (Akta PIDM)². Dalam memenuhi mandat kami sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan juga pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli, PIDM melindungi konsumen kewangan di Malaysia dengan:

- 1 Melindungi deposit dan manfaat takaful dan insurans
- 2 Mewujudkan kesedaran dan memperkukuhkan keyakinan
- 3 Menyediakan insentif kepada institusi ahli untuk kekal selamat dan kukuh
- 4 Memastikan resolusi efektif bagi institusi ahli
- 5 Mempertingkatkan kesediaan untuk mendepani krisis



1 PIDM MELINDUNGI DEPOSIT DAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

PIDM melindungi deposit serta manfaat takaful dan insurans **konsumer kewangan** sekiranya sesebuah institusi ahli gagal. Perlindungan ini diberikan secara automatik dan tiada bayaran dikenakan kepada konsumer kewangan. PIDM mempunyai 42 bank ahli dan 50 ahli penginsurans.³

Perlindungan PIDM Bagi Pendeposit di Bank Ahli

PIDM melindungi deposit yang layak sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli. Perlindungan berasingan diberikan kepada deposit konvensional dan Islam yang dipegang oleh individu, pemilik bersama, perniagaan tunggal, pemegang amanah, perniagaan perkongsian dan syarikat.

PIDM melindungi 96% pendeposit dengan sepenuhnya. Skop dan had perlindungan deposit yang diberikan PIDM kekal tinggi, malah melebihi tahap yang disyorkan dalam *Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems* oleh **International Association of Deposit Insurers (IADI)**.⁴ IADI mengesyorkan perlindungan insurans deposit sekurang-kurangnya pada tahap 80% daripada jumlah pendeposit dan sebanyak 20% – 30% daripada nilai jumlah deposit.



SIAPAKAH KONSUMER KEWANGAN?

Mereka ialah pelanggan institusi ahli PIDM yang terdiri daripada:

- pendeposit (penyimpan wang) di bank; dan
- pemilik sijil takaful dan polisi insurans di Malaysia.

APA ITU IADI?

IADI adalah sebuah organisasi bukan berlandaskan keuntungan yang ditubuhkan pada bulan Mei 2002, yang bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem insurans deposit dengan menyediakan panduan dan menggalakkan kerjasama antarabangsa.

PIDM merupakan ahli **IADI** yang aktif.

¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005

² Akta terkini mengikut pelbagai pindaan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011

³ Data sehingga 31 Disember 2022

⁴ Rujuk laman web IADI di www.iadi.org

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

96% PENDEPOSIT DILINDUNGI SEPENUHNYA



96%

pendeposit dilindungi sepenuhnya



Individu
96%



Pemilik bersama
93%



Pemegang amanah
97%



Perniagaan tunggal
96%




Perniagaan perkongsian
94%



Syarikat
83%

Jumlah Deposit



88%
jumlah deposit layak diinsuranskan

31%
jumlah deposit diinsuranskan sepenuhnya


Sumber: PIDM

Perlindungan PIDM untuk Pemilik Sijil Takaful dan Polisi Insurans oleh Ahli Penginsurans

PIDM melindungi manfaat takaful dan insurans yang layak sehingga RM500,000. Berkuat kuasa pada 1 Januari 2021, PIDM telah menambah baik perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans dengan melindungi hampir kesemua jenis manfaat di bawah sijil dan polisi yang layak (tertakluk kepada syarat dan had yang dinyatakan dalam kontrak takaful dan polisi masing-masing).⁵


Perlindungan ini meliputi 96% daripada pemilik sijil takaful am dan polisi insurans am, dan 99% daripada pemilik sijil takaful keluarga dan polisi insurans hayat, sepenuhnya. Perlindungan berasingan juga diberikan kepada sijil takaful dan polisi insurans yang dipegang oleh individu dan kumpulan, serta tuntutan untuk diri sendiri dan pihak ketiga.

Takaful Keluarga dan Insurans Hayat



Sumber: PIDM

Takaful Am dan Insurans Am



Sumber: PIDM

⁵ Rujuk www.pidm.gov.my untuk maklumat lanjut

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

2 PIDM MEWUJUDKAN KESEDARAN DAN MEMPERKUKUHKAN KEYAKINAN

PIDM melaksanakan aktiviti kesedaran awam secara meluas agar konsumen kewangan menyedari tentang kewujudan sistem perlindungan PIDM dan memahami manfaat dan hadnya. Ini adalah penting supaya konsumen kewangan memiliki kefahaman yang jelas dan juga mempunyai keyakinan terhadap sistem perlindungan kewangan ini, justeru dapat mengurangkan risiko kepanikan pengeluaran deposit (*bank run*) dan penyerahan sijil takaful atau polisi insurans yang berlaku ke atas institusi ahli ketika dalam keadaan tertekan atau ketidakpastian. Usaha memupuk kesedaran orang awam juga bertujuan untuk memberi pengetahuan bagi membina daya tahan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dan meningkatkan keyakinan terhadap keupayaan PIDM untuk melaksanakan mandat dan peranannya sebagai pihak berkuasa resolusi. Hasrat kami adalah untuk beralih daripada kesedaran kepada keyakinan orang awam terhadap PIDM.

Kesedaran Mengenai PIDM dan Sistem Perlindungannya

Kami juga terus meningkatkan kesedaran terhadap PIDM melalui iklan radio, media cetak dan digital serta menggalakkan pemahaman tentang sistem perlindungan kami melalui kerjasama dengan rakan media dan penerbit dalam talian. Tahap kesedaran awam tentang PIDM berada pada paras tertinggi pernah dicapai iaitu 81% pada tahun 2021 dan kekal kukuh di tahap 80% pada tahun 2022.

Kempen Daya Tahan Kewangan

Pada tahun 2022, kempen daya tahan kewangan #SediaPayungKewangan telah diteruskan melalui penglibatan yang menggunakan pendekatan secara hibrid, iaitu aktiviti media sosial dan fizikal bersama orang awam. Pendekatan ini telah menyumbang kepada peningkatan tahap advokasi (2022: 59%; 2021: 47%) dan kempen tersebut berjaya mencapai **jangkauan keseluruhan** sebanyak 15.2 juta.

Komponen digital bagi kempen kami merangkumi video baharu untuk siri Borak BerUang, video celik kewangan, serta kerjasama dengan pencipta kandungan dan aktiviti media sosial, termasuk webinar berkaitan celik kewangan. Aktiviti jerayawara bersama PIDM Kombi Van telah membawa kempen PIDM kepada orang ramai di seluruh Lembah Klang, Seremban, Melaka dan Johor.



APAKAH JANGKAUAN KESELURUHAN?

Jumlah audiens yang telah melihat kandungan #SediaPayungKewangan secara dalam talian dan di acara fizikal.



Chief BerUang, ikon pengurusan kewangan yang baik PIDM turut meluaskan jangkauan dan ketampakannya kepada audiens Instagram (@chief.beruang) pada tahun 2022.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus memanfaatkan kandungan literasi kewangan untuk mempromosikan pengetahuan tentang PIDM sebagai badan kawal selia. Sejajar dengan objektif utama strategi komunikasi PIDM untuk menjana kepercayaan dan keyakinan orang awam dalam tempoh jangka panjang, kami akan meneliti kaedah-kaedah lain untuk berkomunikasi dengan orang awam secara efektif dan meningkatkan pemahaman mereka tentang peranan PIDM dan seterusnya memperkukuhkan keyakinan mereka terhadap PIDM.

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

3 PIDM MENYEDIAKAN INSENTIF KEPADA INSTITUSI AHLI UNTUK KEKAL SELAMAT DAN KUKUH

PIDM menyokong kestabilan sistem kewangan secara keseluruhannya serta menggalakkan keselamatan dan kekukuhan institusi ahli kami dengan memberikan insentif bagi pelaksanaan pengurusan risiko yang wajar. Ini dilaksanakan melalui rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful.

Bank ahli membayar premium dan ahli penginsurans membayar levi kepada PIDM setiap tahun, berdasarkan profil risiko mereka di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful. Pembayaran premium dan levi ini adalah berdasarkan **mekanisme pendanaan ex-ante**.



APAKAH MEKANISME PENDANAAN EX-ANTE?

Kami mendahulukan pengumpulan dana dalam bentuk premium dan levi daripada institusi ahli kami ketika beroperasi seperti biasa (business as usual).

Semakin Tinggi Risiko, Semakin Tinggi Kadar Bayaran

Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli, Sistem Levi Berbeza bagi syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful telah melalui pelbagai peringkat kematangan dan dipertingkatkan secara progresif supaya kekal efektif dan relevan. Pengenalan Sistem Premium Berbeza kepada bank ahli pada tahun 2008, Sistem Levi Berbeza untuk ahli penginsurans pada tahun 2013 dan Sistem Levi Berbeza pada tahun 2016 untuk ahli takaful membolehkan kutipan premium dan levi berbeza dilaksanakan berdasarkan profil risiko setiap institusi ahli.

Institusi ahli yang mempunyai profil risiko lebih tinggi, perlu membayar premium atau levi pada kadar yang lebih tinggi berbanding institusi ahli dengan profil risiko yang lebih rendah. Rangka kerja ini memberi insentif kepada institusi ahli untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko, sekali gus meningkatkan daya tahan dan mencegah berlakunya kegagalan operasi, dan pada masa yang sama menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan.

Penambahbaikan di Masa Depan untuk Merangkumi Kebolehseseaian

Bagi tujuan penyesuaian dengan perubahan persekitaran operasi dan landskap kawal selia, PIDM mencadangkan penambahbaikan⁶ yang selanjutnya kepada rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang dijangka berkuat kuasa bagi Tahun Taksiran 2025. Cadangan penambahbaikan itu dijangka terus menggalakkan amalan pengurusan risiko yang kukuh merentasi sistem kewangan, dan pada masa yang sama menyediakan insentif yang bermakna ke arah mewujudkan proses resolusi teratur bagi institusi ahli. Kajian semula juga akan dilakukan terhadap Sistem Levi Berbeza untuk ahli penginsurans dan Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful. Akhir sekali, penambahbaikan pada masa hadapan dijangka akan menyumbang kepada kestabilan keseluruhan sistem kewangan.

Cadangan Penambahbaikan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza

1

PERBEZAAN RISIKO

Kriteria Keselamatan dan Kekukuhan



Mempertimbangkan keselamatan dan kekukuhan dengan memanfaatkan penilaian penyeliaan Bank Negara Malaysia



Mengiktiraf langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menangani kelemahan dalam amalan pengurusan risiko dan isu-isu penyeliaan yang lain



Mengurangkan duplikasi dalam rangka kerja penilaian

2

MEKANISME INSENTIF BERDASARKAN RESOLUSI

Kriteria Bertumpuan Resolusi



Memberi insentif dengan mengambil kira kebolehseseaian (*resolvability*)



Menyediakan insentif untuk mengurangkan halangan bagi melaksanakan resolusi

+

Selaras dengan keperluan perancangan resolusi (2023 dan seterusnya)

⁶ Kertas perundingan tentang cadangan menyemak semula Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza telah dikeluarkan pada bulan Ogos 2021, manakala respons PIDM terhadap maklum balas industri mengenai cadangan itu dikeluarkan pada bulan Jun 2022

PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

4 PIDM MEMASTIKAN RESOLUSI EFEKTIF BAGI INSTITUSI AHLI

Walaupun dikenali umum sebagai penginsurans deposit, PIDM juga merupakan pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli kami. Mandat kami sebagai pihak berkuasa resolusi sebenarnya bukan sesuatu yang baharu, malah sudah termaktub sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005.

Sebagai pihak berkuasa resolusi, PIDM berperanan melaksanakan resolusi terhadap institusi ahli secara teratur, sekali gus meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Di bawah Akta PIDM, PIDM diberikan kuasa khusus untuk melaksanakan intervensi dan resolusi yang efektif. Sila layari www.pidm.gov.my untuk maklumat lanjut tentang pendekatan dan kuasa PIDM berkenaan resolusi.

Sejak penubuhannya, PIDM meneruskan usaha mempertingkatkan infrastrukturnya dan membangunkan keupayaan dalaman untuk melaksanakan resolusi yang efektif. Sejak lima tahun kebelakangan ini, PIDM telah mencatat kemajuan baik dalam mencapai tahap kesediaan yang lebih tinggi untuk melaksanakan intervensi dan resolusi dari pelbagai dimensi, termasuk langkah intervensi dan resolusi awal, perancangan resolusi untuk bank ahli, pembayaran balik, pendanaan dan penyelarasan krisis dengan pihak berkepentingan luar.

Melangkah ke hadapan, PIDM akan terus memantapkan keupayaannya bagi melaksanakan intervensi dan resolusi institusi ahli. Sehubungan itu, kesediaan resolusi dalaman akan terus dipertingkatkan lagi di samping memastikan pihak berkepentingan luar yang utama bersedia untuk bertindak dan menyokong pelaksanaan strategi resolusi PIDM ketika krisis. Institusi ahli, penyedia perkhidmatan yang dikenal pasti dan pihak berkepentingan industri utama yang lain pula akan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menyokong pelaksanaan resolusi oleh PIDM.

Perancangan Resolusi Ahli Secara Efektif

Perancangan awal bagi melaksanakan resolusi merupakan antara satu kaedah yang digunakan untuk memastikan kesediaan resolusi. Hasil daripada perancangan resolusi ialah pembangunan pelan resolusi bagi setiap institusi ahli. PIDM bekerjasama dengan institusi ahli untuk membangunkan pelan resolusi yang boleh dilaksanakan dan berwibawa yang disesuaikan mengikut keperluan setiap institusi.

Sebagai sebahagian daripada proses perancangan resolusi, institusi ahli perlu membangunkan keupayaan kebolehsesediaan (*resolvability*) untuk mendokong sesuatu resolusi serta mengambil langkah-langkah untuk meminimumkan halangan yang dikenal pasti bagi melaksanakan pelan resolusi dengan teratur. Sinergi boleh diwujudkan dengan menyepadukan keupayaan kebolehsesediaan dalam proses dan operasi harian institusi ahli melalui peningkatan tadbir urus, penambahbaikan kecekapan operasi dan daya tahan institusi ahli.

Pada tahun 2022, kami menerbitkan Draf Pendedahan Perancangan Resolusi dan menyempurnakan perundingan industri berkenaan pendekatan perancangan resolusi bagi bank ahli. Perancangan resolusi seterusnya akan dilancarkan kepada bank-bank ahli secara berperingkat, yang akan melibatkan pembangunan pelan resolusi bagi setiap bank ahli.



PERLINDUNGAN PIDM BAGI KONSUMER KEWANGAN

5 PIDM MEMPERTINGKATKAN KESEDIAAN UNTUK MENDEPANI KRISIS

Kegagalan Merancang Umpama Merancang untuk Gagal

Dalam meningkatkan perancangan dan kesediaan PIDM mendepani krisis, Jabatan Pengurusan Krisis telah ditubuhkan pada awal tahun 2022 bagi menyokong persediaan Pasukan Pengurusan Krisis PIDM untuk bertindak balas terhadap sebarang kecemasan yang berkemungkinan berlaku.

PIDM bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan merupakan peserta jaringan keselamatan kewangan, dan komponen utama dalam persediaan mendepani krisis ialah bagaimana kami menyelaraskan, berkolaborasi dan bekerjasama bagi menguruskan sesuatu krisis.

Pada tahun 2022, penyelarasan antara agensi ini telah diuji apabila PIDM bersama Bank Negara Malaysia mengambil bahagian dalam latihan simulasi krisis rentas sempadan iaitu simulasi kegagalan bank sistemik serantau, anjuran Financial Stability Institute (FSI). Latihan itu memperlihatkan peluang penambahbaikan bagi bidang-bidang tertentu dalam meningkatkan penyelarasan antara agensi bagi memastikan pengurusan krisis yang efektif.

Di samping itu, PIDM telah memulakan penyediaan dokumen dikenali sebagai **inter-agency crisis preparedness binder** untuk mempertingkatkan respons ketika krisis. Dokumen ini memberi gambaran yang menyeluruh tentang tindakan yang perlu diambil semasa krisis dan langkah-langkah untuk mengoperasikan penyelarasan antara agensi. Dokumen ini menjadi panduan untuk melaksanakan proses-proses yang ditetapkan dalam situasi tertekan dan sebagai rujukan dalam membuat keputusan pada peringkat kritikal. Dokumen ini akan diuji ketika latihan simulasi krisis melibatkan peserta jaringan keselamatan kewangan dan hasil pembelajaran daripada latihan itu akan digunakan untuk penambahbaikan.

PIDM juga merancang untuk mengadakan latihan simulasi krisis untuk Lembaga Pengarah PIDM dan sesi perkongsian pengetahuan antara agensi pada tahun 2023, sebagai sebahagian daripada usaha kesediaan dalaman bagi mendepani krisis.

Bersedia Membuat Pembayaran Balik, Pendeposit Diutamakan

Strategi pembayaran balik kami disokong oleh keupayaan dan kesediaan pembayaran balik yang dipertingkatkan dan dibangunkan sebelum krisis, bagi membolehkan pembayaran balik yang cepat dan tepat apabila kegagalan institusi ahli berlaku.

Sebagai ahli Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata PayNet, PIDM boleh melakukan pembayaran balik secara pukal dengan lancar dan selamat, dengan menggunakan nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran perniagaan pendeposit sebagai proksi melalui platform DuitNow. Berikutan kejayaan integrasi dengan proses dan sistem pembayaran balik, PIDM kini bersedia untuk membuat pembayaran balik menggunakan DuitNow.

DuitNow merupakan saluran pilihan bagi pembayaran balik selain saluran pembayaran balik PIDM yang sedia ada iaitu pemindahan wang antara bank dan pembayaran melalui cek.

Strategi dan pendekatan pembayaran balik deposit PIDM disemak secara berterusan dengan mengambil kira persekitaran operasi semasa termasuk perubahan keperluan dan jangkaan pendeposit, serta kemajuan teknologi pembayaran.

Sehubungan itu, sistem pembayaran balik yang disepadukan dan laman mikro PIDM sedang dinaiktaraf supaya lebih mesra pengguna dan menawarkan fungsi yang lebih mantap untuk menguruskan permintaan pendeposit. Pendeposit boleh menggunakan laman mikro untuk mengetahui status terkini pembayaran balik deposit mereka dan memudahkan komunikasi yang efektif berkenaan pembayaran balik. PIDM juga akan mengukuhkan lagi keupayaan daya tahan siber sistem pembayaran balik tersebut.

Usaha bersepadu sedang dilakukan untuk memupuk kesedaran awam yang lebih baik tentang mandat dan strategi pembayaran balik PIDM serta memastikan orang ramai mempunyai maklumat yang menyeluruh ketika berlaku krisis atau kegagalan bank.

Melangkah ke hadapan, PIDM akan terus menambah baik tahap kesediaan pembayaran balik dengan memastikan semua pihak luar lain yang terlibat turut berkongsi aspirasi yang sama dalam menyokong aktiviti dan strategi pembayaran balik PIDM.



APA ITU INTER-AGENCY CRISIS PREPAREDNESS BINDER?

Dokumen menyeluruh yang boleh digunakan oleh peserta jaringan keselamatan kewangan dalam situasi tertekan sebagai panduan untuk bertindak dan membuat keputusan dengan cepat.

KESEDIAAN DAN STRATEGI PEMBAYARAN BALIK DIPERTINGKAT

Bertujuan memastikan pembayaran balik yang lancar kepada pendeposit supaya mereka mendapat akses segera kepada deposit mereka tanpa banyak kesulitan dan gangguan ketika berlakunya kegagalan bank.

DALAM FOKUS: PERANCANGAN RESOLUSI DAN KESEDIAAN KRISIS TETAP MENJADI KEUTAMAAN KAMI MESKIPUN INSTITUSI AHLI KEKAL BERDAYA TAHAN

Dengan asas dan penampan kewangan yang kukuh, institusi ahli kami terus menyokong pengantaraan kewangan dalam fasa pemulihan ekonomi pasca pandemik.

BANK AHLI

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1



14.5%

(2021:15.5%)

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



154%

(2021:153%)

Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih



1.07%

(2021:1.07%)

Nisbah Rizab Kerugian Pinjaman Dilindungi



126.4%

(2021:136.8%)

Pulangan Aset Berwajaran Risiko



2.74%

(2021:2.25%)

- Bank ahli mencatat pertumbuhan pinjaman yang lebih baik
- Kualiti aset diurus secara proaktif dan terpelihara dengan peruntukan konservatif terhadap potensi peningkatan risiko kredit
- Kedudukan pendanaan dan mudah tunai yang sihat
- Prestasi pendapatan lebih baik dengan margin faedah bersih dan kos kredit yang semakin baik
- Kedudukan modal yang kukuh menyokong keupayaan bank ahli menyerap kerugian

Sumber: PIDM, Bank Negara Malaysia
Nota: Data sehingga Disember 2022

AHLI PENGINSURANS

Nisbah Kecukupan Modal

Syarikat Insurans

225.2%

(2021: 222.4%)

Pengendali Takaful

229.8%

(2021: 224.3%)

Pertumbuhan Jumlah Aset

Syarikat Insurans

1.1%

(2021: 2.5%)

Pengendali Takaful

8.9%

(2021: 9.4%)

Pertumbuhan Premium Bersih (Insurans Hayat dan Takaful Keluarga)

4.0%

(2021: 7.7%)

Pertumbuhan Premium Kasar (Insurans Am dan Takaful Am)

11.7%

(2021: 4.0%)

- Pertumbuhan premium / sumbangan kasar yang lebih baik untuk syarikat insurans am dan pengendali takaful am
- Pertumbuhan premium / sumbangan bersih yang sihat untuk syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga sejajar dengan peningkatan kesedaran konsumen
- Pertumbuhan aset yang perlahan disebabkan oleh peningkatan volatiliti pasaran kewangan
- Kedudukan modal yang kukuh untuk menyokong kemampunan perniagaan baharu dan menghadapi kemungkinan kejutan

Sumber: PIDM, Bank Negara Malaysia
Nota: Data sehingga Disember 2022

Memandang ke hadapan, institusi ahli berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi risiko dan cabaran berdasarkan asas yang kukuh dan penampian kewangan yang mencukupi.

TINJAUAN INSTITUSI AHLI

CABARAN DAN RISIKO MASA KINI

BANK AHLI

Risiko kredit daripada peminjam yang mudah terjejas dengan kos sara hidup dan input yang tinggi

Tekanan kos pendanaan daripada persaingan deposit dan keadaan kewangan lebih ketat

Ancaman siber dan penipuan kewangan yang semakin meningkat

Peningkatan volatiliti pasaran kewangan memberi kesan kepada hasil pelaburan dan pendapatan perbendaharaan

AHLI PENGINSURANS

Tekanan keuntungan daripada normalisasi tuntutan

Pertumbuhan perniagaan baharu lebih perlahan walaupun dalam pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana dan inflasi yang tinggi

PENAMPAN



Asas yang kukuh



Penampian modal dan mudah tunai yang mencukupi



Pertumbuhan ekonomi yang berterusan meskipun pada kadar sederhana



Peruntukan kerugian pinjaman dan rizab insurans yang berhemat

PELUANG DAN CABARAN JANGKA MASA SEDERHANA



Persekitaran operasi lebih kompetitif dengan digitalisasi dan liberalisasi



Penggunaan piawaian perakaunan baharu oleh ahli penginsurans



Perubahan iklim dan tumpuan terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance – ESG*)



Evolusi Teknologi Kewangan (*Fintech*)

Institusi ahli PIDM telah berupaya menyokong pengantaraan kewangan walaupun dalam keadaan ekonomi dan kewangan yang mencabar ketika pandemik. Institusi ahli terus memainkan peranan mereka dalam menyokong pemulihan ekonomi pasca pandemik. Namun begitu, inisiatif perancangan resolusi dan persediaan mendepani krisis bertujuan untuk mempertingkatkan kesediaan operasi resolusi bagi mendepani sebarang kemungkinan atau krisis kewangan.

SATU LANGKAH KECIL, SATU LONJAKAN BESAR

ALANG-ALANG MENYELUK PEKASAM, BIAR SAMPAI KE PANGKAL LENGAN

**“THAT’S ONE SMALL STEP FOR A MAN,
ONE GIANT LEAP FOR MANKIND**

*Neil Alden Armstrong,
manusia pertama menjejak kaki ke Bulan*

Pada tahun 1961, Amerika Syarikat mengumumkan rancangannya untuk menghantar manusia ke Bulan selepas Kesatuan Soviet berjaya menghantar manusia pertama ke angkasa. Rancangan itu didorong oleh fakta bahawa jika Amerika Syarikat boleh menjejakkan kaki ke Bulan terlebih dahulu, ia akan menunjukkan bahawa Amerika Syarikat adalah peneraju dalam bidang sains dan teknologi.

Tetapi mengapa ke Bulan? Dalam ucapan terkenalnya yang menyokong program angkasa lepas, Presiden John F. Kennedy membuat kenyataan berikut, *“Kami memilih untuk pergi ke Bulan dalam dekad ini dan juga melakukan perkara lain, bukan kerana ia mudah, tetapi kerana ianya sukar, kerana matlamat tersebut akan mendorong dan mengiktiraf usaha dan kemahiran kita sebagai yang terbaik, kerana cabaran itu adalah satu yang kita sanggup terima, sesuatu yang kita tidak mahu tangguhkan, dan sesuatu yang kita berhasrat untuk menang...”*. Cabaran hebat oleh Presiden Kennedy kepada rakyat Amerika hanya tercapai lapan tahun kemudian apabila angkasawan Apollo 11, Neil Armstrong dan Buzz Aldrin menjadi manusia pertama yang berjalan di muka Bulan pada 20 Julai 1969.

Apabila PIDM mengambil langkah pertama dalam perjalanan perancangan resolusi kami pada tahun 2016, ia mungkin bukan sesuatu yang luar biasa seperti perjalanan ke Bulan pada tahun 1960-an. Walau bagaimanapun, sama seperti Kennedy, kami tahu ia akan menjadi satu tugas yang rumit dan mencabar yang memerlukan tahap komitmen dan iltizam yang tinggi. Sebegitulah juga, perancangan resolusi memerlukan penyediaan pelan resolusi yang disesuaikan untuk setiap institusi ahli PIDM.

Sebuah pelan resolusi merangkumi strategi resolusi pilihan, dan pelan operasi yang bertujuan untuk menyatakan bagaimana strategi resolusi pilihan tersebut akan dilaksanakan ketika resolusi.

Sebagai sebahagian daripada proses perancangan resolusi, pemahaman yang jelas tentang institusi ahli diperlukan, dan ini mungkin diperolehi melalui penilaian menyeluruh terhadap fungsi kritikal dan ketergantungan model perniagaan institusi ahli. PIDM juga perlu memastikan bahawa strategi resolusi pilihan untuk institusi ahli boleh dilaksanakan dan berwibawa. Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan perancangan resolusi, ia memerlukan persediaan terperinci dan penyelarasan yang rapi antara PIDM dan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk institusi ahli itu sendiri dan pihak berkuasa kawal selia yang lain seperti Bank Negara Malaysia.

Rakyat Amerika sangat gembira menjadi negara pertama yang menghantar manusia ke Bulan, walaupun ia diselubungi kontroversi. Seperti yang dijangkakan oleh Presiden Kennedy, perjalanan itu sememangnya terlalu sukar dan mahal. Pengkritik merasakan bahawa kosnya amat tinggi; program Apollo menelan belanja kira-kira \$20 bilion dolar antara 1961 dan 1973. Walau bagaimanapun, penyokong beliau berpendapat sebaliknya; mereka bersetuju dengan Presiden Kennedy bahawa cabaran yang sukar itu mungkin akan memberikan manfaat dan kelebihan lain terutamanya dalam bidang kemajuan teknologi. Teknologi yang dibangunkan daripada program angkasa lepas kemudiannya digunakan untuk pelbagai inovasi yang merubah kehidupan harian manusia sejagat. Sebagai contoh, sut yang direka bentuk untuk angkasawan dipakai dalam keadaan suhu yang melampau juga digunakan untuk membuat sut untuk melindungi anggota bomba. Teknologi pengimejan dan satelit yang digunakan untuk penerokaan angkasa lepas digunakan dalam industri pengimbasan perubahan untuk menyelamatkan nyawa. Teknologi osmosis berbalik yang digunakan untuk mengitar semula air kumbahan di angkasa lepas juga telah membantu mengubah air kumbahan global kepada air bersih dan boleh diminum.

Sama seperti kesukaran yang timbul susulan misi ke Bulan membawa kepada pelbagai kemajuan teknologi, pelaksanaan perancangan resolusi oleh institusi ahli PIDM jika dilaksanakan dengan baik akan memberi manfaat yang besar.

**“SEJUJURNYA, APA SAHAJA YANG KITA
LAKUKAN, LAKUKANLAH DENGAN TERBAIK;
DAN TIADA APA YANG BOLEH DILAKUKAN
DENGAN BAIK TANPA TUMPUAN**

*Philip Dormer Stanhope, Earl of Chesterfield ke-4, dalam
suratnya kepada anaknya tentang adab menjadi seorang
lakai budiman*

Perancangan resolusi akan membantu institusi ahli membangunkan keupayaan untuk menyokong pelaksanaan resolusi dengan segera dan teratur. Maklumat dan pandangan yang diperolehi daripada institusi ahli melalui proses perancangan resolusi juga akan membantu memudahkan PIDM membuat keputusan yang lancar dan termaklum dalam resolusi. Persediaan awal, serta keputusan pantas oleh PIDM dapat memelihara nilai institusi ahli, walaupun ketika krisis. Maklumat yang diperolehi semasa penyediaan awal juga akan meningkatkan keupayaan institusi ahli untuk menjalankan transaksi urus niaga seperti biasa, termasuk perancangan pemulihan.

Oleh sebab itu, seperti Kennedy yang memilih untuk menghantar manusia ke Bulan lebih 60 tahun yang lalu, PIDM juga telah memutuskan untuk memulakan perancangan resolusi dengan institusi ahli sebagai satu objektif strategik utamanya. Walaupun ia mungkin usaha yang rumit dan mencabar, hasilnya akan bermanfaat kerana usaha persediaan yang dilaksanakan boleh diguna pakai ketika resolusi. Seperti juga misi manusia ke Bulan yang telah memberi inspirasi kepada manusia untuk mencapai kejayaan yang lebih hebat, apa yang bermula sebagai langkah kecil dalam usaha perancangan resolusi boleh membantu kami membina sistem kewangan yang lebih kukuh dan berdaya tahan, bagi membolehkan kami melonjak jauh dalam pelbagai aspek kesediaan di masa depan.

BAHAGIAN II

TUGAS KAMI@PIDM

Tadbir Urus

Pihak Berkepentingan

Pengerusi IFIGS 2022 – Pengiktirafan terhadap Kepakaran dan Kepimpinan Pemikiran PIDM

Memacu Literasi Kewangan di Malaysia – Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan 2022

Perkara-Perkara Material

Dalam Tinjauan – Dana Sasaran

Prestasi

Bangunan AICB – Selangkah ke Masa Depan


PIDM komited terhadap amalan tadbir urus yang baik, yang bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti kepada semua pihak berkepentingan kami serta mempromosikan keupayaan kami untuk mencipta nilai. Objektif berkanun PIDM dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 4 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM).



Lembaga Pengarah kami memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh, khususnya berkaitan etika, budaya dan standard tingkah laku.

Ditadbir oleh sembilan ahli Lembaga Pengarah, PIDM melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. Daripada sembilan pengarah PIDM, dua ialah pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Ahli Lembaga Pengarah yang selebihnya adalah daripada sektor awam dan swasta, yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

Berdasarkan pindaan kepada Akta PIDM pada tahun 2022, pengarah *ex officio* dibenarkan melantik pengarah silih ganti daripada dalam organisasi mereka iaitu, daripada BNM dan daripada Kementerian Kewangan. Pengarah silih ganti akan menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah sebagai wakil pengarah *ex officio* jika perlu. Ini bagi memastikan pandangan pegawai kanan BNM dan Kementerian Kewangan terus diambil kira semasa mesyuarat Lembaga Pengarah. Pada 2022, Datuk Jessica Chew Cheng Lian dan Dato' Shahrol Anuwar Sarman masing-masing dilantik sebagai pengarah silih ganti kepada Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perpendaharaan.




TADBIR URUS

Rangka Kerja Tadbir Urus

PIDM secara sukarela menanda aras amalan tadbir urusnya dengan amalan-amalan terbaik. Ini termasuk amalan “Good Governance in the Public Sector” oleh International Federation of Accountants dan “Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems” oleh International Association of Deposit Insurers.

PIDM melaporkan berpandukan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarahnya, yang menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan berkenaan dengan tadbir urus korporat. Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah ditanda aras terhadap amalan terbaik yang terpakai dan berfungsi untuk menyatakan jangkaan Lembaga Pengarah terhadap Pengurusan, dan peranan Lembaga Pengarah dalam menetapkan hala tuju dan kawalan PIDM.



Laporan mengenai prestasi berdasarkan standard Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dikeluarkan pada setiap tahun dan boleh didapati dalam Penyata Tadbir Urus di www.pidm.gov.my.

Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah

Pada tahun 2022, kehadiran ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Kehadiran mesyuarat			
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	8/8	-	2/2	-
Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus	7/8 ²			
Pengarah silih ganti: Datuk Jessica Chew Cheng Lian ¹		-	-	-
Datuk Seri Asri Hamidin @ Hamidon ³	3/8 ⁵			
Pengarah silih ganti: Dato' Shahrol Anuwar Sarman ⁴		-	-	-
Datuk Dr. Yacob Mustafa	7/8	7/7	-	-
Puan Suhara Husni	8/8	-	2/2	-
Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	7/8	-	2/2	2/2
Dato' Dr. Gan Wee Beng	7/8	7/7	-	2/2
Puan Gloria Goh Ewe Gim	8/8	7/7	2/2	-
Encik Lee Kong Eng	8/8	7/7	-	2/2

¹ Datuk Jessica Chew dilantik sebagai pengarah silih ganti pada 14 Julai 2022

² Datuk Jessica Chew menghadiri dua mesyuarat Lembaga Pengarah

³ Datuk Seri Asri Hamidin bersara daripada Lembaga Pengarah pada 3 Januari 2023

⁴ Dato' Shahrol Anuwar dilantik sebagai pengarah silih ganti pada 15 Jun 2022

⁵ Dato' Shahrol Anuwar menghadiri ketiga-tiga mesyuarat Lembaga Pengarah

TADBIR URUS

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pada tahun 2022, komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan aktiviti mereka adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Tadbir Urus	Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran
7 mesyuarat	2 mesyuarat	2 mesyuarat
Pengerusi: Puan Gloria Goh Ewe Gim	Pengerusi: Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood	Pengerusi: Dato' Dr. Gan Wee Beng
Ahli-ahli: Encik Lee Kong Eng (Naib Pengerusi) ⁶ Datuk Dr. Yacob Mustafa Dato' Dr. Gan Wee Beng	Ahli-ahli: Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff Puan Gloria Goh Ewe Gim Puan Suhara Husni	Ahli-ahli: Dato Dr. Nik Ramlah Mahmood Encik Lee Kong Eng
Aktiviti utama pada 2022 Menyemak perkara berikut: • Penyata Kewangan 2021 dan Laporan Tahunan 2021 • Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman • Pendekatan pelaburan dan parameter perbelanjaan PIDM • Semakan kepada penanda tangan yang diberi kuasa dan syarat pemberian kuasa berhubung operasi dan akaun pelaburan PIDM • Polisi Perolehan, polisi dan piagam berkaitan pengurusan risiko organisasi • Laporan mengenai pengurusan risiko organisasi, pengurusan risiko Syariah, pengurusan risiko keselamatan siber dan maklumat, integriti dan tadbir urus • Pematuhan terhadap undang-undang, pelan dan laporan audit dalaman • Laporan mengenai perbelanjaan, pelaburan dan pengurusan tunai • Kemas kini mengenai rancangan korporat dan rancangan kewangan serta laporan mengenai perolehan	Aktiviti utama pada 2022 Menyemak perkara berikut: • pendedahan tadbir urus korporat • pendekatan tadbir urus • polisi dan prosedur tadbir urus termasuk Polisi Terhadap Gangguan Luaran, Polisi Pembayaran Balik Perbelanjaan Pengarah oleh Perbadanan, Polisi dan Prosedur Penglibatan Penasihat Bebas Berasingan atau Penasihat lain • objektif dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat • pelan tindakan susulan hasil daripada penilaian Lembaga Pengarah 2021 • program pendidikan Lembaga Pengarah • perancangan penggantian Lembaga Pengarah • imbuhan Pengarah	Aktiviti utama pada 2022 Menyemak perkara berikut: • inisiatif utama modal insan termasuk budaya yang dipacu pemikiran digital dan kelestarian, bonus dan kenaikan gaji bagi kakitangan • petunjuk prestasi utama Ketua Pegawai Eksekutif • pematuhan terhadap polisi dan keperluan perundangan modal insan • perancangan penggantian bagi pengurusan kanan utama • laporan mengenai program biasiswa PIDM

⁶ Encik Lee Kong Eng dilantik sebagai Naib Pengerusi pada 8 September 2022

TADBIR URUS

Pengurusan Risiko

PIDM memperakui bahawa pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang kukuh adalah bahagian penting dalam operasi seharian serta bagi proses membuat keputusan strategik dan operasinya. Lembaga Pengarah dan Pengurusan memastikan rangka kerja pengurusan risiko, melalui amalan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM, diserap ke dalam budaya, proses dan struktur kami. PIDM telah mewujudkan polisi dan prosedur yang komprehensif, dan kawalan dalaman untuk mengurangkan risiko utama yang boleh menghalangnya daripada mencapai mandat dan objektifnya. Pengurusan risiko memacu pengenalpastian dan pelaksanaan strategi korporat PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah komited sepenuhnya terhadap PIDM untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh, serta menyemak kecukupan, integriti dan keberkesanannya. Pengurusan PIDM, diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, telah mewujudkan proses dan kawalan untuk memastikan tahap tadbir urus yang tinggi dalam organisasi.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM membantu dalam mengurus risiko secara bersepadu, merangkumi seluruh organisasi dan menyokong pengenalpastian proaktif dan pengurusan risiko yang boleh menghalang atau mengalih perhatian PIDM daripada mencapai misi, matlamat dan objektifnya. Ini memastikan bahawa aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan menurut selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIDM.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM ditanda aras oleh Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission's Enterprise Risk Management – Integrated Framework dan International Organization for Standardization 31000:2018 (Risk Management – Guidelines). Dalam melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi, PIDM menggunakan pakai model pertahanan tiga baris dalam pengurusan dan pemantauan risikonya.

Pihak pengurusan membentuk barisan pertahanan pertama dan bertanggungjawab untuk mengekalkan kawalan dalaman yang berkesan dan untuk melaksanakan pengurusan risiko dan prosedur kawalan harian. Jabatan Pengurusan Risiko Organisasi, Jabatan Pengurusan Maklumat dan Keselamatan, dan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus PIDM membentuk barisan pertahanan kedua untuk menyediakan pengawasan serta membina dan memantau kawalan pertahanan barisan pertama. Fungsi audit dalaman PIDM membentuk barisan pertahanan ketiga dengan memberikan jaminan tentang keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman, termasuk cara barisan pertahanan pertama dan kedua mencapai pengurusan risiko dan objektif kawalan.

PIDM mengakui bahawa ia tidak dapat menangani semua risiko sepenuhnya. Dalam menguruskan risikonya, PIDM beroperasi dalam sempadan tahap selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan mempertimbangkan dengan teliti kos, manfaat dan keseimbangan lain dalam menguruskan risiko utamanya yang berkaitan dengan bidang luas berikut:

- (a) membuat persediaan dan melaksanakan intervensi atau resolusi kegagalan;
- (b) mengekalkan imej dan reputasi yang boleh dipercayai; dan
- (c) memastikan tahap keupayaan dan keberkesanan operasi yang tinggi.

Risiko PIDM dikenal pasti melalui kedua-dua pendekatan *bottom-up* dan *top-down*. Laporan tahunan Risiko Lembaga Pengarah yang mengandungi penilaian tahunan terperinci tentang risiko dan pelan tindakan PIDM diperincikan dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit khas yang memberi tumpuan kepada risiko, sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

Faktor-faktor risiko dipertimbangkan dalam pelbagai kategori risiko dan risiko yang lebih ketara diteliti bagi memastikan pelan tindakan memberi tumpuan untuk menangani risiko dan sejajar dengan strategi dan inisiatif korporat. Faktor-faktor risiko tersebut dijelaskan dalam Perkara-Perkara Material di Bahagian II Laporan Tahunan ini.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah memastikan bahawa terdapat persekitaran kawalan yang kukuh untuk menyokong operasi PIDM dan mengurus risiko-risiko utama.

Fungsi audit dalaman yang bebas memberikan jaminan yang munasabah bahawa kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko adalah efektif. Ketua Juruaudit Dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit mempertimbangkan laporan audit dalaman daripada Jabatan Audit dan Khidmat Perundingan secara tetap. Laporan ini memberikan Jawatankuasa Audit jaminan yang munasabah berhubung pemantauan dan

TADBIR URUS

pematuhan terhadap kawalan dalaman, integriti sistem dan tindakan sewajarnya diambil untuk menangani sebarang kelemahan atau kerosakan ketara yang dikenal pasti.

Kawalan dalaman PIDM diterapkan dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sistem perlindungan PIDM yang ditadbirnya. Ini termasuk kod etika, keperluan deklarasi konflik kepentingan dan aset, dasar pendedahan maklumat, serta dasar dan prosedur untuk proses-proses utama.

Jabatan Audit dan Khidmat Perundingan mengambil maklum kemas kini kawalan utama berikut bagi tahun 2022:

Peralihan ke fasa endemik COVID-19. Pada tahun ini, pihak pengurusan meneruskan usahanya untuk memastikan operasi PIDM kekal berdaya tahan dan tangkas di samping menyesuaikan diri dengan peralihan ke fasa endemik COVID-19, termasuk pelaksanaan persekitaran kerja hibrid. Pihak pengurusan telah melaksanakan langkah-langkah tersebut berdasarkan pengurusan dan rancangan kesinambungan perniagaannya yang mantap, untuk memastikan keselamatan dan sekuriti kakitangan, kesinambungan operasinya, perlindungan maklumat kritikal dan sulit, dan komunikasi dalaman dan luaran yang berkesan. Pihak pengurusan memastikan penyelarasan langkah-langkah ini dengan peraturan Kerajaan yang berkaitan yang diperlukan di bawah fasa endemik COVID-19.

Memperkuh proses dan amalan mengenai integriti dan tadbir urus. Pada 2022, PIDM telah menubuhkan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus berikutan saranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menurut Garis Panduan SPRM bagi Pengurusan Unit Integriti dan Governans yang dikeluarkan pada 2019. Fungsi ini menyelia dan melaksanakan integriti dan etika yang berkaitan kod, polisi dan garis panduan, dan diketuai oleh Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus, yang melapor terus kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, menerima laporan mengenai pematuhan dan aduan pemberi maklumat, jika ada. Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus juga menyerahkan kepada SPRM, laporan mengenai pelaksanaan aktiviti fungsi integriti dan tadbir urus setiap empat bulan.

Melaksanakan pelan hala tuju transformasi digital dan mengukuhkan pengurusan maklumat dan keselamatan siber. PIDM memulakan pelaksanaan berperingkat bagi perjalanan jangka panjang yang bertujuan untuk mengubah keseluruhan pengaturan teknologi dan digital kami dengan memberi tumpuan kepada kecekapan proses, tanpa menjejaskan kawalan dalaman dan tadbir urus. PIDM mengekalkan pensijilan Security Management Systems (ISMS) ISO/IEC 27001 demi meningkatkan kedudukan keselamatan sibernya serta mengukuhkan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan ke atas pengurusan maklumat. Ini telah memastikan bahawa polisi strategik dan operasi utama, proses dan amalan adalah efektif dalam mengurangkan risiko berkaitan yang sentiasa berubah-ubah dan memberi kesan kepada maklumat dan aset maklumat PIDM.

Penilaian keberkesanan ke atas aktiviti audit dalaman. Semakan Penilaian Kualiti luaran dan dalaman dijalankan secara berkala untuk menilai keberkesanan aktiviti audit dalaman yang dilaksanakan oleh fungsi audit dalaman PIDM. Semakan Penilaian Kualiti membantu organisasi meningkatkan keberkesanan, kualiti dan nilai yang diterima daripada fungsi audit dalaman mereka. Penilaian luaran dijalankan lima tahun sekali manakala penilaian dalaman dijalankan setiap tahun. Penilaian luaran terakhir telah dijalankan pada tahun 2020 oleh penilai luar bebas. Bagi tahun 2022, Semakan Penilaian Kualiti dalaman telah dijalankan dalam bidang yang berkaitan dengan kakitangan audit dalaman. Fungsi dan aktiviti audit dalaman PIDM terus mematuhi keperluan Institute of Internal Auditors' International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing.

Kesimpulannya, bagi tahun 2022, berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh audit dalaman ke atas keadaan kawalan dalaman, tidak terdapat sebarang insiden kelemahan atau kekurangan yang ketara dilaporkan dalam kecukupan dan integriti kawalan dalaman dan pengurusan risiko dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM. Untuk kerja-kerja yang dijalankan berhubung dengan kawalan dalaman, sila rujuk kepada laporan ringkasan bidang tugas utama Jawatankuasa Audit dalam Penyata Tadbir Urus di www.pidm.gov.my.

Transaksi Dengan Pihak Berkaitan

PIDM mempunyai proses dalaman yang mengenal pasti pihak berkaitan dan memantau transaksinya. Kami mengekalkan senarai individu dan entiti yang dianggap sebagai pihak yang berkaitan bagi tujuan mengenal pasti transaksi berkenaan. Sebagai peraturan, transaksi pihak berkaitan mestilah merupakan urusan niaga biasa PIDM, dan berdasarkan urusan niaga yang tulus. Sekiranya, transaksi pihak berkaitan bukan merupakan urusan niaga biasa atau tidak tulus, perkara ini akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan keputusan. Ahli Lembaga Pengarah perlu terkecuali dalam kelulusan membuat keputusan jika mereka atau pihak yang berkaitan dengan mereka adalah pihak yang terlibat dalam sebarang urusan niaga pihak berkenaan. Kami mematuhi keperluan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) berkenaan dengan pelaporan dan kewajipan pendedahan khusus mengenai urusan niaga pihak berkaitan. Fungsi audit dalaman PIDM menyemak semua urusan niaga pihak berkaitan, dan laporan auditnya dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Rujuk Nota 20(a) kepada penyata kewangan untuk butiran.

⁷ International Organisation for Standardization (ISO) / International Electrotechnical Commission (IEC)

TADBIR URUS

Audit Luaran

Penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Audit 1957. Lembaga Pengarah PIDM akan meluluskan penyerahan penyata kewangan yang belum diaudit kepada Jabatan Audit Negara, yang memeriksa penyata kewangan tersebut menurut Piawaian Pengauditan yang Diluluskan di Malaysia dan International Standards of Supreme Audit Institutions bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember pada setiap tahun. Wakil daripada Jabatan Audit Negara dijemput hadir ke semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan semua dokumen berkaitan dikemukakan kepada mereka sebelum mesyuarat berkenaan diadakan.

Modal insan

Lembaga Pengarah memastikan strategi modal insan adalah sejajar dengan objektif korporat dan menyokong kemampunan jangka panjang PIDM. Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran menyokong Lembaga Pengarah dan memantau strategi utama modal insan serta keadaan keseluruhan modal insan PIDM. Keselamatan dan kesihatan tetap menjadi keutamaan dan latihan telah dijalankan jika diperlukan. PIDM juga mengekalkan komunikasi dengan kakitangan secara kerap bagi memastikan penglibatan dan juga produktiviti.


Modal Sosial dan Penglibatan Pihak Berkepentingan dalam Membuat Keputusan yang Efektif

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penglibatan pihak berkepentingan amat penting demi mencapai objektif PIDM. Kami terus menerima pakai proses-proses untuk memastikan pertimbangan sewajarnya diberikan terhadap pandangan pihak berkepentingan terutamanya dalam pembangunan dasar-dasar pengawalseliaan yang berkesan. Sebagai contoh, kertas perundingan dikeluarkan untuk mendapatkan maklum balas pihak berkepentingan yang berkaitan sebelum pengeluaran atau semakan garis panduan atau rangka kerja.

PENDEKATAN KEPADA KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN

PIDM berpegang kepada prinsip kepelbagaian dan keterangkuman serta mengiktiraf kelebihan mempunyai tenaga kerja yang terdiri daripada pelbagai budaya dan disiplin kepada organisasi kami. PIDM menghormati dan menghargai perbezaan budaya, jantina, agama dan keunikan semua pihak. Prinsip-prinsip ini terkandung dinyatakan dalam Kod Tatalaku dan Etika Urusan Pengarah dan Kakitangan.

Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada sektor awam dan swasta, dan mempunyai gabungan pelbagai kemahiran dan pengalaman.



Tenaga kerja PIDM terdiri daripada mereka yang berbeza budaya dan bidang serta kakitangan berkeperluan khas. Pengurusan kami terdiri daripada 43% wanita dan 57% lelaki, dan purata umur kakitangan kami ialah 42 tahun.


PENDEKATAN TADBIR URUS DAN AKAUNTABILITI

Ketelusan berkaitan kemajuan PIDM terhadap inisiatif yang dirancang membolehkan pihak berkepentingan utama membuat penilaian bermaklumat tentang prestasi dan kemampuan PIDM dalam memenuhi tanggungjawab berkanun. PIDM menerbitkan rancangan korporat pada setiap tahun, dan melaporkan kemajuan kami terhadap rancangan tersebut dalam laporan tahunan. Selain membina modal sosial dan intelek yang penting, penerapan amalan tadbir urus PIDM juga penting dalam memastikan akauntabiliti ketika pelaksanaan intervensi dan resolusi kegagalan.

TADBIR URUS


PENGATURAN TADBIR URUS SYARIAH

PIDM tertakluk kepada pematuhan Syariah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami yang berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful. PIDM juga bertanggungjawab untuk melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan yang segera bagi institusi ahli kewangan Islam. Bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah semasa mengurus dan mengendalikan sistem-sistem perlindungan ini, PIDM berpanduan kepada ketetapan Majlis Penasihat Syariah BNM. Pengaturan tadbir urus Syariah PIDM dijelaskan dalam gambar rajah berikut.



TADBIR URUS

STRUKTUR ORGANISASI



TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengerusi



Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Januari 2012

Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah: Ogos 2017

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Lembaga Pengarah PIDM
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

KELAYAKAN

- Ijazah Doktor Falsafah, Australian National University, Australia
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Western Michigan University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian), Universiti Sains Malaysia, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Ekonomi

LANTIKAN SEMASA

- Pengerusi, Lembaga Gabenor, Universiti Multimedia, Malaysia

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Bersama, Malaysia-Thailand Joint Authority
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, IOI Corporation Berhad

PENGALAMAN

- Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi
- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, yang bertanggungjawab bagi Bahagian Sistem dan Kawalan

TAN SRI NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS

Pengarah Ex Officio



Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Julai 2018

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera Perakaunan, University of South Australia, Australia

KEAHLIAN PROFESIONAL

- CPA Australia
- Institut Akauntan Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Kewangan dan perakaunan, pengawalseliaan perbankan dan perkhidmatan kewangan, pengurusan krisis, insurans, pengurusan sumber manusia

LANTIKAN SEMASA

- Gabenor, Bank Negara Malaysia

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi, Lembaga Pengarah, South East Asian Central Banks (SEACEN)

PENGALAMAN

- Penolong Pengarah, Bahagian Monetari dan Pasaran Modal, Tabung Kewangan Antarabangsa
- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Pengarah, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN

Pengarah Ex Officio



Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2023

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Ekonomi, University of Cambridge, United Kingdom

KEAHLIAN PROFESIONAL

- Institute of Chartered Accountants in England and Wales

BIDANG KEMAHIRAN

- Ekonomi, perakaunan dan kewangan, dan pengurusan sumber manusia

LANTIKAN SEMASA

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi, Lembaga Hasil Dalam Negeri
- Pengarah, Bintulu Port Holding Berhad
- Pengarah, Pelabuhan Perindustrian Samalaju Sdn Bhd
- Pengarah, Malaysia Airports Holding Berhad
- Pengarah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Pengarah, Pengurusan Aset Air Berhad
- Pengarah, Govco Holdings Berhad
- Pengarah, MyDIGITAL Corporation

PENGALAMAN

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan), Unit Perancang Ekonomi
- Ketua Pegawai Eksekutif, Talent Corporation Malaysia

DATUK DR. YACOB MUSTAFA

Pengarah Sektor Awam



Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: November 2019⁸

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Ahli Jawatankuasa Audit

KELAYAKAN

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya, Malaysia

KEAHLIAN PROFESIONAL

- FCPA Australia
- The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy, United Kingdom
- Institut Akauntan Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Ekonomi, perakaunan

LANTIKAN SEMASA

- Akauntan Negara Malaysia

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pengarah, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengarah, Prasarana Berhad
- Pengarah, Danalinfra Nasional Berhad

PENGALAMAN

- Timbalan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

⁸ Datuk Dr. Yacob Mustafa mula dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 1 November 2019. Beliau bersara pada 5 Jun 2022 dan telah dilantik semula menganggotai Lembaga Pengarah pada 15 Julai 2022

TADBIR URUS

PUAN SUHARA HUSNI*Pengarah Sektor Awam***Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:** Ogos 2020**KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**

- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syari'ah) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Pembiayaan dan belanjawan awam

LANTIKAN SEMASA

- Ketua, Sektor Pengeluaran Dan Kutipan Pinjaman, Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan

PENGALAMAN

- Pendaftar, Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit, Kementerian Kewangan
- Ketua Penolong Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- Ketua Penolong Setiausaha, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi
- Penolong Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri

DATO DR. NIK RAMLAH MAHMOOD*Pengarah Sektor Swasta***Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:** Ogos 2016**KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**

- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus
- Ahli Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran

KELAYAKAN

- Ijazah Doktor Falsafah, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Undang-Undang, University of London, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Malaya, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Perundangan, pengawalseliaan pasaran modal dan perkhidmatan kewangan, tadbir urus korporat

KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengarah, Institute Capital Market Research
- Pengarah, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Pengarah, Permodalan Nasional Berhad
- Pengarah, Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengarah, Dialog Axiata PLC (Sri Lanka)
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Axiata Group Berhad
- Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, United Malacca Berhad
- Pengerusi, edotco Group Sdn Bhd

PENGALAMAN

- Timbalan Ketua Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Profesor Madya, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Malaysia

TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

DATO' DR. GAN WEE BENG

Pengarah Sektor Swasta



Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Ogos 2016

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran
- Ahli Jawatankuasa Audit

KELAYAKAN

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Ekonomi, pengurusan risiko, perbankan komersial

PENGALAMAN

- Penasihat, Kumpulan CIMB
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan CIMB
- Pengarah Eksekutif, CIMB Bank
- Penasihat Kanan, Jabatan Ekonomi, Monetary Authority of Singapore
- Perunding kepada Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Bank Negara Malaysia
- Pengerusi, KWEST Sdn Bhd
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)

PUAN GLORIA GOH EWE GIM

Pengarah Sektor Swasta



Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Februari 2017

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), University of Melbourne, Australia

KEAHLIAN PROFESIONAL

- Felo, CPA Australia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Institut Akauntan Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Audit, kewangan dan perakaunan, pengurusan risiko, ekonomi, perkhidmatan kewangan termasuk perbankan komersial, insurans nyawa dan am

LANTIKAN SEMASA

- Ahli, Lembaga Penasihat, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, University of Melbourne, Australia

PENGALAMAN

- Rakan Kongsi, Ernst & Young, Malaysia
- Ahli Majlis, Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Majlis, ASEAN Federation of Accountants
- Presiden, Information Systems Audit and Control Association Malaysia Chapter

TADBIR URUS

ENCIK LEE KONG ENG*Pengarah Sektor Swasta***Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:** Februari 2021**KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**

- Naib Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), University of Lancaster, United Kingdom

KEAHLIAN PROFESIONAL

- Ahli Bersekutu, Institute of Chartered Accountants in England and Wales
- Institut Akauntan Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Audit, kewangan dan perakaunan, penstrukturan semula korporat, penggabungan dan pengambilalihan

PENGALAMAN

- Rakan Kongsi, Ernst & Young, Malaysia

DATUK JESSICA CHEW CHENG LIAN*Pengarah silih ganti kepada Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus***Dilantik menyertai Lembaga Pengarah:** Julai 2022**KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH**

Tiada

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dengan pengkhususan dalam perakaunan dan kewangan, University of Melbourne, Australia

KEAHLIAN PROFESIONAL

- Chartered Banker, Chartered Banker Institute (Scotland)
- Felo, Chartered Banker, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)
- Ahli, CPA Australia

BIDANG KEMAHIRAN

- Perakaunan, kewangan, pengawalseliaan dan pengawasan sektor kewangan

LANTIKAN SEMASA

- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia

PENGALAMAN

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

TADBIR URUS

LEMBAGA PENGARAH – AHLI DAN PROFIL

DATUK SERI ASRI HAMIDIN @ HAMIDON

Pengarah Ex Officio

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Mei 2020

Bersara daripada Lembaga Pengarah: Januari 2023

DATO' SHAHROL ANUWAR SARMAN

Pengarah silih ganti kepada Datuk Seri Asri Hamidin⁹

Dilantik menyertai Lembaga Pengarah: Jun 2022

Bersara daripada Lembaga Pengarah: Januari 2023

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Tiada

KELAYAKAN

- Program Harvard Premier Business Management
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Hiroshima University, Jepun
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya, Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Ekonomi

PENGALAMAN

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Penolong Pengarah, Unit Perancang Ekonomi
- Pengerusi, Lembaga Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pengerusi, Digital Nasional Berhad
- Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif, Tenaga Nasional Berhad
- Pengarah, Bina Darulaman Berhad
- Pengarah, DanaInfra Nasional Berhad
- Pengarah, GovCo Holdings Berhad
- Pengarah, Aset Tanah Nasional Berhad
- Pengerusi dan Pengarah, 1Malaysia Development Berhad

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Tiada

KELAYAKAN

- Program Kepimpinan Kanan 2021 (Judge Business School) Cambridge University, United Kingdom
- Advanced Management and Leadership Programme (Saïd Business School), Oxford University, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Cardiff University, Wales, United Kingdom
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kewangan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
- Diploma Perbankan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

BIDANG KEMAHIRAN

- Kewangan

LANTIKAN SEMASA

- Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan

PENGALAMAN

- Penolong Setiausaha, Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan
- Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, Kementerian Kewangan
- Setiausaha Sulit Kanan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
- Penasihat Kanan kepada Pengarah Eksekutif, Kumpulan Bank Dunia

⁹ Dato' Shahrol Anuwar dilantik sebagai pengarah silih ganti kepada Datuk Seri Asri Hamidin pada 15 Jun 2022, yang bersara daripada Lembaga Pengarah pada 3 Januari 2023

TADBIR URUS

JAWATANKUASA EKSEKUTIF

**RAFIZ AZUAN ABDULLAH***Ketua Pegawai Eksekutif***AFIZA ABDULLAH***Naib Presiden Eksekutif***LEE YEE MING***Naib Presiden Eksekutif dan
Ketua Pegawai Transformasi***WAN AHMAD IKRAM
WAN AHMAD LOTFI***Naib Presiden Eksekutif*

KETUA TADBIR URUS

**LIM LEE NA***Setiausaha Korporat dan
Kaunsel Am***JAZIMIN IZZAT WAN
ZOOKIFLI***Ketua Juruaudit Dalaman***ZUFAR SULEIMAN
ABU BAKAR***Ketua Pegawai Risiko***ALEX LESLEY
BALAGURUSAMY***Ketua Pegawai Integriti dan
Tadbir Urus*

PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN – MENINGKATKAN KOLABORASI

Penglibatan dengan pihak berkepentingan kekal menjadi keutamaan kami pada tahun 2022, dengan mengiktiraf peranan penting dan sumbangan pelbagai pihak bagi mencapai mandat kami. Mewujudkan persefahaman, kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan kepada PIDM semasa keadaan persekitaran yang baik amat penting dalam memastikan kestabilan sistem kewangan dan melindungi konsumer kewangan dengan efektif ketika krisis.

Pendekatan dan strategi kami untuk berkomunikasi, berunding dan melibatkan diri dengan orang awam, pihak berkepentingan korporat dan kakitangan kami diterangkan di bawah. Ini termasuk mekanisme maklum balas yang membolehkan kami sentiasa meningkatkan keberkesanan amalan penglibatan kami. Butiran lanjut mengenai inisiatif utama kami juga terdapat dalam seksyen Prestasi di Bahagian II dalam Laporan Tahunan ini.

PIHAK BERKEPENTINGAN UTAMA	MEKANISME PENGLIBATAN	TINDAKAN KAMI
 Orang awam dan media	• Tinjauan indeks kesedaran dan keyakinan • Soal selidik atau kaji selidik • Maklum balas daripada kumpulan fokus • Sesi dengan media • Sesi bersemuka dengan jurucakap media kami	Kami melaksanakan program kesedaran awam, termasuk memanfaatkan saluran digital dan mempromosikan literasi kewangan. Ini termasuk memperluaskan aktiviti media sosial kami, menumpukan penglibatan secara bersasar dan mengadakan inisiatif untuk membina daya tahan kewangan konsumer awam, dengan kerjasama Jaringan Pendidikan Kewangan (<i>Financial Education Network – FEN</i>). Kami juga mengadakan sesi bersama organisasi media untuk mewujudkan dan menggalakkan kesedaran tentang topik-topik dan maklumat berkaitan PIDM, yang relevan serta bermanfaat bagi kepentingan awam.
 Peserta jaringan keselamatan kewangan dan agensi Kerajaan	• Ahli Lembaga Pengarah <i>ex officio</i> • Jawatankuasa penyelarasan dengan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) • Audit luaran oleh Jabatan Audit Negara • Penglibatan dengan pegawai kanan Kerajaan dan di peringkat pasukan kerja, termasuk di pelbagai agensi • Audit persepsi pihak berkepentingan	Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Gabenor BNM merupakan ahli Lembaga Pengarah <i>ex officio</i> PIDM, dan Ketua Pegawai Eksekutif kami pula ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara 2009. Kami juga menganjurkan latihan simulasi krisis antara agensi dan sesi perkongsian pengetahuan yang berkaitan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan. Pengaturan dan usaha ini menyokong penyelarasan krisis dan kawal selia yang efektif dalam kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan. Kami juga mempunyai Perjanjian Kerjasama Strategik dengan BNM yang sentiasa disemak semula dan memperkukuhkan hubungan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan dan agensi lain, contohnya melalui peminjaman kakitangan kami. Pada tahun 2022, kami juga mengadakan taklimat kepada agensi Kerajaan yang berminat mengetahui tentang sistem perlindungan kami.
 Institusi ahli dan persatuan industri	• Perundingan • Sesi dialog, forum, taklimat dan kumpulan fokus bersama industri • Perjumpaan PIDM dengan pengurusan kanan institusi ahli dan persatuan industri • Audit persepsi pihak berkepentingan	Kami mengadakan perundingan dengan industri berkaitan cadangan dasar termasuk pendekatan perancangan resolusi bagi bank ahli pada tahun 2022. Keterlibatan kami dengan industri termasuklah menerbitkan draf pendedahan tentang perancangan resolusi, serta pelbagai taklimat dan sesi latihan dengan pemimpin industri dan kakitangan berkaitan perancangan pemulihan dan resolusi. Usaha ini melibatkan kerjasama erat dengan BNM, termasuk mengadakan forum industri dengan Pengarah dan Pengurusan Kanan bank ahli, dan penerbitan artikel tentang perancangan pemulihan dan resolusi dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan: Separuh Pertama 2022 BNM.

PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN UTAMA	MEKANISME PENGLIBATAN	TINDAKAN KAMI
 Penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi strategik	• Perjumpaan antara pengurusan kanan dengan pemimpin penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi • Menyertai sesi latihan dan perkongsian pengetahuan PIDM • Audit persepsi pihak berkepentingan	Kami berinteraksi dengan pemimpin dan kakitangan pelbagai firma perkhidmatan kewangan profesional dan pengendali sistem pembayaran supaya mereka lebih memahami perundangan, mandat strategi dan proses bagi mengekalkan kesediaan resolusi. Ini termasuk penerangan tentang pendekatan perancangan resolusi kami dan peranan utama mereka ketika aktiviti resolusi, contohnya dalam melaksanakan transaksi resolusi atau mengekalkan kesinambungan perkhidmatan yang kritikal. Sebagai sebahagian daripada latihan simulasi, kami mengendalikan sesi perkongsian pengetahuan bagi meningkatkan kesediaan penyedia perkhidmatan dalam menyokong strategi resolusi kami.
 Rakan sejawat antarabangsa	• Pelantikan dalam jawatankuasa eksekutif dan jawatankuasa lain bagi institusi antarabangsa • Penganjuran persidangan antarabangsa, serta jemputan kepada pengurusan kanan untuk berucap di acara tersebut • Penyertaan dalam kumpulan pengurusan krisis dan penganjuran <i>resolution focus groups</i> • Permintaan untuk bantuan teknikal dan sesi perkongsian pengetahuan • Tawaran peminjaman kakitangan kepada organisasi antarabangsa • Audit persepsi pihak berkepentingan	Kami memeterai memorandum persefahaman dan mengadakan perbincangan dua hala dengan pihak berkuasa asing untuk perkongsian pengetahuan dan kepakaran, serta memudahkan resolusi rentas sempadan. Kami juga mengadakan sesi keterlibatan dengan organisasi antarabangsa untuk bertukar-tukar pandangan tentang piawaian global, dasar dan perkara yang berkaitan dengan mandat kami. Pada tahun 2022, sebagai Pengerusi International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS), kami menjadi tuan rumah Persidangan Antarabangsa dan Mesyuarat Agung Tahunan IFIGS ke-9 di Kuala Lumpur. Kami juga terlibat secara aktif dalam inisiatif serantau dan global berkaitan dengan insurans deposit dan resolusi. Pada tahun 2022, kami menyertai latihan simulasi krisis serantau dan juga kumpulan pengurusan krisis bagi perancangan resolusi rentas sempadan, mengetuai Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan International Association of Deposit Insurers (IADI) Asia Pacific Regional Committee, serta menyediakan bantuan teknikal tentang Sistem Premium Berbeza bagi insurans deposit kepada rakan sejawat di rantau ini. Selain IADI, kami juga mengadakan sesi keterlibatan dengan Financial Stability Institute of the Bank for International Settlements, Study Group on Resolution of the Executives' Meeting of East Asia Pacific Central Banks, dan institusi pelbagai hala yang lain.
 Kakitangan	• Tinjauan keterlibatan kakitangan • Sesi keterlibatan <i>town hall</i> yang diketuai pengurusan kanan • Aktiviti sukan, rekreasi dan kebajikan	Kami terus menyediakan pelbagai platform bagi penglibatan secara aktif antara Pengurusan dan kakitangan, termasuklah tinjauan kepuasan kakitangan pada tahun 2022 dan aktiviti Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan yang diterajui kakitangan kami. Bidang utama lain berkaitan penglibatan kakitangan ialah pengstruktur semula korporat, pengaturan kerja secara hibrid, dan usaha memupuk pemikiran digital dan kelestarian ke arah membangunkan kemahiran menerajui masa depan untuk kakitangan kami.

PENGERUSI IFIGS 2022 – PENGIKTIRAFAN TERHADAP KEPAKARAN DAN KEPIMPINAN PEMIKIRAN PIDM



Pada tahun 2022, kami meneruskan momentum kami dalam mendokong dan memartabatkan PIDM di persada antarabangsa sebagai peneraju pemikiran dalam topik penting yang berkaitan. PIDM mengambil bahagian secara aktif dalam forum antarabangsa dan keterlihatan dalam kalangan ahli International Association of Deposit Insurers (IADI) dan International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS). Kami memegang pelbagai peranan kepimpinan dalam organisasi antarabangsa ini – antara yang utama pada masa ini, sebagai Pengerusi IFIGS bagi tahun 2022.

Menerusi jawatan Pengerusi IFIGS, PIDM telah meningkatkan peluang penglibatan bersama pihak berkepentingan antarabangsa dalam membangunkan dan mengekalkan hubungan yang lebih erat. Ini termasuk hubungan bersama International Association of Insurance Supervisors (IAIS), Financial Stability Board (FSB), Bank Dunia, Toronto Centre dan European Insurance and Occupational Pensions Authority (EIOPA). PIDM telah dijemput untuk berucap di pelbagai acara antarabangsa mengenai topik skim jaminan insurans dan telah bekerjasama dengan organisasi antarabangsa ini dalam penyediaan draf polisi mereka mengenai skim jaminan insurans. PIDM juga menyumbang kepada kerja penyelidikan IFIGS mengenai topik resolusi insurans dan persediaan krisis, serta berkongsi tentang skim jaminan insurans Malaysia dan pendekatan kami dengan negara lain yang berminat untuk menubuhkan skim jaminan insurans baharu. Peluang untuk berkongsi pengetahuan sedemikian, serta menangani isu dan cabaran semasa, merupakan satu pengiktirafan terhadap kepakaran teknikal dan kepimpinan pemikiran PIDM. Ia juga membolehkan PIDM kekal berada di barisan hadapan dalam perkembangan dasar global mengenai skim jaminan insurans dan rangka kerja resolusi.

Pada tahun 2022, PIDM telah berjaya menganjurkan dan menjadi tuan rumah kepada persidangan IFIGS secara hibrid selama satu setengah hari di Kuala Lumpur. Persidangan bertajuk “Insurance Reimagined: Are We Ready for the New Realities and Uncertainties?”, dihadiri seramai 250 peserta dari 34 negara, termasuk pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, dan ahli penginsurans. Persidangan tersebut membincangkan trend utama dan impak strategiknya daripada pelbagai sudut pandangan ahli industri, pengawal selia, skim jaminan insurans dan pihak berkuasa resolusi. Ia merangkumi pelbagai topik mengenai risiko, cabaran, peluang dan prospek dalam landskap baharu, yang dipengaruhi oleh perubahan iklim, perubahan gaya hidup, pendigitalan dan inovasi serta didorong oleh perkembangan teknologi. Secara khususnya, PIDM menjadi moderator perbincangan panel yang disertai oleh beberapa ahli IFIGS dari beberapa rantau, yang membincangkan strategi untuk mengatur semula peranan dan kesediaan skim jaminan insurans dalam persekitaran operasi baharu dan berkembang pesat. Persidangan ini mendapat sambutan yang baik oleh para hadirin, yang mendapati topik yang dibincangkan bermaklumat, relevan dan menarik. Kakitangan kami juga meraih manfaat daripada penglibatan bersama penceramah dan peserta dengan pengalaman yang berbeza, serta telah mengukuhkan hubungan kami dengan rakan sejawat di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 2023, PIDM akan terus meningkatkan peranan kepimpinan dan membina reputasi kami di persada antarabangsa. Di samping itu kami akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan antarabangsa dalam pelbagai topik, terutamanya dalam bidang persediaan krisis dan resolusi serta trend baharu.

MEMACU LITERASI KEWANGAN DI MALAYSIA – SIMPOSIUM LITERASI KEWANGAN KEBANGSAAN 2022

Di bawah naungan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), PIDM dan Bank Negara Malaysia, dengan kerjasama Persatuan Ekonomi Malaysia (MEA), telah menganjurkan Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan (*National Financial Literacy Symposium – NFLS*) 2022 secara hibrid selama dua hari pada 11 dan 12 Oktober 2022 bertempat di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. Simposium ini juga diadakan bersempena Bulan Literasi Kewangan (*Financial Literacy Month – FLM*) FEN 2022, sebuah acara tahunan yang berlangsung selama sebulan pada setiap Oktober.

Bertemakan “Advancing Financial Literacy Towards Rebuilding Financial Resilience Post-Pandemic”, simposium tersebut menghimpunkan lebih 380 orang penyelidik, ahli akademik dan badan pemikir bersama penggubal dasar, peserta industri, persatuan, dan pihak berkepentingan yang lain daripada pelbagai organisasi. Turut juga hadir adalah peserta simposium luar negara dari United Kingdom, Hong Kong, Singapura, Filipina dan Qatar.

NFLS 2022 bermatlamat untuk menyediakan platform bagi menjana idea baharu ke arah pencapaian sasaran dan objektif strategik dalam Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026 dan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 – 2023. Simposium ini juga menjelaskan tentang landskap strategik bagi literasi kewangan, serta cabaran praktikal dan bagaimana ianya boleh ditangani. Dalam hal ini, tiga bidang tumpuan telah diketengahkan. Pertama, penilaian asas literasi kewangan di Malaysia, khususnya dalam konteks pasca-pandemik. Kedua, sosio-demografi dan ciri-ciri kumpulan rentan. Ketiga pula, campur tangan dasar dan tingkah laku yang efektif termasuk peluang-peluang untuk memacu literasi kewangan digital.

Sebelum NFLS 2022 diadakan, sebanyak 62 serahan ringkasan penyelidikan meliputi pelbagai dimensi literasi kewangan telah diterima daripada penyelidik tempatan dan luar negara sebelum disenarai pendek oleh sebuah jawatankuasa saintifik, di mana 20 kertas kerja terpilih untuk dibentangkan pada simposium tersebut. Kajian penyelidikan meliputi tema kontemporari rangkuman kewangan, literasi kewangan digital, kumpulan rentan, campur tangan tingkah laku dan lain-lain.

Insentif untuk memangkinkan penyelidikan dalam literasi kewangan berbentuk anugerah kertas kerja terbaik dan peluang penerbitan dalam jurnal akademik terkenal atau penerbitan suntingan NFLS 2022 telah diberikan kepada penyelidik.

Tiga kertas kerja terbaik yang menerima anugerah ialah:

- *Does Financial Literacy improve Financial Inclusion in Developing Countries? A Nonlinearity and Quantile Regression Analysis* oleh Abd Rahim Md Jamil, Law Siong Hook dan Mohamad Khair Afham (Universiti Putra Malaysia, Malaysia);
- *The Impact of Classroom Financial Education Program: An Experimental Study Among Low Self-Control Young Adults* oleh Amer Azlan Abd Jamal (Universiti Malaysia Sabah, Malaysia), Karen Rowlingson (University of York, United Kingdom) dan Lee Gregory (University of Nottingham, United Kingdom); dan
- *Supporting SMEs Financial Resilience during Crises: A Framework to Evaluate the Effectiveness of Financial Literacy Programs Targeting SMEs* oleh Dalal Aassouli (Hamad bin Khalifa University, Qatar) dan Habib Ahmed (Durham University, United Kingdom).

Menerusi NFLS 2022, pihak berkepentingan berkenaan telah meraih manfaat daripada wacana dan pandangan strategik bagi mengurangkan jurang pengetahuan teori dan amalan praktik dalam usaha mencapai objektif dan sasaran literasi kewangan yang lebih baik. Melangkah ke hadapan, usaha ini diharap dapat meningkatkan lagi tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.



Penceramah Utama Datuk Abdul Rasheed Ghaffour, Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia.
Gambar sisipan: Caroline Siarkiewicz, Ketua Pegawai Eksekutif, The Money and Pensions Service United Kingdom



**NATIONAL FINANCIAL
LITERACY SYMPOSIUM**
Advancing Financial Literacy Towards Rebuilding
Financial Resilience Post-Pandemic

PERKARA-PERKARA MATERIAL



PIDM mengenal pasti dan memberi keutamaan terhadap perkara-perkara material. Ini merupakan isu-isu utama yang mempengaruhi atau berpotensi memberikan kesan ketara kepada strategi kami, model pengurusan, serta sumber atau modal¹ kami, bagi jangka masa pendek, sederhana atau panjang. Perkara-perkara material juga timbul daripada penilaian ke atas risiko-risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM dan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah.

MANDAT DAN BATASAN

MANDAT DAN OBJEKTIF BERKANUN

- Melindungi pendeposit, pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli
- Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
- Menyediakan insentif untuk pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan
- Menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

PENGENALAN KEPADA AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (AKTA PIDM)

“Bahawasanya kestabilan sistem kewangan ialah penentu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia:

Bahawasanya sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans melindungi pengguna kewangan sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi ahli dan PIDM hendaklah menjalankan fungsi yang dimandatkan dengan cepat dan berkesan; ... dan menggalakkan pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan dan mengukuhkan perlindungan pengguna kewangan”

PEMACU NILAI

- Mandat perundangan yang jelas dan kuasa yang meluas
- Tadbir urus korporat (akauntabiliti)
- Tenaga kerja (kecekapan dan ketangkasan)
- Penglibatan pihak berkepentingan

BATASAN LAPORAN

Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta PIDM, dan bagi tujuan kesediaan operasi, PIDM telah menubuhkan subsidiari yang akan berfungsi sebagai institusi perantara dan syarikat pengurusan aset. Subsidiari ini tidak akan beroperasi kecuali dalam situasi intervensi dan resolusi kegagalan. Rujuk Penyata Kewangan mengenai amalan pelaporan kewangan berkaitan dengan subsidiari ini.

¹ Bahagian 2C Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa yang disemak semula (Januari 2021) mentakrifkan modal sebagai sumber atau “stok nilai” yang meningkat, menurun atau berubah melalui aktiviti dan output sesebuah organisasi. Sebagai contoh, modal kewangan organisasi meningkat apabila ia membuat keuntungan atau lebihan, dan kualiti modal insannya bertambah baik apabila kakitangan menjadi lebih terlatih.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

MENGURUS RISIKO PADA TAHUN 2022: BERALIH KE FASA ENDEMIK COVID-19

Langkah-langkah yang dilaksanakan sejak tempoh dua tahun lalu bagi menangani impak pandemik COVID-19 telah mempercepatkan kemajuan dan guna pakai teknologi dan pendigitalan, terutamanya bagi menyesuaikan diri kepada perubahan landskap operasi. PIDM meneruskan usaha menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat bagi tujuan memanfaatkan peralatan dan penyelesaian teknologi terkini agar kekal seiringan dengan keperluan masa depan, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi kami serta mengambil kira tentang trend “Masa Depan Kerja” (*Future of Work*). PIDM juga perlu meneliti implikasi dan keperluan meningkatkan kemahiran kakitangan kami sebagai respons kepada pelan strategik tersebut. PIDM telah beralih kepada pengaturan kerja secara hibrid yang membolehkan kakitangan bekerja secara jarak jauh. Ancaman serangan siber akan terus menjadi kebimbangan dengan peralihan ke arah transformasi digital.

Malaysia telah beralih memasuki fasa endemik, di mana Kerajaan kini menumpukan usahanya untuk memulihkan ekonomi dan menangani jurang dan kesan yang timbul daripada langkah-langkah menangani pandemik terdahulu. Namun begitu, secara keseluruhannya keadaan persekitaran masih tidak menentu. Oleh itu, PIDM harus meneruskan usaha meningkatkan lagi tahap kesediaannya, supaya kami dapat bertindak pantas melaksanakan tugas kami apabila diperlukan.

Ringkasan risiko utama kami untuk tahun 2022 dibentangkan dalam jadual di bawah.

RISIKO UTAMA	KONTEKS
Bersedia untuk Masa Depan dan Mendepani Perubahan Persekitaran Digital dan Cara Bekerja – Risiko Operasi	Risiko operasi utama termasuk: • pengaturan kerja secara hibrid dan akses jarak jauh yang berterusan dalam persekitaran yang mendepani ancaman keselamatan siber dan maklumat yang semakin meningkat; • menaik taraf dan menambah baik sistem dan proses teknologi maklumat melalui penggunaan kemajuan teknologi yang muncul daripada persekitaran kerja digital yang berubah; dan • memastikan persekitaran kerja yang selamat dan juga keselamatan fizikal kakitangan.
Merealisasikan Kesediaan untuk Melaksanakan Mandat – Risiko Insurans	Ekonomi Malaysia terus berdepan dengan ketidakpastian apabila negara beralih ke fasa endemik COVID-19 dan berusaha untuk kembali pulih daripada impak dan juga kesan yang timbul daripada langkah-langkah awal yang diambil untuk menangani pandemik.
Modal Insan Seiring Dengan Masa Depan – Risiko Kakitangan	PIDM perlu menguruskan implikasi dan meningkatkan kemahiran kakitangan kami apabila menerapkan kemajuan teknologi yang muncul daripada persekitaran kerja digital yang berubah, termasuk memberi sokongan kepada kakitangan sambil memastikan moral dan juga produktiviti kekal utuh. Cabaran lain termasuk mengurus prestasi dan jangkaan kakitangan kami apabila PIDM meninjau trend “Masa Depan Kerja” dalam persekitaran kerja yang efektif.
Imej dan Reputasi Terjejas – Risiko Reputasi	Kredibiliti PIDM sebagai sebuah badan berkanun bergantung kepada kepercayaan dan keyakinan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan, terutamanya semasa intervensi dan resolusi kegagalan. Sokongan yang secukupnya daripada pihak berkepentingan utama juga penting bagi PIDM memenuhi inisiatif korporat dan mandat kami secara efektif. PIDM meneruskan usaha mengukuhkan hubungan dengan pihak berkepentingan, termasuk mengutamakan kepentingan media digital dan sosial untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan mereka.


Falsafah risiko PIDM secara asasnya tertumpu pada menjangka dan memastikan kesediaan bagi meminimumkan risiko yang mengancam perlindungan simpanan konsumen kewangan di Malaysia dan kestabilan sistem kewangan.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

MENENTUKAN PERKARA-PERKARA MATERIAL

Perkara-perkara material dipertimbang berdasarkan kepada perspektif pemacu nilai yang ketara, keperluan pihak berkepentingan, faktor luaran dan dalaman, prestasi semasa, risiko utama dan modal kami. Kami kemudian menilai bagaimana semua faktor ini memberi kesan kepada keupayaan kami untuk mewujudkan nilai, sama ada ia meningkatkan atau mengubah pelbagai sumber atau modal PIDM.

MODAL-MODAL KAMI DAN BAGAIMANA IA BERHUBUNG KAIT DAN DIBENTUK BAGI MENCAPAI MANDAT PIDM		
	Modal insan	Kecekapan, keupayaan dan pengalaman kakitangan
	Modal sosial dan perhubungan	- Hubungan yang erat dalam PIDM dan juga dengan pihak berkepentingan luar - Reputasi dan imej
	Modal kewangan	- Pendapatan berkanun berupa premium dan levi yang dikumpul daripada institusi ahli dan pendapatan pelaburan dana-dana perlindungan - Keupayaan membuat pinjaman bagi melaksanakan fungsi-fungsi berkanun kami
	Modal intelektual	- Pengetahuan dan kepakaran tentang Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans - Pengetahuan tentang amalan tadbir urus korporat dalam sektor awam - Pengetahuan yang diperoleh dan dikumpul menerusi inisiatif pembelajaran organisasi kami
	Modal pembangunan	- Sistem dan infrastruktur untuk operasi harian serta intervensi dan resolusi kegagalan - Pusat pemulihan bencana dan infrastruktur keselamatan teknologi maklumat



Mandat

- Mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
- Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan di bank ahli serta manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans
- Menyediakan insentif untuk pengurusan risiko yang wajar
- Menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Sumber Modal Kewangan

Sumber modal kewangan utama PIDM adalah daripada premium atau levi yang dikenakan ke atas institusi ahli, dan pendapatan pelaburan daripada dana-dana. Kadar premium dan levi diputuskan oleh Menteri Kewangan atas cadangan PIDM.

Pengumpulan dana dilakukan sebelum berlaku kegagalan sebarang institusi ahli (sistem *ex-ante*). Saiz dana sasaran ditentukan berdasarkan kepada apa yang dianggap mencukupi untuk memenuhi kewajipan masa depan PIDM dan juga untuk menampung kos operasi dan kos berkaitan. Dana sasaran berkenaan tidak bertujuan untuk menanggung semua deposit atau liabiliti insurans atau takaful yang dilindungi. Ini bertujuan untuk mengelakkan PIDM memegang dana-dana yang tidak diperlukan, dan boleh digunakan oleh industri untuk memberikan pinjaman atau bagi tujuan perniagaan yang lain. Ini bermakna, untuk membolehkan PIDM melaksanakan tanggungjawab kami dengan segera semasa intervensi atau resolusi kegagalan, kami mesti mempunyai akses segera kepada pendanaan kecairan, sekiranya terdapat kekurangan dalam pembiayaan dalaman.

Rangka kerja dana sasaran telah dikaji semula secara komprehensif pada 2022. Rujuk artikel dalam Bahagian II untuk rangka kerja dana sasaran baharu.

Modal Kewangan dan Modal Perhubungan Membentuk Modal Intelektual, dan Modal-modal Lain bagi Mewujudkan Nilai

Sebahagian besar kos operasi PIDM adalah berkait dengan modal insan. “Nilai” atau model pengoperasian kami sangat bergantung kepada aset tidak ketara (modal intelektual, serta modal sosial dan perhubungan). Oleh itu, nilai PIDM bergantung kepada kakitangan kami. Hanya dengan memiliki tenaga kerja yang sesuai, PIDM dapat memanfaatkan nilai pengetahuan aset tidak ketara dan membangunkan modal sosial dan perhubungan yang diperlukan untuk melaksanakan mandat dengan jayanya.

Pengetahuan yang melibatkan pengalaman, penyelidikan dan pembelajaran, merupakan modal utama PIDM. Pengetahuan tidak akan dapat menjadi aset yang berharga, kecuali PIDM terus membangunkan modal intelektual kami.

Sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan, PIDM juga perlu membina hubungan yang relevan untuk mengurus sumber kewangan dan keperluan kecairan kami dengan jayanya semasa intervensi dan resolusi kegagalan. Modal sosial dan perhubungan (reputasi dan imej) juga penting untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap PIDM dan juga dalam usaha kami untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan secara efektif. Ini bukan sahaja bergantung kepada kecekapan kakitangan kami, tetapi juga ditentukan oleh struktur tadbir urus, etika dan tingkah laku dalaman, serta komunikasi dan perhubungan awam yang sesuai.

Modal pembangunan seperti infrastruktur teknologi maklumat PIDM adalah penting bagi keberkesanan dan kecekapan operasi. Pada masa depan, rancangan PIDM merangkumi pelan transformasi digital untuk membantu pengurusan dan penggunaan data dan juga maklumat yang dikumpul (contohnya, daripada institusi ahli, Bank Negara Malaysia (BNM) dan pihak berkuasa resolusi lain) serta menjalankan lebih banyak penyelidikan, khususnya mengenai data dan maklumat yang boleh dianalisis dan digunakan oleh PIDM dan pihak lain, bagi tujuan memudahkan pewujudan nilai untuk masyarakat.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA-PERKARA MATERIAL

Seperti yang dinyatakan di bawah, perkara-perkara material termasuk kebimbangan yang berkaitan dengan beberapa risiko yang diterangkan di bahagian sebelum ini. Perkara-perkara material dibincangkan mengikut urutan keutamaan, dengan mengambil kira kesan terhadap keupayaan PIDM untuk melaksanakan fungsi berkanun kami.

MODAL



Modal insan



Modal sosial dan perhubungan



Modal kewangan



Modal intelektual



Modal pembangunan

PERKARA MATERIAL	DEFINISI	PIHAK BERKEPENTINGAN / MODAL YANG TERLIBAT / RISIKO UTAMA	STRATEGI
Kesediaan	Mencapai tahap kesediaan yang tinggi bagi membolehkan PIDM memenuhi mandat dengan efektif dan cekap, dari perspektif: (a) rangka kerja perundangan, sistem dan proses; (b) kecekapan dan kemampuan kakitangan; (c) koordinasi dan kerjasama dalam kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan; dan (d) pendanaan.	Pihak berkepentingan • Kerajaan • BNM • Orang awam • Rakan strategik Modal Risiko utama • Risiko insurans • Risiko kakitangan • Risiko reputasi • Risiko operasi	Memastikan protokol dan pengaturan diwujudkan dalam kalangan peserta utama jaringan keselamatan kewangan dan rakan kongsi strategik untuk meningkatkan koordinasi, dan meneruskan latihan simulasi serta menguji pelbagai aspek pelan luar jangka PIDM.
	Berkaitan dengan persediaan, perancangan resolusi merujuk kepada “Sebuah pelan yang bertujuan memudah cara penggunaan Kuasa Resolusi secara efektif oleh Pihak Berkuasa Resolusi bagi membolehkan resolusi dilaksanakan ke atas mana-mana institusi kewangan tanpa mengakibatkan gangguan sistemik ... sambil melindungi fungsi sistemik yang penting.”²	Pihak berkepentingan • Industri • BNM • Konsumer kewangan institusi ahli • Rakan sejawat antarabangsa • Kakitangan • Pemegang saham dan kreditor institusi ahli Modal Risiko utama • Risiko insurans • Risiko kakitangan • Risiko reputasi	Penglibatan awal dan sokongan daripada pihak berkepentingan yang berkaitan.

² Definisi International Association of Deposit Insurers di <https://www.iasi.org>

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA MATERIAL	DEFINISI	PIHAK BERKEPENTINGAN / MODAL YANG TERLIBAT / RISIKO UTAMA	STRATEGI
Kesedaran, kepercayaan dan keyakinan serta komunikasi ketika krisis	Mencapai kesedaran, kefahaman dan kepercayaan orang awam supaya wujudnya keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan dalam kalangan pendeposit dan konsumen kewangan lain. PIDM juga perlu mempunyai kredibiliti yang mencukupi untuk menenangkan orang awam dalam keadaan ketidakpastian. Mempunyai rancangan luar jangka agar PIDM sentiasa bersedia untuk berkomunikasi dengan efektif ketika krisis untuk mengelak atau mengurangkan risiko.	Modal  Risiko utama • Risiko reputasi • Risiko insurans	Bekerjasama dengan rakan strategik untuk meningkatkan visibiliti dan kefahaman dalam kalangan orang awam dan pihak berkepentingan yang disasarkan, untuk mengukuhkan reputasi dan kredibiliti serta persediaan untuk komunikasi ketika krisis.
Kepimpinan, penglibatan dan pembangunan kakitangan	Komitmen terhadap penglibatan kakitangan, perancangan penggantian dan pembangunan kemahiran untuk keperluan semasa dan masa depan.	Modal  Risiko utama • Risiko reputasi • Risiko insurans	Memastikan strategi dan pelan modal insan sejajar dengan hala tuju strategik, objektif korporat dan keperluan PIDM. Memastikan penglibatan kakitangan yang berterusan dan juga pengurusan kebijakan mereka. Memastikan kakitangan, proses dan sistem sejajar dengan perubahan landskap industri – transformasi digital.
Tadbir urus korporat	Komitmen terhadap ketelusan, akauntabiliti dan integriti, serta memastikan pengurusan strategik dan amalan pengurusan yang berhemat.	Modal  Risiko utama • Risiko operasi • Risiko reputasi	Menerima pakai amalan terbaik dalam pengurusan Memastikan pengurusan data dan pengetahuan yang teratur, memanfaatkan teknologi sambil memastikan keselamatan siber dan teknologi maklumat. Tumpuan strategi Peluang bagi mewujudkan nilai termasuk bekerjasama dengan pihak lain.

PERKARA-PERKARA MATERIAL

PERKARA MATERIAL	DEFINISI	PIHAK BERKEPENTINGAN / MODAL YANG TERLIBAT / RISIKO UTAMA	STRATEGI
Kesediaan operasi untuk masa depan	Beralih ke arah persekitaran kerja yang lebih berasaskan siber dan digital serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi PIDM agar lebih lengkap dan bersedia untuk masa depan.	Modal  Risiko utama • Risiko operasi • Risiko reputasi • Risiko kakitangan • Risiko strategik	Memodenkan infrastruktur, proses dan keselamatan teknologi maklumat PIDM untuk meningkatkan kesediaan untuk masa depan, termasuk memastikan pertahanan siber yang berdaya tahan untuk menangani ancaman keselamatan siber dan maklumat yang semakin meningkat dalam persekitaran kerja digital. Mengembangkan keupayaan dan keberkesanan resolusi PIDM dengan memanfaatkan aplikasi digital serta pengurusan dan analisis data yang dipertingkatkan. Memastikan bakat dan keupayaan yang mantap serta memperkukuhkan budaya PIDM termasuk menyediakan tenaga kerja kami untuk menerima pendigitalan dan budaya “Masa Depan Kerja”.

Melangkah ke hadapan, risiko utama juga telah diselaraskan dengan rancangan korporat bagi tempoh perancangan 2023 – 2025. Rujuk kepada Bahagian III Laporan Tahunan ini.

DALAM TINJAUAN – DANA SASARAN

Pengumpulan dana daripada industri sebelum berlakunya krisis (atau dirujuk sebagai “pendanaan *ex-ante*”) adalah sebahagian daripada konsep utama sistem insurans deposit menurut *Core Principles 9 – Sources and Uses of Fund* oleh International Association of Deposit Insurer (IADI).

Petikan daripada “Enhanced Guidance for Effective Deposit Insurance Systems: Ex Ante Funding” menyatakan:

“Salah satu objektif dasar awam utama penginsurans deposit adalah untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Kesediaan operasi adalah penting untuk membina keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan, dan pengaturan pendanaan yang mantap adalah aspek penting dalam kesediaan tersebut. Pendanaan yang tidak mencukupi, sebaliknya, boleh menyebabkan kelewatan pembayaran balik kepada pendeposit dan penyelesaian bank ahli yang gagal yang boleh mengakibatkan peningkatan ketara terhadap kos resolusi dan menjejaskan kredibiliti sistem sesebuah negara.”

Kutipan premium *ex-ante* adalah salah satu ciri utama operasi PIDM sejak penubuhannya. Objektifnya adalah untuk membina dana perlindungan pada tahap yang munasabah, hasil kutipan daripada industri semasa keadaan persekitaran yang baik supaya boleh digunakan apabila berlakunya krisis atau bagi melaksanakan aktiviti intervensi dan resolusi. Pendanaan *ex-ante* mengurangkan kebergantungan kepada dana awam dan memastikan semua institusi ahli akan menyumbang kepada dana perlindungan ini.


Dengan keadaan landskap operasi dan industri yang makin berkembang, PIDM perlu memastikan sumber kewangan yang mencukupi dan mekanisme pendanaan yang efektif untuk melaksanakan mandatnya.

Pendanaan *Ex-Ante* dan Dana Sasaran

Pengumpulan dana *ex-ante* tidak bertujuan untuk melindungi pendeposit sepenuhnya apabila berlaku kegagalan. Sebaliknya, kebanyakan penginsurans deposit menetapkan tahap rizab sasaran yang khusus untuk menampung kerugian bersih insurans, dan disokong oleh sumber pendanaan luar. Rizab sasaran ini dirujuk sebagai “Dana Sasaran”.

Secara amnya, Dana Sasaran adalah tahap dana dalaman yang disasarkan oleh penginsurans deposit untuk melaksanakan kewajipan dan mandatnya. Bagi PIDM, rangka kerja Dana Sasaran bertujuan untuk menentukan tahap dana yang perlu bagi menampung jangkaan kerugian bersih akibat sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. PIDM menggunakan gabungan pendekatan statistik dan budi bicara dalam menentukan tahap dan jajaran Dana Sasaran:

- Nilai-pada-Risiko (*Value-at-Risk – VaR*) digunakan untuk menilai pendedahan PIDM kepada kerugian bersih berdasarkan anggaran Kebarangkalian Kegagalan (*Probability of Default – PD*), Kerugian Akibat Kegagalan (*Loss Given Default – LGD*) dan Pendedahan Semasa Kegagalan (*Exposure at Default – EAD*) institusi ahli. Ia juga mengambil kira kemungkinan terdapat hasil jualan aset dalam pelaksanaan intervensi dan resolusi kegagalan terhadap institusi ahli yang tidak berdaya maju.
- PIDM kemudiannya menjalankan ujian ke atas keputusan statistik menggunakan analisis sensitiviti berdasarkan jumlah keseluruhan pendedahan setiap institusi ahli. Tujuannya adalah untuk menganggarkan saiz pendedahan kewangan dalam aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan, yang mengambil kira, antara lain, keadaan ekonomi dan profil institusi ahli.



¹ Petikan Rumusan Eksekutif “Enhanced Guidance for Effective Deposit Insurance Systems: Ex Ante Funding” yang dikeluarkan oleh International Association of Deposit Insurer (IADI), Jun 2015


Tahap dana sasaran disemak semula setiap tahun untuk memastikan model dan andaian yang digunakan kekal relevan.

PIDM menguruskan enam dana yang berasingan dan berbeza – dua untuk perlindungan insurans deposit dan empat untuk perlindungan manfaat takaful dan insurans. Kami menubuhkan rangka kerja dana sasaran untuk kedua-dua Dana Insurans Deposit konvensional dan Islam pada 2011, diikuti dengan rangka kerja dana sasaran untuk Dana Perlindungan Insurans Am dan Dana Perlindungan Insurans Hayat pada 2015 dan 2016. Rangka kerja dana sasaran untuk Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga pula dilaksanakan pada 2018.

Kedudukan Semasa

Pengumpulan dana dalaman *ex-ante* PIDM untuk mencapai tahap dana sasaran adalah berdasarkan kutipan premium di bawah rangka-rangka kerja Sistem Premium Berbeza untuk bank ahli, serta kutipan levi di bawah Sistem Levi Berbeza untuk syarikat insurans dan Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful. Rangka-rangka kerja tersebut membolehkan kutipan premium dan levi dibezakan mengikut profil risiko setiap institusi ahli. Rangka kerja tersebut juga adalah bertujuan untuk memberi insentif kepada institusi ahli untuk memperbaiki amalan pengurusan risiko mereka, sekali gus meningkatkan daya tahan dan mencegah kegagalan, dan pada masa yang sama menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan.

Lebih terkumpul dan tahap sasaran dana Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi tahun 2022 adalah digambarkan dalam carta berikut:



Rangka kerja dana sasaran juga digunakan sebagai pertimbangan utama dalam menentukan kadar premium dan levi untuk mencapai tahap sasaran yang ditetapkan dalam jangka masa tertentu. Jangka masa ini yang secara amnya dikenali sebagai “Masa Capaian Dana” (*Time-to-Fund*), dan ia juga bergantung dan sensitif kepada beberapa faktor termasuk pertumbuhan dalam asas pendedahan iaitu EAD, tahap premium dan levi yang dinilai, hasil pelaburan pendapatan daripada dana yang dilaburkan, serta kos operasi.

SEMAKAN SEMULA RANGKA KERJA DANA SASARAN

Dana Sasaran – Dana Insurans Deposit

Sejak pengenalan rangka kerja dana sasaran Dana Insurans Deposit pada 2011, banyak penambahbaikan substantif rangka kerja kawal selia telah dilaksanakan untuk meningkatkan keselamatan dan kekuatan institusi perbankan. Ini termasuk pengenalan rangka kerja perancangan resolusi oleh PIDM yang bertumpu kepada mengekalkan kestabilan sistem kewangan dan mengurus LGD pasca resolusi. Rangka kerja intervensi dan resolusi juga telah dipertingkatkan, termasuk penambahbaikan kuasa dan kaedah resolusi ke dalam Akta PIDM yang telah disemak semula. Tahap kesiapan krisis yang lebih tinggi adalah perlu kerana sistem perbankan juga telah berkembang dengan ketara dari segi saiz, kerumitan dan kesalinghubungan dalam ekonomi.

Dengan itu, semakin komprehensif dana sasaran telah dilaksanakan pada tahun 2022 bagi menyelaraskan dana sasaran dengan saiz dan kerumitan semasa sistem perbankan, dan mengambil kira pelbagai pilihan resolusi yang dibangunkan.

Berdasarkan perkembangan ini, PIDM mengkalibrasi semula dana sasaran untuk Dana Insurans Deposit selaras dengan penambahbaikan rangka kerja dan pendekatan intervensi dan resolusinya. Di samping itu, usaha ini mengesahkan semula objektif Dana Insurans Deposit sebagai sumber utama pendanaan untuk penstrukturan semula dan resolusi institusi ahli dan bukan sahaja untuk membiayai pembayaran balik deposit yang diinsuranskan.

Hasil semakin semula dana sasaran untuk Dana Insurans Deposit berdasarkan perkembangan di atas membawa kepada julat yang lebih tinggi berbanding tahap dana sasaran semasa sebanyak 0.6% hingga 0.9% daripada jumlah deposit yang diinsuranskan.

Dana Sasaran – Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

PIDM juga telah mengesahkan semula objektif rangka kerja dana sasaran untuk Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, yang terdiri daripada Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am, Dana Perlindungan Takaful Keluarga – agar selaras dengan mandat PIDM untuk mengambil tindakan yang dapat mengurangkan kos dan impak kepada sistem kewangan. Kami juga telah mengambil kira perkembangan terkini dalam pendekatan resolusi kepada ahli penginsurans untuk memastikan kesinambungan perlindungan insurans dan takaful serta meminimumkan rintangan industri.

Walaupun pengkalibrasian semula dana sasaran untuk Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans telah dijalankan dengan cara yang sama seperti Dana Insurans Deposit, PIDM telah menilai dana sasaran untuk Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans secara gabungan dengan mengagregatkan kerugian bersih setiap dana perlindungan untuk mencapai tahap dana sasaran dan jajaran yang digabungkan, berbanding penilaian secara individu dengan tahap dan jajaran dana sasaran yang berbeza mengikut rangka kerja dana sasaran sedia ada dan untuk Dana Insurans Deposit. Rasional di sebalik penilaian dana secara gabungan adalah seperti berikut:

- Ia selaras dengan pendekatan resolusi PIDM untuk ahli penginsurans yang bertujuan untuk meminimumkan rintangan di peringkat industri berbanding kepada penyediaan pelan resolusi untuk setiap ahli penginsurans; dan
- Ia bertujuan untuk mengoptimumkan kutipan levi daripada ahli penginsurans melalui mekanisme peminjaman antara dana, semasa aktiviti intervensi dan resolusi.

Menuju ke Masa Depan

Berdasarkan semakin komprehensif rangka kerja dana sasaran yang dilaksanakan oleh PIDM pada tahun 2022, pengkalibrasian semula jajaran dana sasaran diperlukan untuk kedua-dua Dana Insurans Deposit dan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagi Dana Insurans Deposit, jajaran yang lebih tinggi dijangka, antara 1.5% hingga 1.8% daripada jumlah deposit yang diinsuranskan. Bagi Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pula, kami menjangkakan untuk memperkenalkan jajaran dana sasaran digabungkan yang baharu iaitu antara 0.3% hingga 1% daripada jumlah liabiliti insurans atau takaful. Pada kesemua tahap tersebut, dana-dana dijangka lebih mencerminkan objektif dana sasaran untuk PIDM bagi keadaan operasi semasa.

PRESTASI

Lanjutan daripada usaha-usaha sebelum ini, kami telah menetapkan beberapa keutamaan baharu bagi tahun 2022 sebagai langkah persediaan untuk menghadapi anjakan strategik masa depan. Rancangan Korporat 2022 – 2024 PIDM yang bertema “Mendepani Cabaran, Menerajui Masa Depan” berteraskan tiga tonggak strategik iaitu Kesediaan Resolusi, Keyakinan Pihak Berkepentingan dan Keupayaan Organisasi. Berikut adalah sorotan pencapaian utama kami pada tahun 2022 berdasarkan tonggak strategik dan juga rancangan kami.

KESEDIAAN RESOLUSI	
PELAN DAN INISIATIF KORPORAT	PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2022
PELAN PERSEDIAAN Persediaan mendepani krisis Meningkatkan lagi kesediaan PIDM mendepani krisis dengan menghasilkan <i>inter-agency crisis preparedness binder</i>, termasuk pelaksanaan program berasaskan risiko yang berbilang tahun bagi mengutamakan aktiviti simulasi dan latihan pengesahan, untuk tujuan pengujian dan latihan berkala. Status : ➤	Mempertingkatkan tahap kesediaan dan pelan tindak balas Kami meneruskan pelaksanaan latihan simulasi tahunan dan pada tahun 2022, kami telah melaksanakan latihan simulasi dan <i>tabletop</i> berkaitan keselamatan siber dan komunikasi krisis, seperti yang dirancang. Kami juga telah mengambil bahagian dalam latihan simulasi krisis serantau Financial Stability Institute bersama-sama peserta jaringan keselamatan kewangan lain. Kami juga telah menyempurnakan perancangan latihan simulasi krisis berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan bersama Lembaga Pengarah. Memulakan penghasilan <i>inter-agency crisis preparedness binder</i> Kami telah meningkatkan lagi pemahaman dalam kalangan peserta jaringan keselamatan kewangan semasa krisis menerusi sesi penglibatan dan perbincangan termasuk penyertaan dalam latihan simulasi serantau. Hasil perbincangan dan perkongsian ini telah dimanfaatkan dalam penghasilan <i>inter-agency crisis preparedness binder</i>, yang akan ditambah baik dan dipertingkatkan melalui perbincangan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan pada tahun 2023.
PELAN RESOLUSI Perancangan resolusi Mengadakan perundingan di peringkat industri tentang perancangan resolusi termasuk memperhalusi garis panduan perancangan resolusi berdasarkan maklum balas bank perintis, menggiatkan penglibatan institusi ahli, meneruskan usaha kerjasama resolusi rentas sempadan dan membina platform Teknologi Resolusi (<i>Resolution Technology – ResTech</i>) untuk meningkatkan kecekapan, menambah baik analisis dan penilaian strategik. Status : ➤	Menerbitkan Draf Pendedahan Perancangan Resolusi Sebagai sebahagian daripada keseluruhan rangka kerja perancangan pemulihan dan resolusi, perancangan resolusi merupakan pendekatan perancangan lanjutan untuk mengukuhkan kesediaan bank ahli serta PIDM untuk melaksanakan resolusi bank ahli apabila ia tidak lagi berdaya maju. Pendekatan perancangan resolusi bertumpu terhadap memastikan bank ahli boleh diselesaikan dengan impak yang minimum kepada sistem kewangan. Perancangan resolusi juga melengkapkan peranan PIDM dalam membina sektor kewangan yang berdaya tahan dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Pada tahun 2022, kami telah menyempurnakan perundingan industri mengenai pendekatan perancangan resolusi untuk bank ahli melalui penerbitan Draf Pendedahan Perancangan Resolusi. Mempergiatkan sesi penglibatan dan kesedaran tentang perancangan resolusi Berikutan penerbitan Draf Pendedahan Perancangan Resolusi, kami mengadakan pelbagai sesi penglibatan termasuk menganjurkan Forum Industri PIDM dan taklimat teknikal. Ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk mengetengahkan kandungan perancangan resolusi kepada industri serta pihak berkepentingan utama. Kami juga meneruskan penyertaan secara aktif dalam perbincangan kumpulan pengurusan krisis (<i>crisis management group</i>) yang berkaitan pengaturan resolusi rentas sempadan.  Meneruskan pembangunan dan pelaksanaan ResTech secara berfasa Kami telah mempertingkatkan keupayaan analisis melalui pelaksanaan ResTech secara berfasa termasuk pendigitalan penyerahan maklumat tahunan oleh institusi ahli melalui Portal Industri serta lalaran (<i>iteration</i>) yang pertama papan pemuka intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli.

KESEDIAAN RESOLUSI

PELAN DAN INISIATIF KORPORAT	PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2022
PELAN RESOLUSI Kesediaan penyedia perkhidmatan dan pengendali sistem pembayaran Meningkatkan tahap kesediaan penyedia perkhidmatan dan pengendali sistem pembayaran berkaitan bagi pelaksanaan intervensi dan resolusi kegagalan secara efektif, melalui sesi penglibatan dan program penekanan pengetahuan. Status : ➤	Menjalinkan hubungan dan meningkatkan kesedaran serta pengetahuan penyedia perkhidmatan Kami telah mengadakan sesi penglibatan dengan penyedia perkhidmatan berkaitan yang akan menyokong PIDM ketika intervensi dan resolusi kegagalan. Ini termasuklah firma aktuari, firma perakaunan, syarikat pengurusan aset, firma guaman dan pusat hubungan (<i>contact centre</i>). Dalam meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan mereka, kami menjalankan program penekanan pengetahuan berkenaan usaha wajar (<i>due diligence</i>). Beberapa topik lain juga telah dirancang dan akan dibincangkan pada masa depan. Kami juga telah mengadakan sesi penglibatan dengan pengendali sistem pembayaran bagi tujuan mengadakan pengaturan kerja yang rasmi untuk memastikan akses berterusan kepada infrastruktur pasaran kewangan ketika berlakunya intervensi dan resolusi kegagalan.
PELAN RESOLUSI Kesediaan pembayaran balik Melaksanakan platform pembayaran elektronik yang baharu untuk membolehkan pembayaran deposit yang diinsuranskan oleh PIDM dibuat secara elektronik tanpa penglibatan aktif pendeposit dalam transaksi tersebut. Status : ✔	Penambahbaikan keupayaan pembayaran balik Kami telah menguji dan mengemas kini proses dan prosedur pembayaran balik berikutan penambahan DuitNow yang dikendalikan oleh PayNet (menggunakan MyKad sebagai proksi) sebagai opsi pembayaran. Selaras dengan usaha PIDM meningkatkan kesedaran orang awam tentang perlindungan dan pembayaran balik, DuitNow telah dimaklumkan sebagai pilihan utama saluran pembayaran balik yang selamat dan pantas. Selain itu, kami juga telah mempertingkatkan ciri-ciri sistem pembayaran balik berkaitan dengan permintaan dan pertanyaan pendeposit ketika pembayaran balik. 


✔ Sasaran dicapai; inisiatif disempurnakan ➤ Berjalan lancar mengikut jadual; dan / atau dalam lingkungan bajet

ULASAN KEWANGAN

PEMACU KOS UTAMA

- Kajian dan simulasi *tabletop* pengurusan krisis
- Penghasilan *inter-agency crisis preparedness binder*
- Program penekanan pengetahuan penyedia perkhidmatan
- Yuran langganan dan penyumberan luar platform pembayaran elektronik dan penyepaduan sistem pembayaran balik

Kesediaan Resolusi



Tahun	Pelan resolusi	Pelan persediaan	Jumlah
2021	RM0.5 juta	RM1.6 juta	RM2.1 juta
2022	RM1.1 juta	RM1.8 juta	RM2.9 juta

Melangkah ke Hadapan

Dalam tempoh perancangan berikutnya, PIDM akan mempergiat dan memantapkan lagi keupayaan melaksanakan intervensi dan resolusi institusi ahli. Kami akan mempertingkatkan lagi keupayaan dalaman resolusi serta memastikan kesediaan pihak berkepentingan luar untuk menyokong pelaksanaan strategi resolusi PIDM ketika berlaku krisis. Rujuk Bahagian III Laporan Tahunan ini untuk tinjauan rancangan kami di masa depan.


PRESTASI

KEYAKINAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PELAN DAN INISIATIF KORPORAT	PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2022
PELAN KESEDARAN Inisiatif kesedaran awam Melaksanakan inisiatif kesedaran awam melalui pelbagai saluran dan pendekatan termasuk kempen daya tahan kewangan PIDM bagi tahun 2022 dan simposium literasi kewangan untuk orang awam, serta bekerjasama dengan Jaringan Pendidikan Kewangan dan rakan strategik yang lain. Mengekalkan pencapaian indeks kesedaran awam sekurang-kurangnya pada tahap 75% dan mencapai tahap advokasi 50%.	Mencapai tahap kesedaran awam sebanyak 80% dan tahap advokasi pada 59% Kami telah menjalankan tinjauan tahunan indeks kesedaran awam di seluruh negara melalui sebuah agensi penyelidikan bebas bagi mengukur tahap kesedaran dan advokasi orang awam tentang PIDM dan sistem perlindungan konsumen kewangan kami. Tinjauan ini telah dijalankan secara hibrid, menggabungkan kaedah tinjauan secara dalam talian (70%) dan temu bual bersemuka (30%), melibatkan 1,000 orang responden di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2022, kami telah mencapai tahap kesedaran awam 80% (2021: 81%) dan tahap advokasi 59% (2021: 47%). 75% Sasaran Pencapaian 80% Tahap Kesedaran Awam 50% Sasaran Pencapaian 59% Tahap Advokasi Melaksanakan kempen teras daya tahan kewangan #SediaPayungKewangan kali kedua Dengan matlamat untuk beralih daripada kesedaran asas kepada advokasi orang awam terhadap PIDM, kami telah menyempurnakan dengan jayanya kempen #SediaPayungKewangan untuk tahun kedua. Kempen tersebut dianjurkan pada bulan Julai hingga September 2022, untuk meningkatkan visibiliti dan kesedaran tentang PIDM melalui topik literasi kewangan. Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan peningkatan 65% dalam capaian keseluruhan kandungan #SediaPayungKewangan menerusi media digital iaitu sebanyak 15.2 juta. Tiga video baharu Chief BerUang juga mendapat sambutan baik dan telah meraih 4.6 juta tontonan.  Penganjur bersama Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan 2022 Pada bulan Oktober 2022, PIDM bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dengan sokongan Persatuan Ekonomi Malaysia telah menganjurkan Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan (<i>National Financial Literacy Symposium – NFLS</i>) 2022. Bertemakan “Advancing Financial Literacy Towards Rebuilding Financial Resilience”, simposium tersebut menghimpunkan penyelidik, ahli akademik dan kumpulan pemikir (<i>think tank</i>) serta penggubal dasar dan pengamal industri. Simposium ini bertujuan menjana idea baharu ke arah pencapaian sasaran dan objektif strategik Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2022 – 2026 serta Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan (2019 – 2023). NFLS 2022 ini mendapat sambutan yang menggalakkan di mana sebanyak 62 serahan ringkasan penyelidikan literasi kewangan diterima dari dalam dan luar negara. Rujuk artikel di Bahagian II untuk butiran lanjut.  NATIONAL FINANCIAL LITERACY SYMPOSIUM Advancing Financial Literacy Towards Rebuilding Financial Resilience Post-Pandemic
Status : 	

PELAN DAN INISIATIF KORPORAT	PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2022
PELAN PENYELIDIKAN DAN VISIBILITI Penyelidikan dan pembangunan kandungan Meningkatkan visibiliti dan reputasi PIDM dalam kalangan pihak berkepentingan berkaitan melalui pembangunan kandungan penyelidikan yang sesuai dan penganjuran acara di peringkat antarabangsa bagi skim jaminan insurans. Meneruskan penglibatan dengan pihak berkepentingan utama sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa, melalui pelbagai saluran.	Menerbitkan set pertama kajian kes resolusi Kami menerbitkan set pertama kajian kes resolusi sempena Forum Industri PIDM dan juga menerbitkan Draf Pendedahan Perancangan Resolusi. Penerbitan yang bertajuk “Enhancing Resolution Readiness” memaparkan kepentingan perancangan resolusi dan strategi <i>transfer-ready</i> sebagai strategi resolusi utama di Malaysia. Menganjurkan Persidangan Antarabangsa dan Mesyuarat Agung Tahunan International Forum of Insurance Guarantee Schemes (IFIGS) Sebagai Pengerusi IFIGS, kami telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa dan Mesyuarat Agung Tahunan IFIGS ke-9 pada bulan Disember 2022. Persidangan yang bertemakan “Insurance Reimagined: Are We Ready for the New Realities and Uncertainties?” mengetengahkan trend dan impak matlamat alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), pendigitalan dan teknologi berlandaskan data bagi industri insurans dan skim jaminan insurans. Persidangan ini dihadiri lebih 250 orang peserta daripada 34 buah negara termasuk pegawai daripada Kementerian Kewangan dan BNM. Rujuk artikel di Bahagian II untuk butiran lanjut.  Meneruskan penyertaan aktif di peringkat antarabangsa Kami meneruskan penyertaan secara aktif dalam International Association of Deposit Insurers (IADI), termasuk penglibatan sebagai pengerusi Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dalam Asia Pacific Regional Committee (APRC) di samping mengukuhkan penglibatan dua hala dengan rakan sejawat antarabangsa yang lain secara berterusan.
Status : 	

 Sasaran dicapai; inisiatif disempurnakan  Berjalan lancar mengikut jadual; dan / atau dalam lingkungan bajet

ULASAN KEWANGAN
PEMACU KOS UTAMA - Kempen #SediaPayungKewangan tahun 2022 - Aktiviti pengiklanan yang bertumpukan kepada media sosial dan ruang digital dengan perbelanjaan lebih rendah - Tuan rumah Persidangan IFIGS dan penganjur bersama NFLS - Lawatan sambil belajar dan penyertaan di persidangan antarabangsa
Keyakinan Pihak Berkepentingan  RM1.2 juta 2022 (RM6.7 juta) RM0.6 juta 2021 (RM5.6 juta) RM5.0 juta RM5.5 juta Pelan penyelidikan dan visibiliti Pelan kesedaran

Melangkah ke Hadapan

Dalam tempoh perancangan seterusnya, kami menyasarkan untuk meningkatkan lagi kejayaan pendekatan kesedaran awam yang sedia ada dan mengetengahkan naratif peranan PIDM sebagai pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli kami. Rujuk Bahagian III Laporan Tahunan ini untuk tinjauan rancangan kami di masa depan.



KEUPAYAAN ORGANISASI

PELAN DAN INISIATIF KORPORAT

PELAN TRANSFORMASI ORGANISASI

Pendigitalan dan keselamatan siber

Melaksanakan transformasi digital berpandukan pelan hala tuju yang dibangunkan pada tahun 2021. Ini termasuk merangka dan mentransformasi budaya korporat berkaitan, pertimbangan penggunaan teknologi awan (*cloud technology*), serta memastikan pertahanan siber yang berdaya tahan terhadap ancaman siber.

Status : ➤

PELAN TRANSFORMASI ORGANISASI

Operasi insurans deposit dan penambahbaikan

Meneruskan kajian semula dan mempertingkatkan pendekatan penilaian, metodologi dan petunjuk rangka kerja sistem premium dan levi berbeza dengan mengambil kira maklum balas yang relevan daripada industri. Melaksanakan Keperluan Keahlian Bank Digital bagi tujuan keahlian PIDM.

Status : ➤

PELAN TRANSFORMASI ORGANISASI

Modal insan strategik

Mengemas kini strategi modal insan PIDM dengan tumpuan terhadap perancangan penggantian, pembangunan dan pengekalan tenaga kerja, pembaharuan budaya kerja serta kemahiran kerja baharu selaras dengan agenda pendigitalan PIDM.

Status : ➤

PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2022

Memupuk budaya digital

Sebagai salah satu langkah transformasi digital jangka panjang, kami telah melaksanakan rangka kerja pemikiran digital dan kelestarian untuk memupuk budaya digital dan kelestarian bagi menyokong usaha transformasi. Sehubungan itu, kami melancarkan inisiatif makmal inovasi berbilang pendekatan (penyelidikan, eksperimen dan *sandbox*) dalam usaha menggalakkan cetusan idea transformasi.

Memulakan pembangunan polisi pengkomputeran awan

Usaha pembangunan rangka kerja penggunaan dan tadbir urus pengkomputeran awan telah dijalankan bagi mengemudi PIDM ke arah penggunaan teknologi awan. Usaha ini juga menyokong pemodenan infrastruktur, proses dan sistem keselamatan dengan objektif untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan ketangkasan.

Menguatkan keselamatan siber secara berterusan

Dalam memastikan pertahanan siber yang berdaya tahan, kami telah menguatkan keupayaan keselamatan siber dalam aspek pemantauan dan mengenalpastian kelemahan yang mungkin wujud dalam rangkaian dan infrastruktur kami. Kami juga memantau kemungkinan penggunaan harta intelek PIDM tanpa kebenaran atau dengan hasad (*malicious usage*) di internet atau media sosial.



Mempertingkatkan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza

Kami telah menyempurnakan penambahbaikan terhadap rangka kerja ini yang, antara lain, menggabungkan beberapa kriteria bertumpukan resolusi. Rangka kerja ini akan dilaksanakan pada tahun taksiran 2025, melalui penerbitan peraturan yang berkaitan pada tahun 2023.

Melaksanakan Keperluan Keahlian Bank Digital

Kami telah mengadakan perundingan dua hala dengan kelima-lima bank digital untuk memudahcara keperluan keahlian sebagai bank ahli PIDM, tertakluk kepada pengesahan kesediaan operasi oleh BNM. Lima pemohon yang berjaya mendapat lesen bank digital seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan telah diumumkan oleh BNM pada bulan April 2022.

Mewujudkan rangka kerja kemahiran menerajui masa depan (*future-ready skills*) PIDM

Selaras dengan usaha transformasi digital PIDM, kami telah melaksanakan rangka kerja kemahiran menerajui masa depan yang menetapkan kemahiran minimum untuk kakitangan dalam aspek kemahiran kepintaran (*smart skills*), kemahiran transformasi digital dan kelestarian.

Tumpuan berterusan terhadap keterlibatan kakitangan

Kami menjalankan tinjauan kepuasan kakitangan berkala yang dikendalikan oleh penyedia perkhidmatan bebas. Tinjauan ini merangkumi soalan-soalan yang berkaitan dengan pengaturan kerja pasca pandemik dan pendigitalan, dan telah mencapai keputusan yang memuaskan.



PELAN DAN INISIATIF KORPORAT

PELAN TRANSFORMASI ORGANISASI

Kelestarian dan tanggungjawab sosial korporat

Menerapkan amalan kelestarian secara lebih meluas, dengan tumpuan terhadap alam sekitar dan mengenal pasti keadaan semasa atau garis dasar jejak karbon PIDM. Membangunkan sasaran jangka panjang dan pelbagai pelan tindakan berkaitan serta memupuk budaya kelestarian.

Status : ➤

PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2022

Memupuk budaya kelestarian

Kami telah memulakan inisiatif untuk amalan lestari secara lebih meluas dengan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti kesedaran kakitangan termasuk cabaran kelestarian di peringkat dalaman. Kami juga menumpukan kepada usaha untuk mengumpul data bagi tujuan mengenal pasti garis dasar jejak karbon PIDM. Di samping itu, kami juga telah melaksanakan beberapa inisiatif lestari berkaitan pengaturan kerja. Rujuk artikel di Bahagian III untuk butiran lanjut.

Meneruskan Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM

PIDM telah menawarkan biasiswa kepada 20 individu yang layak. Program biasiswa ini membantu pelajar yang memerlukan bantuan kewangan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di Malaysia.




✔ Sasaran dicapai; inisiatif disempurnakan ➤ Berjalan lancar mengikut jadual; dan / atau dalam lingkungan bajet

ULASAN KEWANGAN

PEMACU KOS UTAMA

- Menguatkan infrastruktur pertahanan dan keselamatan siber
- Langganan platform perkhidmatan penyelidikan dan perundingan teknologi
- Yuran profesional dan perundingan bagi operasi insurans deposit dan penambahbaikan
- Pembangunan polisi pengkomputeran awan
- Biasiswa pendidikan
- Program dan aktiviti kelestarian



Melangkah ke Hadapan

Dalam tempoh perancangan seterusnya, kami menyasarkan untuk membina asas yang kukuh bagi menyokong perubahan. Ini termasuk memupuk asas budaya digital dan kelestarian dalam kalangan kakitangan kami, melengkapkan mereka dengan kemahiran menerajui masa depan, menggunakan analisis data untuk menambah baik keputusan yang dibuat, merekayasa semula (*re-engineering*) proses operasi teras dan infrastruktur teknologi serta memodenkan aplikasi kami dengan keselamatan yang diperkukuh. Rujuk Bahagian III Laporan Tahunan ini untuk tinjauan rancangan kami di masa depan.

PRESTASI

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

Sekilas Pandang

Pada tahun 2022, paras pendapatan PIDM kembali normal berikutan penamatan langkah-langkah pelepasan kawal selia. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, jumlah perbelanjaan secara keseluruhannya kekal stabil, hasil daripada tindakan PIDM mengoptimumkan sumber sedia ada dan pengamalan perbelanjaan yang berhemat.


Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa adalah 4.0% lebih rendah berbanding bajet terutamanya disebabkan oleh pendapatan premium dan levi yang lebih rendah, diimbangi dengan perbelanjaan operasi yang lebih rendah.

GAMBARAN KEWANGAN TAHUN 2022		
Pendapatan RM747.6 juta (2021: RM439.9 juta) <i>Unjuran 2022: RM790.0 juta</i> <i>Perbezaan berbanding unjuran: -RM42.4 juta</i>	Perbelanjaan Operasi RM102.0 juta (2021: RM98.4 juta) <i>Bajet 2022: RM117.0 juta</i> <i>Perbezaan berbanding bajet: +RM15.0 juta</i>	Pendapatan Komprehensif RM646.0 juta* (2021: RM343.9 juta) <i>Bajet 2022: RM673.0 juta</i> <i>Perbezaan berbanding bajet: -RM27.0 juta</i> * termasuk pengukuran semula Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang sebanyak RM0.5 juta
Dana Perlindungan RM5.9 bilion (2021: RM5.2 bilion) <i>Unjuran 2022: RM5.9 bilion</i> <i>Perbezaan berbanding unjuran: Tiada</i>	Aset RM5.9 bilion (2021: RM5.2 bilion) <i>Unjuran 2022: RM5.9 bilion</i> <i>Perbezaan berbanding unjuran: Tiada</i>	Liabiliti RM29.4 juta (2021: RM17.7 juta) <i>Unjuran 2022: RM25.1 juta</i> <i>Perbezaan berbanding unjuran: -RM4.3 juta</i>

SOROTAN UTAMA

Jumlah pendapatan komprehensif PIDM bagi tahun 2022 berjumlah RM646.0 juta (2021: RM343.9 juta) berikutan peningkatan pendapatan premium dan levi, peningkatan pendapatan pelaburan dan pulangan dan perbelanjaan pengurusan yang stabil. Ini menjadikan jumlah Dana Perlindungan kepada RM5.9 bilion (2021: RM5.2 bilion). Pendapatan pelaburan dan pulangan kami terus menampung sepenuhnya perbelanjaan operasi. PIDM juga terus beroperasi mengikut bajet seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat kami.

Jumlah Dana Perlindungan disokong oleh jumlah aset sebanyak RM5.9 bilion, yang sebahagian besarnya terdiri daripada aset kewangan cair, mewakili 99.2% daripada jumlah aset PIDM.



Pendapatan

Jumlah pendapatan pada tahun semasa meningkat sebanyak RM307.7 juta atau 70.0% kepada RM747.6 juta (2021: RM439.9 juta), hasil sumbangan daripada pendapatan premium dan levi yang mewakili 81.3% daripada jumlah pendapatan (2021: 71.9%).


Pada tahun 2022, kadar premium dan levi kembali ke paras asalnya selaras dengan penamatan langkah-langkah pelepasan kawal selia yang diberikan kepada institusi ahli selama dua tahun kewangan yang lalu. Berikutan itu, jumlah kutipan premium dan levi meningkat hampir dua kali ganda kepada RM607.9 juta (2021: RM316.2 juta).

Pendapatan pelaburan dan pulangan terus terjejas dengan kadar faedah yang lebih rendah, terutamanya pada awal tahun kewangan semasa sebelum mencatat kenaikan berikutan peningkatan dalam Kadar Polisi Semalaman (*Overnight Policy Rate – OPR*) secara beransur-ansur.

Hasil premium dan levi

Rangka kerja Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza menyediakan insentif kepada institusi ahli untuk mempertingkatkan amalan pengurusan risiko mereka melalui pengenaan kadar premium yang ditetapkan kepada mereka untuk setiap tahun taksiran.

Premium tahunan yang dibayar oleh bank ahli dikira berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya manakala levi tahunan yang dikutip daripada ahli penginsurans dikira berdasarkan Liabiliti Penilaian Aktuari dan premium dan sumbangan bersih.





PRESTASI


Pendapatan pelaburan dan pulangan

Sumber utama pendapatan pelaburan dan pulangan kami diperoleh daripada sekuriti pelaburan yang terjamin iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities – MGS*) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (*Government Investment Issues – GII*) serta Sekuriti Hutang Swasta (*Private Debt Securities – PDS*) dengan penarafan AAA yang diterbitkan oleh entiti berkaitan Kerajaan.

Pendapatan pelaburan dan pulangan bertambah sebanyak 12.9% kepada RM139.6 juta daripada RM123.7 juta pada tahun 2021. Peningkatan sebanyak RM15.9 juta disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan portfolio pelaburan hasil pertambahan pendapatan premium dan levi. Bagi tahun 2022, pulangan purata berwajaran atas pelaburan bagi portfolio pelaburan pendapatan tetap hampir menyamai tahun 2021 pada kadar 2.5% manakala pulangan purata berwajaran atas pelaburan untuk deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap meningkat kepada kadar 2.0% daripada kadar 1.8% bagi tahun kewangan sebelumnya. Pulangan purata berwajaran atas pelaburan bagi portfolio pelaburan pendapatan tetap yang mendatar adalah disebabkan oleh kadar pulangan yang rendah bagi pelaburan yang dibuat semasa tahun-tahun pandemik. Sebahagian daripada pelaburan tersebut telah matang dan dilaburkan semula ke dalam pelaburan yang berkadar pulangan lebih tinggi terutamanya pada separuh kedua tahun 2022.




Pada tahun kewangan semasa, kami melabur dalam pelaburan berkadar pulangan lebih tinggi, memandangkan kenaikan kadar faedah sejajar dengan peningkatan OPR pada bulan Mei, Julai, September dan November 2022. Di samping itu, selaras dengan semakan semula Polisi Pelaburan yang kini membenarkan PIDM melabur dalam pelaburan dengan tempoh kematangan sehingga tujuh tahun, tempoh purata portfolio pelaburan telah dilanjutkan daripada 1.3 tahun kepada 2.0 tahun pada akhir tahun 2022. Ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan dalam pulangan purata portfolio, sejajar dengan kadar pulangan pada keluk kadar pulangan (*yield curve*) instrumen pelaburan masing-masing.



PRESTASI

Secara keseluruhannya, pulangan purata berwajaran atas pelaburan untuk sekuriti pelaburan pendapatan tetap bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit meningkat sebanyak tujuh mata asas (*basis points* - bps) kepada 2.57% bagi tahun 2022 manakala pulangan purata berwajaran atas pelaburan bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans merosot sebanyak 12 bps kepada 2.49%. Pulangan purata berwajaran atas pelaburan bagi pelaburan yang dibuat dalam tahun 2022 untuk Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, masing-masing telah meningkat kepada 3.6% dan 3.8%. Pulangan atas pelaburan pada tahun semasa sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pulangan pelaburan yang dibuat semasa tahun-tahun pandemik. Meskipun begitu, ia diimbangi oleh pulangan daripada pelaburan yang dibuat pada tahun 2018 dan 2019 yang menghasilkan pulangan atas pelaburan yang lebih tinggi iaitu melebihi 3.0%. Kami menjangkakan peningkatan berterusan dalam pulangan atas pelaburan portfolio sejajar dengan peningkatan kadar faedah mulai separuh kedua tahun 2022.



Perbelanjaan Operasi

Perbelanjaan PIDM sebahagian besarnya adalah untuk menjalankan operasi harian, perbelanjaan modal insan dan melaksanakan inisiatif yang menyokong tonggak strategik kami, iaitu kesediaan resolusi, keyakinan pihak berkepentingan dan keupayaan organisasi.

Bagi tahun 2022, perbelanjaan operasi kami kekal konsisten dengan jumlah RM102.0 juta, iaitu peningkatan sebanyak 3.7% berbanding RM98.4 juta bagi tahun 2021.



Perbelanjaan pengurusan modal insan

Modal insan adalah kunci untuk memenuhi mandat dan tumpuan strategik PIDM, justeru ia kekal sebagai kos utama dalam perbelanjaan operasi PIDM yang merangkumi kira-kira 68.3% daripada jumlah perbelanjaan kami.

Pada akhir tahun 2022, tenaga kerja kami meningkat kepada 190 orang berbanding 176 orang pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kesan kos bagi penambahan kakitangan baharu pada tahun 2022 hanya boleh dilihat sepenuhnya pada tahun 2023.




PRESTASI

Perbelanjaan operasi dan pentadbiran


Biarpun negara telah memulakan peralihan kepada fasa endemik pada 1 April 2022, PIDM masih terus beroperasi secara hibrid (bersemuka dan maya). Secara relatifnya, perbelanjaan operasi dan pentadbiran kami kekal stabil kerana kami terus mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemat.

Secara agregat, perbelanjaan operasi dan pentadbiran meningkat sebanyak RM0.5 juta atau 2.8% berbanding tahun kewangan sebelumnya. Jumlah perbelanjaan untuk lesen dan penyelenggaraan sistem teknologi maklumat dan telekomunikasi meningkat sebanyak 32.3% berbanding tahun kewangan sebelumnya selaras dengan usaha transformasi digital kami. Perbelanjaan ini diimbangi sebahagiannya oleh perbelanjaan pentadbiran pejabat dan perbelanjaan susut nilai yang lebih rendah.

Selain kos penyelenggaraan aplikasi sistem teknologi maklumat sedia ada, perbelanjaan tambahan adalah untuk peningkatan keupayaan teknologi bagi menyokong susunan kerja hibrid, penempatan semula pusat data dan penambahan talian pajakan untuk pejabat korporat PIDM yang baharu. Kami juga melabur dalam perisian dan peranti teknologi terkini, serta langkah-langkah keselamatan sistem teknologi maklumat dan keselamatan siber untuk memastikan daya tahan operasi dan persekitaran sistem teknologi maklumat yang terjamin.



Analisis perbelanjaan lesen dan penyelenggaraan sistem teknologi maklumat dan telekomunikasi terhadap pemacu kos utama iaitu, bilangan kakitangan, menunjukkan aliran yang menaik berikutan pelaburan kami dalam meningkatkan keupayaan dan menambah baik infrastruktur teknologi selaras dengan pelan transformasi digital PIDM.



Perbelanjaan berkaitan inisiatif

Perbelanjaan ini adalah bertujuan menyokong pelaksanaan inisiatif korporat selaras dengan tonggak strategik kami dan bidang keputusan utama yang dirancang bagi tahun 2022 dalam Rancangan Korporat.

Secara agregat, perbelanjaan berkaitan inisiatif meningkat sebanyak RM2.3 juta, atau 21.7% lebih tinggi daripada tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan ini sebahagian besarnya bertujuan menyokong kerja kami dengan orang awam dan pihak berkepentingan serta meneruskan inisiatif transformasi digital kami.

Rujuk Pencapaian Utama Tahun 2022 di bahagian ini untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif korporat yang dilaksanakan.




Perbelanjaan Pembangunan

Pada 31 Disember 2022, perbelanjaan modal adalah sebanyak RM8.6 juta atau 79.6% daripada jumlah bajet perbelanjaan modal tahun 2022 sebanyak RM10.8 juta.

Perbelanjaan pembangunan sebahagian besarnya adalah bagi meneruskan kerja membangunkan platform Teknologi Resolusi dan infrastruktur operasi yang diperbaharui dalam menyokong usaha siap-sedia menerajui masa depan (*future-ready*) PIDM. Selain itu, perbelanjaan PIDM juga merangkumi penubuhan sebuah pejabat korporat PIDM yang baharu.

Penyata Kedudukan Kewangan

Jumlah Dana Perlindungan PIDM pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM5.9 bilion, dengan aset berjumlah RM5.9 bilion dan liabiliti bersih berjumlah RM0.03 bilion.





PRESTASI

Aset-aset kami kekal cair, dengan aset kewangan terdiri daripada tunai, kesetaraan tunai, pelaburan dan pendapatan pelaburan belum terima. Kesemua aset kewangan ini berjumlah RM5.9 bilion, iaitu 99.2% daripada jumlah aset pada 31 Disember 2022. Baki aset bukan kewangan terdiri daripada hartanah dan peralatan, yang bernilai RM0.03 bilion serta RM0.01 bilion aset berkaitan hak penggunaan untuk pajakan premis pejabat kami.

Liabiliti pula merangkumi akaun belum bayar dan pajakan. Akaun belum bayar kebanyakannya terdiri daripada liabiliti bukan kewangan, yang berupa perbelanjaan berkaitan inisiatif, perbelanjaan operasi untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima, serta peruntukan cuti yang tidak terambil dan peruntukan Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang PIDM. Liabiliti pajakan adalah berkaitan dengan pajakan premis pejabat, tempat letak kenderaan dan peralatan pejabat.

Butiran bagi item dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota kepada Penyata Kewangan.




BANGUNAN AICB

SELANGKAH KE MASA DEPAN



KURANG SEMPADAN, ERAT HUBUNGAN



Pada Disember 2022, sebahagian daripada operasi dan tenaga kerja PIDM telah berpindah ke Bangunan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB). Ianya merupakan langkah amat bermakna kerana pengaturannya di AICB mencerminkan kepentingan model kerja hibrid baharu yang menggalakkan fleksibiliti dan ketangkasan dengan ruang kerja yang selamat dan terjamin serta memanfaatkan infrastruktur dan kemudahan teknologi moden. Dengan pengurangan keseluruhan ruang kerja dan sewa yang lebih kompetitif, kami juga dapat mengurangkan kos operasi kami. Pengaturan pejabat baharu ini juga mengambil kira keperluan daya tahan dan kesinambungan operasi untuk mengurangkan sebarang kejutan atau gangguan operasi.

Bangunan AICB terletak di kawasan terasing yang dikelilingi oleh rizab hijau dalam kawasan yang merangkumi bangunan terkenal seperti Sasana Kijang dan Asia School of Business. Pejabat PIDM berada di Aras 9 dan 10, dengan jumlah keluasan lantai 21,122 kaki persegi. Aras 9 merangkumi ruang kerja kongsi untuk kakitangan PIDM, manakala Aras 10 dikhaskan sebagai ruang eksekutif.

Pejabat ini juga berfungsi sebagai pusat penglibatan urusan untuk membina dan mengeratkan hubungan PIDM dengan rakan kongsi industri, bagi memupuk kerjasama dan inovasi. Penghijrahan kami ke bangunan hijau ini membolehkan kami berada lebih dekat dengan pihak berkepentingan kami dalam industri kewangan sekali gus membolehkan kami bekerjasama dengan lebih rapat di bawah satu bumbung – “Kurang sempadan, erat hubungan”.

BAHAGIAN III

MARA KE HADAPAN

Strategi

Ringkasan Rancangan Korporat 2023 – 2025


Dalam Fokus: Komitmen Kelestarian yang Inklusif dan Progresif

STRATEGI



PERKEMBANGAN PIDM SEHINGGA KINI

Sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005, kami menumpukan usaha untuk memastikan asas yang kukuh dalam tadbir urus dan operasi. Kami juga telah memastikan pelaksanaan ciri-ciri sistem insurans deposit yang sesuai dengan menanda arasnya dengan pengalaman di peringkat antarabangsa. Berikutan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan pada tahun 2010, mandat PIDM telah diperluaskan melalui proses perundangan untuk menyediakan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Pada tahun 2016, kami memulakan usaha jangka panjang bersama-sama Bank Negara Malaysia (BNM) ke arah pelaksanaan rejim resolusi efektif untuk Malaysia. Memandangkan ini merupakan usaha jangka panjang, kami telah merangka strategi untuk jangka masa sederhana dan panjang untuk merealisasikan mandat, visi dan misi kami.




STRATEGI

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2023 – 2025

RANCANGAN KORPORAT PIDM 2023 – 2025: MEREALISASIKAN KESEDIAAN

Rancangan Korporat PIDM 2023 – 2025 yang bertemakan “Merealisasikan Kesediaan” mencerminkan hasrat strategik kami untuk mempergiatkan tumpuan terhadap kesediaan untuk melaksanakan resolusi. Hasrat ini akan direalisasikan dengan mempertingkatkan persediaan dalaman PIDM, serta kesediaan kolaborasi bersama pihak berkepentingan untuk menyelesaikan institusi ahli yang bermasalah secara efektif. Dalam memastikan keberkesanan tindakan resolusi PIDM, ia bukan hanya menjurus kepada pembinaan kapasiti dalaman, tetapi juga pemahaman mendalam dan kesediaan peserta jaringan keselamatan kewangan, industri (institusi ahli dan penyedia perkhidmatan), serta pihak berkepentingan lain termasuk pihak media dan orang awam.

Merealisasikan Kesediaan – Kesediaan Dalaman dan Kolaborasi Bersama Pihak Berkepentingan




Matlamat strategik kami bertujuan mengupayakan PIDM, peserta jaringan keselamatan kewangan dan penyedia perkhidmatan untuk sentiasa “bersedia bertindak” pada bila-bila masa. Keupayaan ini membolehkan PIDM melaksanakan pelan resolusi dengan efektif, sambil disokong oleh tindakan penyelarasan krisis yang mantap antara peserta jaringan keselamatan kewangan serta pelaksanaan transaksi resolusi oleh penyedia perkhidmatan. Pada masa yang sama, PIDM akan terus meningkatkan kesediaan dalaman kami dengan memanfaatkan kemajuan teknologi dan digital.

Melalui perancangan resolusi PIDM, institusi ahli perlu bersedia untuk pemindahan kesemua atau sebahagian daripada perniagaan, aset, liabiliti dan saham kepada pihak lain (*transfer-ready*); di samping memahami peraturan perundangan dalam menyokong pelaksanaan strategi resolusi PIDM. Bagi pihak berkepentingan lain seperti media, penganalisis dan orang awam, PIDM berhasrat membangunkan “kesediaan pengetahuan” (*knowledge-readiness*) supaya mereka mempunyai pemahaman luas tentang resolusi, termasuk peranan dan fungsi PIDM.

Secara ringkasnya, Rancangan Korporat mencerminkan penjajaran pihak berkepentingan utama PIDM – dalam pelbagai peranan dan kapasiti – untuk menyokong pelaksanaan intervensi, resolusi dan strategi pengurusan krisis secara berkesan.

STRATEGI

Rancangan Korporat PIDM yang berteraskan tiga tonggak strategik disokong oleh sembilan bidang keputusan utama (*key result area* – KRA) dan pelbagai inisiatif korporat termasuk pelan untuk menangani risiko yang dikenal pasti dan perkara-perkara material. Tonggak strategik ini bertujuan mempergiatkan tumpuan PIDM terhadap kesediaan resolusi, memastikan sistem perlindungan konsumen kewangan kami kekal mencukupi dan melaksanakan transformasi digital dengan berkesan. Sorotan rancangan ini diringkaskan seperti berikut:



RANCANGAN KORPORAT 2023 – 2025	HASIL STRATEGIK
Tonggak Strategik 1	- Tangkas melaksana dan bertindak balas terhadap senario intervensi dan resolusi yang berbeza - Institusi ahli dan penyedia perkhidmatan yang mampu menyokong tindakan resolusi - Pengaturan penyelarasan krisis yang jelas dan efektif dalam kalangan jaringan keselamatan kewangan
Tonggak Strategik 2	- Orang awam, pihak media dan pihak berkepentingan lain mempunyai pengetahuan secukupnya tentang resolusi institusi ahli dan mencapai tahap advokasi awam yang lebih tinggi - Liputan perlindungan untuk konsumen kewangan yang mencukupi
Tonggak Strategik 3	- Barisan tenaga kerja yang memiliki budaya kerja yang sesuai dan dilengkapi dengan kemahiran menerajui masa depan - Infrastruktur awan yang efektif, proses yang efisien dan selamat serta penambahbaikan kebolehan membuat keputusan resolusi berpandukan data - Tadbir urus yang kukuh dan operasi serta pentadbiran yang efektif

STRATEGI

Sorotan Pelan Kewangan 2023


Pelan Kewangan 2023 merangkumi peruntukan bajet perbelanjaan operasi (*Operational Expenditure – OPEX*) sebanyak RM126.7 juta dan perbelanjaan pembangunan (*Capital Expenditure – CAPEX*) sebanyak RM7.3 juta, yang mana sebahagian besarnya adalah untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran baharu dan khusus bagi menyokong inisiatif transformasi baharu serta meneruskan inisiatif dalam rancangan sedia ada. Perbelanjaan modal insan kami, yang terkandung dalam KRA 6, kekal sebagai pemacu kos utama pelan kewangan kami.

Pemacu Kos Utama	
Tonggak Strategik 1 OPEX: RM8.8 juta CAPEX: RM0.4 juta	- Inisiatif berkaitan kesediaan intervensi dan resolusi serta inisiatif kesediaan pembiayaan - Simulasi pengurusan krisis dan penglibatan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan - Program penekanan pengetahuan dengan penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik yang lain - Penambahbaikan sistem pembayaran balik
Tonggak Strategik 2 OPEX: RM6.9 juta	- Terus mengoptimumkan saluran digital untuk inisiatif komunikasi - Kempen daya tahan kewangan - Aktiviti penglibatan bersama orang awam dan pihak berkepentingan - Penyelidikan dan kajian tingkah laku - Penglibatan, kolaborasi dan aktiviti antarabangsa
Tonggak Strategik 3 OPEX: RM111.0 juta CAPEX: RM6.9 juta	- Perbelanjaan yang berterusan berkaitan modal insan - Perolehan bakat dan pembangunan keupayaan - Inisiatif dan aktiviti untuk mengukuhkan budaya PIDM melalui pemikiran digital dan kelestarian - Mengkaji dan rekayasa semula proses operasi untuk membina infrastruktur yang bersedia untuk masa depan - Inisiatif untuk mengukuhkan daya tahan siber - Peningkatan keupayaan analisis data dan teknologi resolusi

Pelan Kewangan 2023


TONGGAK STRATEGIK 1

RM9.2 juta




TONGGAK STRATEGIK 2

RM6.9 juta



TONGGAK STRATEGIK 3

RM117.9 juta




○ Perbelanjaan Operasi ● Perbelanjaan Pembangunan

Unjuran Pendapatan

Jumlah pendapatan diunjurkan sebanyak RM788.0 juta, iaitu merangkumi premium sebanyak RM530.0 juta daripada bank ahli dan levi sebanyak RM90.0 juta daripada ahli penginsurans serta pendapatan pelaburan dan pulangan sebanyak RM168.0 juta.

Pendapatan pelaburan dijangka diperoleh daripada kesinambungan peningkatan kadar hasil lebih tinggi yang diraih pada separuh kedua tahun 2022 dan juga pada suku awal tahun 2023. Namun, kami menjangka hasil pelaburan keseluruhan akan menyederhana berikutan unjuran ekonomi global yang semakin perlahan.

Proforma yang menggambarkan unjuran pendapatan PIDM serta bajet operasi dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2023 dinyatakan di bawah.



Unjuran Pendapatan dan Bajet Perbelanjaan Operasi

	Bajet 2023		Bajet 2022	
	RM'000	%	RM'000	%
Hasil premium dan levi	620,000	79	650,000	82
Pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	168,000	21	140,000	18
Jumlah pendapatan	788,000	100	790,000	100
Perbelanjaan pengurusan modal insan	77,000	61	72,000	61
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	20,637	16	19,500	17
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	23,063	18	20,000	17
Jumlah perbelanjaan operasi sebelum perbelanjaan bukan tunai	120,700	95	111,500	95
Perbelanjaan bukan tunai	6,000	5	5,500	5
Jumlah perbelanjaan operasi	126,700	100	117,000	100
Lebih bersih bagi tahun tersebut	661,300		673,000	

Bajet Perbelanjaan Pembangunan

	Bajet 2023		Bajet 2022	
	RM'000	%	RM'000	%
Perabot, kelengkapan dan pembaharuan pejabat	-	-	5,090	47
Sistem komputer dan peralatan pejabat	7,000	96	5,710	53
Kenderaan motor	300	4	-	-
Jumlah perbelanjaan pembangunan	7,300	100	10,800	100

Memantau Tahap Kemajuan Berbanding Rancangan yang Diluluskan

Inisiatif korporat akan dilaksanakan di seluruh operasi PIDM bagi tujuan membangunkan petunjuk prestasi utama individu. Gaji dan program ganjaran PIDM juga dikaitkan kepada pencapaian inisiatif yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat.

Kemajuan inisiatif korporat akan dipantau dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

Perubahan drastik dalam persekitaran operasi, intervensi atau kegagalan resolusi institusi ahli yang bermasalah, atau kehilangan kakitangan utama, boleh mendorong kepada penilaian semula pengutamaan inisiatif yang dirancang dan sumber yang sedia ada bagi tugas yang harus dijalankan. Sekiranya terdapat risiko yang menghalang pencapaian Rancangan Korporat, PIDM akan menilai semula inisiatif dan menyelaras sumber sedia ada, sambil mengekalkan semua fungsi operasi yang kritikal. Memandangkan perkara-perkara sebegini adalah di luar kawalan, PIDM akan terus memantau risiko-risiko yang berkenaan, dan terus mengkaji semula pelan luar jangka bagi memastikan kesannya dapat dikurangkan.

DALAM FOKUS: KOMITMEN KELESTARIAN YANG INKLUSIF DAN PROGRESIF

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025 (RMKe-12), menggariskan dengan jelas komitmen Kerajaan dalam memacu “Malaysia yang Makmur, Inklusif, Mampan”, yang bertujuan bukan sahaja menangani isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) semasa tetapi juga memulakan semula usaha dan memberi nafas baharu kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia bagi mencapai kemampanan dan kemakmuran jangka panjang.

RMKe-12 turut menyeru sektor awam dan swasta mengguna pakai serta menyepadukan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan prinsip ESG ketika mereka membuat sebarang keputusan.¹ Salah satu tema RMKe-12 adalah “Memajukan Kelestarian”, dengan matlamat menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan meningkatkan kualiti hidup, sambil melindungi alam sekitar, memulihara sumber semula jadi dan memastikan kesihatan planet.

Sehubungan itu, sejajar dengan seruan Kerajaan dan di samping usaha kami mengekalkan tumpuan kepada kemampanan sosial sebagai sebahagian daripada mandat PIDM, kami mula memberikan lebih penekanan kepada usaha kelestarian alam sekitar pada tahun 2022. Kami telah memulakan aktiviti-aktiviti menghadkan kesan terhadap alam sekitar dengan meletakkan pertimbangan tersebut dalam aspek-aspek operasi kami, yang juga akan menyumbang kepada daya tahan iklim bagi tempoh jangka panjang.

Pada masa yang sama, kami mengambil langkah yang perlu bagi merealisasikan hasrat kami untuk membina budaya kelestarian dalam kalangan kakitangan PIDM, menyatukan dan menganalisis data yang diperolehi untuk menentukan jejak karbon semasa kami serta mengenal pasti jurang dalam memenuhi matlamat alam sekitar kami.

Berikut adalah senarai inisiatif yang dilakukan PIDM dalam memacu kelestarian di peringkat dalaman dan juga luaran.

Prinsip Panduan Utama

Kelestarian Alam Sekitar

Mengguna pakai amalan terbaik kelestarian alam sekitar dalam operasi harian PIDM



Wujudkan Kesedaran Kelestarian

- Sambutan Hari Bumi pada 22 April sebagai permulaan program kesedaran kelestarian
- Coretan mingguan tentang kelestarian
- Lawatan berkumpulan ke Taman Botani Negara



Mengurangkan Jejak Karbon

- Menghentikan penyediaan botol air plastik sekali guna
- Mengelak salinan cetak bagi mengurangkan penggunaan kertas
- Menganjurkan acara antarabangsa menggunakan platform dalam talian atau pendekatan hibrid
- Menganjurkan cabaran jejak karbon
- Menggunakan data terkumpul untuk menilai tahap semasa pelepasan karbon PIDM



Indeks Bangunan Hijau

- Menjalankan penilaian GBI (Green Building Index)
- Melaksanakan usaha berkaitan kelestarian di pejabat AICB baharu kami



Kempen Kitar Semula

- Mewujudkan kesedaran dalam kalangan kakitangan tentang kelestarian pengurusan sisa



Pemuliharaan Beruang Matahari

- Menyambung penajaan lima ekor beruang matahari



¹ Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Ringkasan Eksekutifnya

Prinsip Panduan Utama

Kelestarian Sosial

PIDM komited dalam memajukan modal insan, mempromosikan kesejahteraan kakitangan, meningkatkan literasi kewangan orang awam dan menyediakan biasiswa untuk mencapai matlamat pembasmian kemiskinan



Program Kesejahteraan Kakitangan dan Pembangunan Modal Insan

- Melaksanakan pengaturan kerja secara hibrid
- Mewujudkan rangka kerja kemahiran baharu: Melaksanakan set kemahiran menerajui masa depan
- Melaksanakan tinjauan penglibatan kakitangan



Program Literasi Kewangan

- Buku audio untuk komuniti kurang upaya penglihatan
- Kempen #SediaPayungKewangan



Program Biasiswa Sarjana Muda

- Inisiatif tanggungjawab sosial korporat bertujuan menyediakan sokongan kewangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan



Zakat Wakalah Disalurkan kepada Mereka yang Memerlukan

- Selain mengagihkan zakat kepada golongan asnaf dan juga bagi tujuan pendidikan, PIDM turut menyumbang dua buah mesin dialisis kepada masyarakat yang memerlukan



Bantuan Banjir

- Menyumbang RM60,000 bagi penyediaan keperluan asas kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu



Tadbir Urus

Menjunjung standard tadbir urus yang terbaik



Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Bebas

- Menubuhkan sebuah Jabatan Integriti dan Tadbir Urus bebas



Melangkah ke hadapan, kami akan terus mengukuhkan pertimbangan ESG dalam operasi PIDM kerana kami menyasarkan untuk menjadi sebuah organisasi sektor awam yang cemerlang, ditadbir dengan baik serta bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan secara sosial.

Kami komited dalam menggiatkan lagi inisiatif-inisiatif bagi mewujudkan kesedaran alam sekitar dan memupuk budaya kelestarian kepada semua kakitangan PIDM kerana mereka memainkan peranan penting untuk merealisasikan matlamat strategik kami. Kami sedang menyelidik, menyusun dan menyemak data jejak karbon secara lebih komprehensif dan mengambil langkah-langkah yang masih diperlukan serta menimbang atau mengguna pakai prinsip ESG ke dalam spektrum operasi kami secara lebih meluas.

Di samping itu, dengan kemajuan institusi ahli kami dalam bidang pembiayaan dan kewangan kelestarian serta peningkatan usaha Bank Negara Malaysia dalam pengawalseliaan dan penyeliaan terhadap risiko iklim, PIDM juga akan terus menilai peranannya dalam bidang tersebut berasaskan peranan utamanya sebagai pentadbir sistem perlindungan konsumen kewangan dan pihak berkuasa resolusi.

BAHAGIAN IV

PENYATA KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah

Pernyataan Pengarah

Akuan Berkanun

Sijil Ketua Audit Negara

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain

Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab

Penyata Aliran Tunai

Nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit ("DIS") dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS"). PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) ("Akta PIDM").

DIS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala TIPS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- i. deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit ("DIFs") serta empat Dana Perlindungan berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPFs"). Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan yang berasingan tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	2022 RM'000	2021 RM'000
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi tahun kewangan:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit	531,639	253,160
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	114,396	90,744
	646,035	343,904

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab.

Para Pengarah berpendapat bahawa keputusan operasi PIDM sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh mana-mana item, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa selain daripada seperti yang didedahkan dalam item yang bersifat luar biasa dalam laporan ini.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

KEPUTUSAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Jumlah Dana Perlindungan terkumpul pada akhir tahun kewangan ialah:

	2022 RM'000	2021 RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Dana Insurans Deposit Konvensional	2,991,960	2,613,909
Dana Insurans Deposit Islam	773,468	619,880
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	3,765,428	3,233,789
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Dana Perlindungan Insurans Am	1,386,739	1,357,402
Dana Perlindungan Insurans Hayat	580,767	517,212
Dana Perlindungan Takaful Am	39,099	33,372
Dana Perlindungan Takaful Keluarga	95,428	79,651
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	2,102,033	1,987,637

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 ialah:

- Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff (Pengerusi)
- Tan Sri Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
- Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon
- Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
- Dato' Dr. Gan Wee Beng
- Puan Gloria Goh Ewe Gim
- Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
- Puan Suhara binti Husni
- Encik Lee Kong Eng
- Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman (dilantik pada 15 Jun 2022) (Pengarah alternatif kepada Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon)
- Datuk Jessica Chew Cheng Lian (dilantik pada 14 Julai 2022) (Pengarah alternatif kepada Tan Sri Nor Shamsiah binti Mohd Yunus)

Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon dan Tan Sri Nor Shamsiah binti Mohd Yunus adalah Pengarah *ex officio* atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM. Ahli-ahli Lembaga Pengarah PIDM selain daripada Pengarah *ex officio* telah dilantik oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 11(2) Akta PIDM.

Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman dan Datuk Jessica Chew Cheng Lian dilantik di bawah seksyen 11(2B) Akta PIDM. Menurut seksyen 13(3) Akta PIDM, Pengarah alternatif hendaklah, melainkan tugas itu dibatalkan lebih awal secara bertulis atau jawatan itu tidak lagi wujud, dihentikan dari menjadi Pengarah alternatif apabila Pengarah prinsipal berhenti dari menjadi ahli Lembaga Pengarah.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

MANFAAT PENGARAH

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, sebarang pengaturan yang melibatkan PIDM, di mana para Pengarah berkemungkinan menerima apa-apa manfaat menerusi perolehan saham atau debentur mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat daripada emolument diterima atau membayar kepada para Pengarah, seperti mana dinyatakan di Nota 16 kepada penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

PENJEJASAN NILAI DAN KAEDAH PENILAIAN

Sebelum Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain serta Penyata Kedudukan Kewangan disediakan, para Pengarah telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan penjejasan nilai yang ketara perlu dibuat, dan para Pengarah juga tidak mengetahui akan apa-apa keadaan yang memerlukan penjejasan nilai yang perlu dibuat. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan lain yang akan memerlukan sebarang penjejasan nilai dalam penyata kewangan PIDM.

Para Pengarah juga telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menentukan nilai-nilai aset dan liabiliti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan PIDM. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

ITEM YANG BERSIFAT LUAR BIASA

Pada 1 April 2022, Malaysia memulakan peralihan ke fasa endemik COVID-19 dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Ini telah menyumbang secara positif kepada pemulihan persekitaran operasi perniagaan dan memudahkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sepanjang tahun kewangan 2022, operasi perniagaan PIDM kekal berdaya tahan dan tangkas dalam menyesuaikan diri dengan perubahan berterusan dalam tindakbalas polisi terhadap COVID-19. Transformasi digital, platform operasi maya dan pelan kesinambungan perniagaan yang mantap membolehkan PIDM untuk beroperasi dalam mod “bekerja dari rumah” semasa pandemik dan beralih dengan lancar kepada endemik. Selain itu, peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial serta pembukaan semula sempadan antarabangsa membolehkan PIDM menyambung semula penglibatan bersemuka dengan pihak berkepentingan utamanya di dalam dan luar negara.

Dari segi prestasi kewangan PIDM, pulangan pelaburan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 terus dipengaruhi oleh persekitaran kadar faedah yang rendah pada separuh tahun pertama sebelum mencatatkan sedikit peningkatan berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman secara beransur-ansur pada separuh tahun kedua. Selain itu, selaras dengan penamatan langkah-langkah pelepasan kawal selia PIDM yang diberi pada tahun 2020, kadar premium dan levi telah berbalik kepada kadar asal bagi tahun taksiran 2022 seperti yang diterangkan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

ITEM YANG BERSIFAT LUAR BIASA (SAMBUNGAN)

Memandangkan ketidakpastian yang berterusan dalam persekitaran operasi dan risiko penurunan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, PIDM terus memantau dengan teliti risiko kredit pelaburannya. Walau bagaimanapun, PIDM tidak menjangkakan nilai portfolio pelaburannya akan terjejas dengan ketara memandangkan dasar pelaburan yang konservatif yang mentadbir strategi pelaburannya.

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa yang mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian dalam mengendali Sistem Perlindungan

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah DIS serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah TIPS. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

Sehingga tarikh laporan ini, Malaysia sedang beralih ke fasa endemik COVID-19. Walaubagaimanapun, PIDM terus menjalankan penilaian dan pemantauan risiko ke atas semua institusi ahlinya. Pada tarikh penyata kewangan ini, tiada sebarang kejadian khusus melibatkan institusi ahli PIDM yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus dalam penyata kewangannya selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan rizab di dalam setiap Dana Perlindungan menerusi pengumpulan lebihan bersih tahunan.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Dana Perlindungan bagi memenuhi obligasi untuk menampung kerugian bersih apabila berlaku. Seperti yang dibincangkan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi DIFs dan TIPFs untuk menentukan tahap dana yang mencukupi bagi memenuhi kerugian bersih yang dijangka daripada aktiviti-aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Dana Perlindungan tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi obligasinya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk membangunkan dana mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut, termasuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Lain-lain liabiliti luar jangka

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, para Pengarah berpendapat bahawa selain daripada pendedahan kepada kerugian yang dibincangkan di atas, tidak wujud:

- (i) sebarang liabiliti luar jangka selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan berkuat kuasa dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan ini, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasinya apabila tiba masanya.

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

PIDM telah memperbadankan lima subsidiari sebagai sebahagian daripada usaha PIDM bagi memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Menurut seksyen 10, Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi menjalankan fungsi, kuasa dan obligasinya. Subsidiari tersebut diperbadankan awal sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi PIDM sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dormant sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu. Asas perakaunan serta butiran subsidiari-subsidiari dihuraikan dengan lanjut di Nota 2.2(b), Nota 3.1(a) dan Nota 7 kepada penyata kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- (i) penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan MFRS dan mematuhi Piawaian Pelaporan Piawaian Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – "IFRS"*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2022, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah



Puan Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur, Malaysia
28 Februari 2023

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff dan Gloria Goh Ewe Gim, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan telah disediakan dan dibentangkan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) ("Akta PIDM") dan *Malaysian Financial Reporting Standards* dan mematuhi *International Financial Reporting Standards* yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2022, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
Pengerusi Lembaga Pengarah



Puan Gloria Goh Ewe Gim
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur, Malaysia
28 Februari 2023

AKUAN BERKANUN

OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) ("Akta PIDM") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – "MFRS"*) dan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – "IFRS"*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2022, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam serta Dana-dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menenggera sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan. Kepatuhan kepada sistem kawalan dan amalan disahkan oleh fungsi audit dalaman yang bebas yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menenggera sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang telah diluluskan pada 28 Februari 2023.

Kami, Rafiz Azuan bin Abdullah dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akaun Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 28 Februari 2023.




Rafiz Azuan bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif



Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Naib Presiden Eksekutif
CA (M) 24850

Di hadapan saya,
Pesuruhjaya Sumpah



5-1, Jalan 22A/70A, Wisma CKL,
Desa Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Dana dan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 97.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Insurans Deposit Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOR AZIAN BINTI NORDIN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

22 MAC 2023



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER

	Nota	2022 RM'000	2021 RM'000 Dinyatakan semula
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	68,563	94,392
Pelaburan	5	5,735,010	5,063,096
Aset lain	6	51,741	50,540
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	_*	_*
Hartanah dan peralatan	8	31,737	25,161
Aset berkaitan hak penggunaan	9	9,825	5,908
Jumlah Aset		5,896,876	5,239,097
LIABILITI			
Akaun belum bayar	11	18,511	10,503
Liabiliti pajakan	10	10,904	7,168
Jumlah Liabiliti		29,415	17,671
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
<i>Lebihan terkumpul</i>	12a	3,765,428	3,233,789
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
<i>Lebihan terkumpul</i>	12b	2,102,033	1,987,637
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		5,867,461	5,221,426
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		5,896,876	5,239,097

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran. Rujuk Nota 7 untuk butiran lanjut.

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2022 RM'000	2021 RM'000 Dinyatakan semula
Hasil premium dan levi	13	607,884	316,144
Pendapatan pelaburan dan pulangan daripada kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan	14	139,624	123,725
Pendapatan lain		68	-
Jumlah pendapatan		747,576	439,869
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	69,699	68,945
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	19,397	18,869
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	12,918	10,571
Jumlah perbelanjaan		102,014	98,385
Lebih bersih bagi tahun semasa		645,562	341,484
Pendapatan komprehensif lain			
Pengukuran semula Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	11ii	473	2,420
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	21	646,035	343,904

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

	Nota	Dana Insurans Deposit Konvensional RM'000	Dana Insurans Deposit Islam RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
--	------	---	--	---

Lebih terkumpul

Pada 1 Januari 2021	12a	2,424,703	555,926	2,980,629
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		189,206	63,954	253,160
Pada 31 Disember 2021	12a	2,613,909	619,880	3,233,789
Pada 1 Januari 2022	12a	2,613,909	619,880	3,233,789
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		378,051	153,588	531,639
Pada 31 Disember 2022	12a	2,991,960	773,468	3,765,428

KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

	Nota	Dana Perlindungan Insurans Am RM'000	Dana Perlindungan Insurans Hayat RM'000	Dana Perlindungan Takaful Am RM'000	Dana Perlindungan Takaful Keluarga RM'000	Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
--	------	--	---	---	---	---

Lebih terkumpul

Pada 1 Januari 2021	12b	1,331,141	461,368	31,111	73,273	1,896,893
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		26,261	55,844	2,261	6,378	90,744
Pada 31 Disember 2021	12b	1,357,402	517,212	33,372	79,651	1,987,637
Pada 1 Januari 2022	12b	1,357,402	517,212	33,372	79,651	1,987,637
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		29,337	63,555	5,727	15,777	114,396
Pada 31 Disember 2022	12b	1,386,739	580,767	39,099	95,428	2,102,033

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2022 RM'000	2021 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli		607,884	316,144
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(92,065)	(86,061)
Penerimaan pendapatan pelaburan dan pulangan		222,902	197,990
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		738,721	428,073
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada kematangan sekuriti pelaburan		1,680,986	1,872,711
Pembelian sekuriti pelaburan		(2,436,182)	(2,350,474)
Pembelian hartanah dan peralatan		(4,432)	(2,621)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(759,628)	(480,384)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	10	(4,518)	(4,854)
Kos kewangan pajakan	9b	(404)	(686)
Hasil daripada pinjaman		-	5,135
Pembayaran balik pinjaman		-	(5,135)
Faedah dibayar atas pinjaman		-	(2)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		(4,922)	(5,542)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(25,829)	(57,853)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		94,392	152,245
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	68,563	94,392

Nota: Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit (*Deposit Insurance System – “DIS”*) dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (*Takaful and Insurance Benefits Protection System – “TIPS”*). PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (seperti yang dipinda) (“Akta PIDM”).

DIS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala TIPS menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi:

- i. deposit Islam dan konvensional; dan
- ii. manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga.

Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Dana Perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit (*Deposit Insurance Funds – “DIFs”*) serta empat Dana Perlindungan berasingan bagi setiap segmen urusan dalam TIPS yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (*Takaful and Insurance Benefits Protection Funds – “TIPFs”*). Tiada percampuran dana di antara Dana Perlindungan berasingan tersebut.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan ini melalui resolusinya pada 28 Februari 2023.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – “MFRS”*) yang berkaitan. Penyata kewangan ini juga mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – “IFRS”*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards Board – “IASB”*).

Asas-asas pengukuran yang diguna pakai, dan polisi perakaunan yang digunakan bagi penyediaan penyata kewangan diterangkan di dalam Nota 2.2. Penilaian dan anggaran perakaunan ketara diterangkan di dalam Nota 3.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua DIFs dan TIPFs oleh PIDM. Kumpulan Dana Perlindungan Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan

PIDM membentangkan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut urutan kecairan. Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diimbangi dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, dan seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam polisi penting perakaunan PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat ("RM'000"), kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

(a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut.

Kaedah pengukuran

Kos terlunas dan kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan

Kos terlunas ialah amaun di mana aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur ketika pengiktirafan awal, yang telah ditolak pembayaran balik prinsipal, serta dicampur atau ditolak pelunasan terkumpul yang dikira menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan untuk perbezaan di antara amaun permulaan dan amaun kematangan. Juga, bagi aset kewangan, ianya diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian. Amaun bawaan kasar suatu aset kewangan adalah kos terlunas suatu aset kewangan sebelum diselaraskan bagi sebarang peruntukan kerugian.

Kaedah kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah satu kaedah untuk mengira kos terlunas suatu instrumen hutang dan memperuntukkan pendapatan faedah atau pulangan sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan ialah kadar sebenar yang mendiskaun penerimaan atau pembayaran tunai masa hadapan sepanjang jangkaan tempoh hayat aset kewangan atau liabiliti kewangan terhadap amaun bawaan kasar suatu aset kewangan (iaitu kos terlunasnya sebelum sebarang peruntukan penjejasan nilai) atau terhadap kos terlunas suatu liabiliti kewangan. Pengiraan tersebut tidak mengambil kira jangkaan kerugian kredit, dan termasuk kos urus niaga, premium atau diskaun dan yuran serta perkara lain yang dibayar atau diterima yang ketara terhadap kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan, seperti yuran permulaan. Bagi aset kewangan yang dibeli atau asalnya terjejas kredit (*Purchased or originated credit-impaired* - "POCI") iaitu aset kewangan yang terjejas kredit ketika pengiktirafan awal, PIDM mengira kadar efektif bagi faedah atau kadar pulangan yang diselaraskan kredit, yang berdasarkan kos terlunas aset kewangan tersebut dan bukan amaun bawaan kasarnya, dan yang telah mengambil kira impak jangkaan kerugian kredit bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh

Pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap amaun bawaan kasar aset kewangan, kecuali bagi:

- Aset kewangan POCI, yang mana kadar efektif asal bagi faedah atau pulangan yang telah diselaras kredit digunakan terhadap kos terlunas aset kewangan; atau
- Aset kewangan yang bukan POCI tetapi kemudiannya menjadi terjejas kredit [atau dikenali sebagai Peringkat 3 (rujuk kepada Penjejasan nilai aset kewangan)], di mana pendapatan faedah atau pulangan yang diperoleh dikira berdasarkan kadar efektif bagi faedah atau pulangan terhadap kos terlunas berkenaan (iaitu selepas ditolak peruntukan bagi jangkaan kerugian kredit).

Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama ialah harga yang akan diterima untuk menjual suatu aset kewangan atau dibayar untuk memindahkan liabiliti kewangan dalam urus niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran nilai. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa urus niaga penjualan aset kewangan atau pemindahan liabiliti kewangan tersebut berlaku sama ada:

- dalam pasaran utama bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan; atau
- jika tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah tersebut hendaklah boleh diakses oleh PIDM.

Nilai saksama bagi suatu aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dengan menggunakan andaian yang diguna oleh peserta pasaran bagi menetapkan harga aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak berdasarkan kepentingan ekonomi yang terbaik bagi mereka.

PIDM menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan yang mana data mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, dengan memaksimumkan input boleh diperhatikan yang relevan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama yang dinyatakan di bawah, berdasarkan input tahap terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1 – Sebut harga pasaran yang tidak diubah bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang serupa, yang diperoleh dari pasaran aktif.
- Tahap 2 – Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3 – Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)

PIDM menyediakan maklumat nilai saksama mengenai pelaburannya adalah bagi tujuan pendedahan pelaporan.

Bagi aset dan liabiliti kewangan yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, PIDM akan menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori yang digunakan (berdasarkan input paras terendah yang penting bagi pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan dan liabiliti kewangan pada asalnya diukur pada nilai saksama. Kos langsung transaksi terhadap perolehan atau terbitan aset kewangan dan liabiliti kewangan (selain daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) adalah ditambah kepada atau ditolak daripada nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan tersebut, sekiranya perlu, ketika pengiktirafan awal. Kos langsung transaksi terhadap perolehan aset kewangan dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf terus di dalam keuntungan atau kerugian.

Semua kaedah biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf berdasarkan tarikh dagangan, iaitu tarikh apabila PIDM terikat untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kaedah pembelian atau penjualan biasa merupakan pembelian atau pembelian aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen pasaran.

Klasifikasi dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan yang diiktiraf diukur seterusnya secara keseluruhan sama ada pada kos terlunas atau nilai saksama, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan tersebut.

Semua liabiliti kewangan diklasifikasi dan diukur seterusnya pada kos terlunas, melainkan ia dinyatakan sebaliknya.

Dalam menentukan klasifikasi aset kewangan, PIDM mempertimbangkan syarat-syarat berikut:

- model urusniaga PIDM bagi mengurus aset kewangan tersebut; dan
- ciri-ciri aliran tunai aset kewangan tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Model perniagaan

Model perniagaan menunjukkan bagaimana PIDM mengurus aset kewangannya untuk menghasilkan aliran tunai. Iaitu, sama ada objektif PIDM adalah hanya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak daripada aset atau untuk mengumpul kedua-dua aliran tunai berkontrak dan aliran tunai daripada penjualan aset. Sekiranya kedua-duanya tidak diguna pakai (contohnya aset kewangan yang dipegang bagi tujuan dagangan), aset kewangan tersebut diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada modal perniagaan 'lain' dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Model perniagaan PIDM tidak dinilai mengikut instrumen, tetapi pada peringkat tinggi atau peringkat portfolio beragregat dan berpandukan faktor-faktor seperti:

- bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama PIDM; dan
- risiko-risiko yang menjejaskan prestasi model perniagaan tersebut (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan tersebut) dan, khususnya, kaedah risiko-risiko ini diurus.

Penilaian model perniagaan adalah berdasarkan senario munasabah yang dijangkakan tanpa mengambil kira senario 'kes terburuk' atau 'kes tekanan'. Sekiranya aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal, PIDM tidak mengubah klasifikasi aset kewangan selebihnya yang dipegang dalam model perniagaan tersebut, tetapi sebaliknya memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan terbitan baru atau yang baru dibeli, bagi tempoh ke hadapan. Klasifikasi semula diambil kira dari bermulanya perubahan pertama tempoh pelaporan. Perubahan-perubahan ini dijangka jarang berlaku. Tiada perubahan ini berlaku dalam tempoh pelaporan.

Ujian 'hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan' (Solely payments of principal and interest or return – "SPPI")

Sebagai langkah kedua proses klasifikasi, PIDM menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada ia memenuhi ujian SPPI.

'Prinsipal' untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada peringkat pengiktirafan awal dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya sekiranya pembayaran semula prinsipal atau pelunasan premium atau diskaun dibuat).

Dalam membuat penilaian ini, PIDM mempertimbangkan sama ada aliran tunai berkontrak adalah selaras dengan aturan peminjaman asas iaitu faedah atau pulangan hanya termasuk pertimbangan untuk nilai tunai hadapan, risiko kredit, risiko peminjaman asas lain dan margin keuntungan, yang selaras dengan aturan peminjaman asas. Sekiranya terma kontrak memperkenalkan pendedahan kepada risiko atau turun naik yang tidak konsisten dengan aturan peminjaman asas, aset kewangan berkenaan diklasifikasikan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Aset kewangan yang terbabat dengan derivatif adalah dikira secara keseluruhan apabila menentukan sama ada aliran tunainya adalah semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Ujian 'hanya pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan' (Solely payments of principal and interest or return – "SPPI") (sambungan)

Butiran klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan PIDM diterangkan di bawah.

Aset kewangan

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dalam instrumen pasaran wang serta pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian. Tunai dan kesetaraan tunai dibawa pada kos terlunas di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung. Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung juga dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

(ii) Sekuriti pelaburan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada kos terlunas:

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak; dan
- terma kontrak aset kewangan yang menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan (iaitu melepasi 'ujian SPPI') ke atas amaun prinsipal tertunggak.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur seterusnya pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVTOCI"):

- aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya tercapai melalui pengumpulan aliran tunai berkontrak dan penjualan aset kewangan tersebut; dan
- terma-terma kontrak aset kewangan tersebut juga menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu, yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Aset kewangan (sambungan)

(ii) Sekuriti pelaburan (sambungan)

Sekuriti pelaburan PIDM merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia yang boleh dipasarkan, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Hutang Swasta. PIDM melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang dipegang sehingga tempoh matang bagi mengumpul aliran tunai berkontrak dan bukan untuk didagangkan. Aliran tunai berkontrak bagi sekuriti pelaburan tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak. Oleh yang demikian, sekuriti pelaburan ini diukur pada kos terlunas.

(iii) Akaun belum terima lain

Akaun belum terima lain merangkumi aset kewangan yang dipegang dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai berkontrak, di mana aliran tunai berkontrak tersebut adalah hanya untuk pembayaran prinsipal dan faedah atau pulangan ke atas amaun prinsipal tertunggak dan dibawa pada kos terlunas dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti kewangan

Melainkan dinyatakan sebaliknya, PIDM mengukur liabiliti kewangannya pada kos terlunas, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

Penyahiktirafan

(i) Aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila:

- hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat; atau
- PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut atau telah mengambil alih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah perjanjian '*pass-through*', dan sama ada:
 - PIDM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut; atau
 - PIDM tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

Apabila PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memeterai perjanjian '*pass-through*', dan tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu, aset tersebut akan masih diiktiraf oleh PIDM selagi ada tahap penglibatan berterusan PIDM pada aset tersebut. Dalam kes itu, PIDM juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Dalam hal ini, aset dan liabiliti yang telah dipindahkan tersebut akan diukur pada asas yang mencerminkan hak dan obligasi PIDM yang masih dikekalkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai aset kewangan (sambungan)

(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit

Dalam menilai sama ada risiko kredit ke atas instrumen kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, PIDM membandingkan risiko kegagalan berlaku bagi suatu instrumen kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko kegagalan berlaku bagi instrumen kewangan tersebut pada tarikh pengiktirafan awal. Dalam melaksanakan penilaian ini, PIDM mempertimbangkan kedua-dua maklumat kuantitatif dan kualitatif yang munasabah dan boleh disokong, termasuk pengalaman sejarah dan maklumat berpandangan ke hadapan yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Maklumat berpandangan ke hadapan yang dipertimbangkan termasuk yang diperolehi daripada laporan pakar ekonomi, penganalisa kewangan, badan-badan kerajaan serta pertimbangan pelbagai sumber luaran maklumat ekonomi sebenar dan ramalan.

Secara khusus, maklumat berikut diambil kira apabila menilai sama ada risiko kredit telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal:

- kemerosotan ketara yang sebenar atau yang dijangkakan dalam penarafan kredit luaran atau penilaian kredit oleh agensi penarafan yang diiktiraf, bagi instrumen kewangan tersebut;
- kemerosotan ketara dalam petunjuk pasaran luaran risiko kredit bagi instrumen kewangan tertentu, contohnya, peningkatan ketara dalam penyebaran kredit, harga swap mungkir kredit bagi peminjam, atau tempoh masa atau tahap yang mana nilai saksama suatu aset kewangan adalah rendah daripada kos terlunasnya;
- perubahan sedia ada atau yang diramalkan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka akan menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya;
- kemerosotan ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam hasil operasi peminjam;
- peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain peminjam yang sama;
- toleransi atau penstrukturan semula sebenar atau yang dijangkakan; dan
- perubahan buruk ketara yang sebenar atau dijangkakan dalam persekitaran kawal selia, ekonomi, atau operasi peminjam yang menyebabkan pengurangan ketara dalam keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi hutangnya.

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap bahawa risiko kredit ke atas suatu aset kewangan telah meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal apabila pembayaran kontrak melebihi 30 hari lampau tempoh, kecuali PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang menunjukkan sebaliknya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai aset kewangan (sambungan)

(i) Peningkatan ketara dalam risiko kredit (sambungan)

Walaupun demikian, PIDM mengandaikan bahawa risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal sekiranya instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan. Suatu instrumen kewangan ditetapkan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah sekiranya:

- instrumen kewangan tersebut mempunyai risiko kegagalan yang rendah;
- peminjam mempunyai keupayaan kukuh untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontrak dalam tempoh terdekat; dan
- perubahan buruk dalam keadaan ekonomi dan perniagaan dalam tempoh yang lebih panjang, berkemungkinan tetapi tidak semestinya mengurangkan keupayaan peminjam untuk memenuhi obligasi aliran tunai berkontraknya.

PIDM menganggap suatu aset kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah apabila aset tersebut mempunyai penarafan kredit luaran 'gred pelaburan' menurut takrifan yang difahami di peringkat global atau sekiranya tiada penarafan luaran, aset tersebut mempunyai penarafan dalaman sebagai 'baik' atau 'berbayar' (*performing*). Baik atau berbayar bermaksud bahawa pihak yang terlibat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tiada amaun tidak berbayar sebelum ini.

PIDM sentiasa memantau keberkesanan kriteria yang digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, serta menyemak kriteria tersebut sekiranya perlu bagi memastikan kriteria tersebut berupaya mengenal pasti peningkatan ketara dalam risiko kredit sebelum amaun tersebut lewat tempoh bayarannya.

(ii) Definisi kegagalan

PIDM menganggap perkara berikut sebagai peristiwa kegagalan bagi tujuan pengurusan risiko kredit dalaman, berdasarkan pengalaman sejarah yang menunjukkan bahawa aset kewangan yang memenuhi salah satu daripada kriteria berikut secara umumnya tidak boleh diperolehi semula:

- apabila terdapat pelanggaran perjanjian kewangan oleh pihak yang terlibat; atau
- maklumat yang dibangunkan secara dalaman atau diperolehi dari sumber luaran menunjukkan bahawa pihak berkenaan tidak mungkin membayar pemiutangnya, termasuk PIDM, secara penuh (tanpa mengambil kira sebarang cagaran yang dipegang oleh PIDM).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai aset kewangan (sambungan)

(ii) Definisi kegagalan (sambungan)

Walau bagaimanapun, PIDM menganggap kegagalan telah berlaku apabila pembayaran berkenaan suatu aset kewangan melebihi 90 hari lampau tempoh, kecuali apabila PIDM mempunyai maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai untuk menunjukkan bahawa kriteria kegagalan yang memberi tempoh lebih lama adalah lebih sesuai untuk digunakan.

(iii) Aset kewangan terjejas kredit

Aset kewangan dianggap terjejas kredit apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan berkenaan, telah berlaku. Bukti bahawa suatu aset kewangan terjejas kredit termasuk data yang dapat diperhatikan mengenai peristiwa-peristiwa berikut:

- kesukaran kewangan ketara yang dihadapi oleh penerbit atau peminjam;
- pelanggaran kontrak, seperti peristiwa mungkir atau kelewatan tempoh bayaran yang ketara;
- pemberi pinjaman kepada memberi konsesi peminjam yang dalam kebiasaannya tidak akan diberikan, atas sebab kemerosotan ekonomi atau kesukaran kewangan peminjam dalam memenuhi tuntutan kontrak;
- peminjam berkemungkinan akan menghadapi kebangkrutan atau akan melalui pengaturan semula kewangan yang lain; atau
- kehilangan pasaran yang aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan.

(iv) Hapus kira

PIDM menghapus kira suatu aset kewangan apabila terdapat maklumat yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesukaran kewangan yang teruk dan tiada prospek pemulihan yang realistik, contohnya, apabila penghutang diletakkan di bawah proses pembubaran atau telah menghadapi prosiding kebangkrutan. Aset kewangan yang dihapus kira mungkin tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan di bawah prosedur pemulihan PIDM, dengan mengambil kira nasihat perundangan sekiranya wajar. Sebarang pemulihan yang dibuat adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai aset kewangan (sambungan)

(v) Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit

Pengukuran ECL merupakan fungsi kebarangkalian kegagalan, kerugian akibat kegagalan (iaitu tahap kerugian sekiranya berlaku kegagalan) dan pendedahan semasa kegagalan, seperti yang diterangkan di bawah:

- PD Kebarangkalian kegagalan (*Probability of Default*) merupakan anggaran kemungkinan kegagalan entiti yang mungkir terhadap obligasi/pembayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan (iaitu lebih dari 12 bulan atau sepanjang jangka hayat instrumen kewangan).
- EAD Pendedahan semasa kegagalan (*Exposure at Default*) merupakan anggaran pendedahan pada tarikh kegagalan masa hadapan, dengan mengambil kira perubahan yang dijangkakan dalam pendedahan selepas tarikh pelaporan, termasuk pembayaran balik prinsipal dan faedah atau pulangan, sama ada kontrak berjadual atau sebaliknya, pengurangan yang dijangkakan kepada komitmen kemudahan, dan faedah atau pulangan terakru daripada pembayaran yang tidak dibuat.
- LGD Kerugian akibat kegagalan (*Loss Given Default*) merupakan anggaran kerugian yang timbul akibat kegagalan yang berlaku dalam tempoh yang dinyatakan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang perlu diterima oleh pemberi pinjaman, termasuk daripada realisasi apa-apa cagaran atau pemulihan aset. Ia biasanya dinyatakan sebagai peratusan daripada EAD.

Penilaian PD dan LGD adalah berdasarkan data sejarah yang diselaraskan dengan maklumat berpandangan ke hadapan seperti yang diterangkan di atas, khususnya input makroekonomi seperti ukuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK"), yang telah dinilai mempunyai korelasi tertinggi kepada penarafan kredit.

Apabila menganggarkan ECL, khususnya instrumen hutang, PIDM mempertimbangkan beberapa senario di mana setiap senario dikaitkan dengan PD yang berbeza yang digunakan untuk mengukur ECL. Senario yang dipertimbangkan untuk tempoh pelaporan dan wajaran senario ditentukan berdasarkan analisis statistik dan pertimbangan pakar, dengan mengambil kira pelbagai perwakilan hasil daripada setiap senario yang dipilih, serta keadaan persekitaran operasi pada tarikh pelaporan. Sekurang-kurangnya dua senario akan dipertimbangkan dalam menganggarkan ECL pada bila-bila masa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjelasan nilai aset kewangan (sambungan)

(v) Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit (sambungan)

Ketika Malaysia memulakan peralihan ke fasa endemik COVID-19 pada 1 April 2022 dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan pembukaan semula sempadan antarabangsa, PIDM terus mengemas kini senario dan andaian utamanya untuk mencerminkan perubahan dalam persekitaran operasi. Senarai senario dan andaian utama, yang diambil kira oleh PIDM adalah seperti berikut:

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022¹

Senario	Deskripsi – Senario Ekonomi Tempatan
Garis Dasar	Keadaan ekonomi dan/atau pertumbuhan dijangka serupa dengan keadaan dan pertumbuhan sejarah. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) Malaysia antara 4.5% dan 7.0%
Negatif Sederhana	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka sama dengan situasi dan kadar pertumbuhan lampau. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 1% dan 4.5%
Negatif	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka pada tahap rata atau negatif. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara -5.0% dan 1%
Kemerosotan Teruk	Keadaan ekonomi dan/atau pertumbuhan dijangka jauh lebih lemah daripada norma jangka panjang. KDNK Malaysia dijangka tidak berkembang lebih daripada -5%

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021²

Senario	Deskripsi – Senario Ekonomi Tempatan
Garis Dasar	Keadaan ekonomi dan/atau pertumbuhan dijangka serupa dengan keadaan dan pertumbuhan sejarah. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) Malaysia antara 4.5% dan 7.0%
Negatif Sederhana	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka sama dengan situasi dan kadar pertumbuhan lampau. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara 1% dan 4.5%
Negatif	Keadaan dan/atau pertumbuhan ekonomi dijangka pada tahap rata atau negatif. Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah antara -5.0% dan 1%
Kemerosotan Teruk	Keadaan ekonomi dan/atau pertumbuhan dijangka jauh lebih lemah daripada norma jangka panjang. KDNK Malaysia dijangka tidak berkembang lebih daripada -5%

¹ Sumber kategori senario dan kadar pertumbuhan KDNK adalah diambil dari Rating Agency Malaysia (RAM) MFRS9 SaaS version 4.0.9 – November 2022

² Sumber kategori senario dan kadar pertumbuhan KDNK adalah diambil dari Rating Agency Malaysia (RAM) MFRS9 SaaS version 4.0.5 – 1 November 2021

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(a) Instrumen kewangan (sambungan)

Penjejasan nilai aset kewangan (sambungan)

(v) Pengukuran dan pengiktirafan peruntukan kerugian kredit (ECL) (sambungan)

Sekiranya PIDM telah mengukur peruntukan kerugian bagi suatu instrumen kewangan pada amaun yang sama dengan ECL jangka hayat dalam tempoh pelaporan terdahulu, tetapi menentukan pada tarikh tempoh pelaporan semasa bahawa syarat-syarat bagi ECL jangka hayat tidak lagi dipenuhi, PIDM mengukur peruntukan kerugian pada amaun yang sama dengan 12 bulan ECL pada tarikh pelaporan semasa.

PIDM mengiktiraf penjejasan nilai pendapatan atau kerugian dalam keuntungan atau kerugian bagi semua instrumen kewangan dengan pelarasan yang sesuai dengan amaun bawaannya melalui akaun peruntukan kerugian, kecuali bagi pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada FVTOCI, di mana peruntukan kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam rizab penilaian semula pelaburan, dan tidak mengurangkan amaun bawaan aset kewangan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(b) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan PIDM pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dipegang untuk jualan.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana Perlindungan tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Tambahan lagi, selaras dengan keperluan MFRS 10 *Consolidated Financial Statements* ("MFRS 10"), PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan untuk mempunyai kawalan ke atas subsidiari-subsidiarinya, sebagaimana yang ditakrif di dalam MFRS 10. Ini kerana PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut adalah dihubungkait secara langsung kepada Kumpulan Dana Perlindungan yang berkenaan. Perkara ini dibincangkan secara lanjut di Nota 3.1(a).

(c) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran hartanah dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian bagi tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(c) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas mengambil kira susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan di atas tanah pegangan bebas	2.00%
Perabot dan kelengkapan	20.00%
Kenderaan motor	20.00%
Ubah suai pejabat	20.00%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.33%

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. PIDM telah mempermodalkan tanah dan amaun tanah dipermodalkan adalah mengikut pengiktirafan awal menggunakan harga belian di samping kos-kos lain yang berkaitan yang dibelanjakan bagi membawa tanah tersebut kepada keadaannya pada masa sekarang.

Hartanah dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia untuk diguna.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut. Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperolehi daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(d) Penjejasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan aset bukan kewangannya, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperolehi semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula.

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dalam tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana akaun amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(d) Penjejasan nilai aset bukan kewangan (sambungan)

Kerugian penjejasan nilai bagi aset akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperolehi semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut telah diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula.

(e) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan DIS dan TIPS diiktiraf mengikut asas akrual. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan caj semua perbelanjaan terhadap Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang berkaitan.

1. Pendapatan

Pendapatan premium dan levi yang diiktiraf dalam sesuatu tahun kewangan ditaksir berdasarkan premium dan levi yang ditaksirkan semasa tahun kewangan tersebut.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan efektif aset tersebut.

2. Perbelanjaan

Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tertentu dicaj kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana tersebut.

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana akan diagih berdasarkan ketetapan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pengagihan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) (Pindaan) 2017.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(e) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (sambungan)

2. Perbelanjaan (sambungan)

Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana Perlindungan atau Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

- (i) *Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada sama ada DIS atau TIPS tetapi merupakan perbelanjaan tidak langsung bagi sistem masing-masing.* Pengagihan bagi kategori perbelanjaan ini adalah berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) untuk sistem masing-masing pada tahun kewangan tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2022, perbelanjaan telah diagihkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Kadar peruntukan yang digunakan dalam tahun tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	DIS		TIPS			
	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2022	75.11%	24.89%	31.65%	58.47%	2.68%	7.20%
	100%		100%			
2021	75.73%	24.27%	40.58%	48.45%	3.22%	7.75%
	100%		100%			

- (ii) *Perbelanjaan yang merupakan kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua DIS dan TIPS.* Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada mana-mana DIS atau TIPS, perlu diperuntukkan berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) bagi setiap Kumpulan Dana Perlindungan di dalam DIS dan TIPS pada tahun sebelumnya seperti perbelanjaan, kos atau kerugian yang diagihkan. Bagi tahun kewangan 2022, perbelanjaan sebegini telah dicajkan kepada Dana Perlindungan masing-masing berdasarkan nisbah jumlah pendapatan yang diperolehi (tidak termasuk pendapatan lain) bagi setiap Dana Perlindungan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Asas pengagihan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	DIS		TIPS			
		Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Keluarga
2022	100%	54.94%	18.20%	8.50%	15.71%	0.72%	1.93%
2021	100%	54.34%	17.42%	11.46%	13.68%	0.91%	2.19%

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(f) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat pasca-pekerjaan

1. Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan. PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

2. Rancangan manfaat ditentukan

PIDM melaksanakan satu rancangan manfaat ditentukan tanpa pendanaan yang dikenali sebagai Rancangan Persaraan Jangka Panjang (*Long Term Retirement Plan – "LTRP"*) dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 Januari 2016. LTRP memberi manfaat kepada pekerja yang berbentuk satu tahap jaminan pembayaran persaraan secara sekaligus akan diberikan berdasar gaji akhir pekerja. Pembayaran manfaat LTRP bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan.

Peruntukan bagi LTRP yang diiktirafkan di dalam kedudukan penyata kewangan adalah nilai kini obligasi LTRP pada akhir tempoh pelaporan, termasuk pelarasan bagi untung/rugi aktuari dan mana-mana kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf.

PIDM akan menentukan perbelanjaan faedah bagi LTRP pada tempoh tersebut dengan mengguna pakai kadar diskaun untuk mengukur obligasi LTRP pada permulaan tempoh tahunan kepada LTRP yang seterusnya. Perbelanjaan faedah dan perbelanjaan lain berkaitan dengan LTRP akan dinyatakan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(g) Mata wang asing

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing akibat daripada butiran bukan kewangan tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

(h) PIDM sebagai pihak pemajak

PIDM menilai sama ada suatu kontrak merupakan pajakan atau mengandungi terma pajakan, dari permulaan kontrak tersebut. PIDM mengiktiraf aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan yang sepadan bagi semua perjanjian pajakan di mana ia adalah pemajak. Terkecuali adalah pajakan jangka pendek (ditakrifkan sebagai pajakan dengan tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang) dan pajakan aset bernilai rendah, di mana PIDM mengiktiraf pembayaran pajakan tersebut sebagai perbelanjaan operasi mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan, melainkan terdapat kaedah sistematik lain adalah lebih sesuai bagi corak masa di mana manfaat ekonomi aset pajakan itu digunakan.

Liabiliti pajakan di peringkat awalnya diukur pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan yang belum berbayar pada tarikh permulaan, yang didiskaunkan dengan menggunakan kadar tersirat bagi pajakan tersebut. Jika kadar ini tidak dapat ditentukan dengan tepat, PIDM menggunakan kadar peminjaman tambahannya.

Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada:

- pembayaran pajakan tetap (termasuk isi kandungannya adalah pembayaran tetap), selepas ditolak sebarang insentif pajakan;
- pembayaran pajakan boleh ubah yang bergantung kepada suatu indeks atau kadar, yang pada mulanya diukur dengan menggunakan indeks atau kadar berkenaan pada tarikh permulaan;
- amaun yang dijangka dibayar oleh pemajak di bawah jaminan nilai sisa;

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(h) PIDM sebagai pihak pemajak (sambungan)

Pembayaran pajakan yang termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan terdiri daripada: (sambungan)

- harga laksana opsyen pembelian, sekiranya pemajak adalah munasabah pasti untuk melaksanakan opsyen tersebut; dan
- pembayaran penalti bagi penamatan pajakan, sekiranya terma pajakan berkenaan ada mencerminkan suatu opsyen bagi menamatkan pajakan tersebut.

Liabiliti pajakan dibentangkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti pajakan seterusnya diukur dengan menaikkan amaun bawaan untuk mencerminkan faedah atau pulangan ke atas liabiliti pajakan (menggunakan kaedah kadar efektif bagi faedah atau pulangan) dan dengan mengurangkan amaun bawaan untuk mencerminkan pembayaran pajakan yang dibuat.

PIDM mengukur semula liabiliti pajakan (dan membuat penyesuaian yang sepadan dengan aset berkaitan hak penggunaan) apabila:

- terma pajakan telah berubah atau terdapat perubahan dalam penilaian pelaksanaan opsyen pembelian, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun yang disemak semula;
- pembayaran pajakan berubah disebabkan perubahan dalam indeks atau kadar atau perubahan dalam jangkaan pembayaran di bawah jaminan nilai sisa, di mana liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun awal (kecuali perubahan pembayaran pajakan adalah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah atau pulangan terapung, di mana kadar diskaun yang disemak semula akan digunakan); atau
- kontrak pajakan diubahsuai dan pengubahsuaian pajakan tersebut tidak diambil kira sebagai pajakan berasingan. Dalam hal ini, liabiliti pajakan diukur semula dengan mendiskaunkan pembayaran pajakan yang disemak dengan menggunakan kadar diskaun yang disemak semula.

Aset berkaitan hak penggunaan terdiri daripada pengukuran awal liabiliti pajakan yang sepadan, pembayaran pajakan yang telah dibuat pada atau sebelum hari permulaan dan sebarang kos langsung permulaan. Ia kemudian diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai.

Apabila PIDM menanggung obligasi bagi kos untuk menghapus dan mengeluarkan suatu aset pajakan, atau memulihkan tapak di mana aset tersebut berada atau memulihkan aset tersebut kepada keadaan asal seperti yang diperlukan oleh terma dan syarat pajakan, suatu peruntukan perlu diiktiraf dan diukur di bawah MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets* ("MFRS 137"). Kos tersebut dimasukkan dalam nilai aset berkaitan hak penggunaan yang berkenaan.

Aset berkaitan hak penggunaan adalah disusut nilai dalam jangka lebih pendek antara tempoh pajakan atau tempoh hayat aset dasar. Sekiranya suatu pajakan berpindah milik kepada pemajak atau kos aset berkaitan hak penggunaan mencerminkan bahawa PIDM dijangka untuk melaksanakan opsyen pembelian, aset berkaitan hak penggunaan tersebut akan disusut nilai berdasarkan tempoh hayat aset dasar berkenaan. Susut nilai bermula dari tarikh permulaan pajakan.

Aset berkaitan hak penggunaan dibentangkan secara berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(h) PIDM sebagai pihak pemajak (sambungan)

PIDM mengguna pakai MFRS 136 *Impairment of Assets* ("MFRS 136") untuk menentukan sama ada aset berkaitan hak penggunaan adalah terjejas dan mengambil kira kerugian penjejasan nilai yang dikenal pasti seperti yang dikehendaki dalam Nota 2.2(d).

Sewa boleh ubah yang tidak bergantung kepada indeks atau kadar tidak dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan dan aset berkaitan hak penggunaan. Pembayaran yang berkaitan adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh yang mana peristiwa atau keadaan yang menyebabkan pembayaran tersebut berlaku dan dimasukkan dalam perenggan "perbelanjaan operasi dan pentadbiran" di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

2.3 Pelaksanaan MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan

Piawaian, Tafsiran dan Pindaan MFRS yang baharu dan disemak semula

Dasar perakaunan yang diguna pakai adalah konsisten dengan dasar-dasar perakaunan tahun kewangan sebelum ini.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* – "MASB"), yang berkuatkuasa dalam tempoh pelaporan kewangan semasa dan telah diterima pakai oleh PIDM dalam penyata kewangan ini:

MFRS, Tafsiran dan Pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

- *Reference to the Conceptual Framework – Amendments to MFRS 3*
- *Property, Plant and Equipment: Proceeds before Intended Use - Amendments to MFRS 116*
- *Onerous Contracts – Costs of Fulfilling a Contract – Amendments to MFRS 137*
- *Annual Improvements to MFRS Standards 2018–2020 (MFRS 1, MFRS 9, MFRS 16 and MFRS 141)*

Pemakaian pindaan ini tidak mempunyai sebarang kesan yang ketara ke atas penyata kewangan PIDM.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pelaksanaan MFRS baharu dan yang disemak semula, Tafsiran dan Pindaan (sambungan)

MFRS baharu dan disemak semula, Tafsiran dan Pindaan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran kepada Rangka Kerja MFRS yang telah dikeluarkan oleh MASB dan akan berkuatkuasa dalam tempoh pelaporan kewangan masa depan. PIDM berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, penambahbaikan tahunan kepada piawaian dan Tafsiran IC, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa:

Deskripsi	Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas
MFRS 17 <i>Insurance Contracts</i>	1 Januari 2023
<i>Amendments to MFRS 17: Initial Application of MFRS 17 and MFRS 9 - Comparative Information</i>	1 Januari 2023
<i>Amendments to MFRS 101: Classification of Liabilities as Current or Non-current</i>	1 Januari 2023
<i>Amendments to MFRS 101: Disclosure of Accounting Policies</i>	1 Januari 2023
<i>Amendments to MFRS 108: Definition of Accounting Estimates</i>	1 Januari 2023
<i>Amendments to MFRS 112: Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction</i>	1 Januari 2023
<i>Amendments to MFRS 16: Lease Liability in a Sale and Leaseback</i>	1 Januari 2024
<i>Amendments to MFRS 101: Non-Current Liabilities with Covenants</i>	1 Januari 2024
<i>Amendments to MFRS 10 and MFRS 128: Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture</i>	Ditunda kepada tarikh yang akan diumumkan oleh MASB

PIDM tidak merancang untuk mengguna pakai Piawaian berikut yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023 kerana Piawaian ini tidak terpakai kepada PIDM:

- MFRS 17 *Insurance Contracts* kerana PIDM tidak menjalankan perniagaan insurans komersial dan sistem perlindungan yang ditadbirnya adalah ditetapkan di bawah Akta PIDM; dan
- *Amendments to MFRS 112: Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction* kerana PIDM dikecualikan daripada cukai pendapatan.

PIDM tidak menjangkakan bahawa penggunaan Piawaian yang disenaraikan di atas akan memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan PIDM dalam tempoh masa hadapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA

Penyediaan penyata kewangan PIDM secara amnya tidak memerlukan pihak Pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun yang dilaporkan kecuali bagi perkara yang dibincangkan di bawah serta pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Sekiranya penilaian diperlukan, ketidakpastian tentang andaian dan anggaran yang digunakan boleh menyebabkan hasil yang akan memerlukan pelarasan ketara terhadap amaun bawaan aset atau liabiliti berkenaan pada masa hadapan.

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan

Bagi proses mengguna pakai polisi perakaunan PIDM, pihak Pengurusan, selain daripada perkara yang melibatkan anggaran, telah membuat penilaian berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Menurut MFRS 10 *Consolidated Financial Statements* ("MFRS 10"), penggabungan keputusan operasi subsidiari-subsidiari dengan syarikat induk diperlukan apabila syarikat induk mempunyai 'kawalan' ke atas subsidiari-subsidiarinya. Bagi wujudnya kawalan tersebut, pelabur perlu memenuhi kriteria berikut:

- (i) kuasa ke atas pelaburan;
- (ii) pendedahan, atau hak, terhadap pulangan serba berubah daripada penglibatannya dalam pelaburan tersebut; dan
- (iii) keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

PIDM merupakan badan resolusi bagi semua institusi ahli dengan kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas. Subsidiari-subsidiari telah ditubuhkan sebagai medium bagi PIDM untuk menjalankan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan dan bukannya untuk tujuan pelaburan. Sebarang pulangan daripada subsidiari-subsidiari tersebut adalah untuk manfaat Kumpulan Dana Perlindungan masing-masing, yang akan digunakan untuk aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan pada masa hadapan. PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut dihubungkan secara langsung kepada Kumpulan Dana Perlindungan yang berkenaan. Walaupun PIDM mempunyai hak untuk menggunakan wang dalam Kumpulan Dana Perlindungan untuk menampung apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan operasinya, perbelanjaan ini adalah terhad dan ditadbir oleh Akta PIDM.

Memandangkan perkara seperti di atas, kriteria untuk mempunyai 'kawalan' seperti yang ditakrifkan dalam MFRS 10 tidak dipenuhi, justeru penyata kewangan disatukan tidak disediakan. Walau bagaimanapun, ringkasan maklumat kewangan bagi setiap subsidiari dinyatakan di Nota 7 kepada penyata kewangan.

(b) Klasifikasi aset kewangan – penilaian model perniagaan

Klasifikasi dan pengukuran aset kewangan bergantung kepada hasil penilaian model perniagaan dan ujian SPPI (rujuk Nota 2.2(a)). PIDM menentukan model perniagaan pada tahap yang mencerminkan kaedah pengurusan aset kewangan untuk mencapai matlamat perniagaan tertentu. Penilaian ini termasuk pertimbangan yang mencerminkan semua bukti yang relevan termasuk kaedah penilaian dan pengukuran prestasi aset serta cara risiko yang berkaitan dengan aset tersebut diuruskan. PIDM terus memantau kesesuaian model perniagaan yang diguna pakai bagi aset-aset ini bagi menentukan sama ada terdapat perubahan dalam model perniagaan serta perubahan prospektif kepada klasifikasi aset tersebut. Tiada perubahan diperlukan bagi tempoh pelaporan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan (sambungan)

(c) Komitmen pajakan operasi

PIDM telah memeterai kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat dan pelbagai peralatan pejabat. PIDM telah menentukan, berdasarkan penilaian terhadap terma-terma dan syarat-syarat perjanjian, tempoh pajakan yang melibatkan sebahagian besar daripada hayat aset-aset dan tidak ada opsyen pembelian termasuk di dalam kontrak. Oleh kerana tiada pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan aset-aset ini kepada PIDM, maka kontrak-kontrak ini diambil kira sebagai pajakan operasi.

3.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkenaan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara dan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan seperti di bawah:

Kerugian penjejasan nilai ke atas aset kewangan

Pengukuran kerugian penjejasan nilai di bawah MFRS 9 *Financial Instruments* ("MFRS 9") bagi semua kategori aset kewangan memerlukan pertimbangan. Khususnya, anggaran diperlukan bagi jumlah dan tempoh aliran tunai masa hadapan dan nilai cagaran apabila menentukan kerugian penjejasan nilai dan penilaian peningkatan risiko kredit yang ketara. Anggaran ini didorong oleh beberapa faktor yang mana perubahannya yang boleh menyebabkan tahap peruntukan yang berbeza.

Pengiraan ECL PIDM merupakan output model yang kompleks dengan beberapa anggapan pendasar mengenai pilihan input boleh ubah dan kebergantungannya. Unsur-unsur model ECL yang dianggap sebagai pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Penentuan kriteria bagi peningkatan dalam risiko kredit yang ketara;
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai rumusan dan pilihan input;
- Penetapan hubungan antara senario makroekonomi dan input ekonomi yang relevan kepada kelas aset kewangan, seperti KDNK, dan kesan terhadap PD, EAD dan LGD;
- Pembahagian aset kewangan apabila ECL masing-masing dinilai secara kolektif; dan
- Penentuan bilangan dan wajaran relatif bagi senario berpandangan ke hadapan, untuk mendapatkan anggaran ECL.

Apabila mengukur ECL, PIDM menggunakan maklumat berpandangan hadapan yang munasabah dan disokong, yang berdasarkan kepada andaian pergerakan KDNK pada masa hadapan.

LGD merupakan anggaran kerugian yang timbul dari peristiwa kegagalan. Ia adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai berkontrak yang perlu dibayar dan yang dijangka akan diterima oleh PIDM, dengan mengambil kira aliran tunai daripada cagaran dan peningkatan risiko kredit yang penting.

PD merupakan input utama dalam mengukur ECL. PD merupakan anggaran kebarangkalian berlakunya sesuatu kegagalan sepanjang tempoh masa tertentu, di mana pengiraannya merangkumi data sejarah serta andaian dan jangkaan keadaan masa hadapan.

Nota 22(c) menyatakan sumber sensitiviti utama ECL terhadap perubahan input dan andaian utama.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

3.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

Rancangan manfaat ditentukan – Rancangan Persaraan Jangka Panjang

Obligasi LTRP, dikira berdasarkan unjuran kaedah kredit unit yang ditentukan oleh aktuari bertauliah. Penilaian aktuari adalah berdasarkan kepada pelbagai andaian yang mungkin berbeza dengan perkembangan sebenar pada masa hadapan. Andaian yang diguna pakai termasuklah penentuan kadar diskaun, kenaikan gaji pada masa hadapan, kadar pusingan pekerja, kadar kematian dan kadar kehilangan upaya. Kesemua andaian akan disemak pada setiap tarikh pelaporan.

Aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan

Kedudukan aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan PIDM bergantung kepada penilaian semasa pihak Pengurusan terhadap jumlah pembayaran pajakan bagi tempoh pajakan yang dijangka dan berdasarkan andaian terhadap kadar peminjaman tambahan yang sesuai digunakan sebagai kadar diskaun.

Ketidakpastian mengenai amaun bawaan ini berkaitan terutamanya kepada penilaian pihak Pengurusan terhadap kepastian munasabah dalam melaksanakan pelanjutan kontrak pajakan yang boleh diperbaharui. Disebabkan oleh ketidakpastian ini, terdapat kemungkinan bahawa, pada penghujung tempoh kontrak pajakan yang tidak boleh dibatalkan pada tarikh hadapan, hasil akhir mungkin berbeza menurut keputusan sebenar pelanjutan. Pihak Pengurusan telah menilai dan yakin bahawa pelanjutan untuk pembaharuan akan dilaksanakan dan telah mencerminkan andaian dalam pengukuran aset berkaitan hak penggunaan dan liabiliti pajakan. Andaian tersebut dinilai secara minimum, pada setiap tarikh pelaporan atau apabila terdapat petunjuk yang mungkin menyebabkan perubahan dalam andaian.

3.3 Pertimbangan usaha berterusan berkaitan COVID-19 tanpa ketidaktentuan yang material

PIDM telah mempertimbangkan kesan pandemik COVID-19 serta perkara dan keadaan berkaitan lain yang mungkin memberi kesan terhadap kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Pada masa ini, selain daripada yang telah didedahkan di dalam penyata kewangan, tiada kebimbangan penting atau peristiwa tertentu yang memerlukan pendedahan khusus mengenai apa-apa perkara yang menjejaskan pengukuran aset dan liabiliti. Menurut seksyen 206 Akta PIDM, tiada ketidakpastian mengenai keupayaan PIDM untuk terus beroperasi secara usaha berterusan kerana tiada undang-undang bertulis mengenai ketidaksolvenan atau penggulangan boleh dikenakan terhadap PIDM.

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

a. Baki pada akhir tahun kewangan

	2022		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Akaun-akaun perbankan operasi	1,115	1,113	2
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	67,448	56,813	10,635
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	68,563	57,926	10,637

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMBUNGAN)

a. Baki pada akhir tahun kewangan (sambungan)

	2021		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Akaun-akaun perbankan operasi	1,017	1,015	2
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek dan deposit tetap	93,375	77,792	15,583
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	94,392	78,807	15,585

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung)

	2022		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebih bersih operasi bagi tahun semasa	645,562	531,293	114,269
<i>Pelarasan bagi:</i>			
Susut nilai hartanah dan peralatan	2,899	2,207	692
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	4,450	3,207	1,243
Kos kewangan pajakan	404	293	111
Keuntungan dari pelupusan hartanah dan peralatan	(56)	(40)	(16)
Peruntukan kerugian kredit dijangka	1	1	-
Lebih bersih diselaraskan sebelum perubahan dalam modal kerja	653,260	536,961	116,299
Perubahan dalam akaun belum bayar	3,494	2,692	802
Perubahan dalam aset lain	(1,314)	(1,239)	(75)
Pertambahan/pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	83,281	54,801	28,480
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	738,721	593,215	145,506
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada kematangan sekuriti pelaburan	1,680,986	1,060,381	620,605
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,436,182)	(1,667,153)	(769,029)
Pembelian hartanah dan peralatan	(4,432)	(3,459)	(973)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(759,628)	(610,231)	(149,397)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PINJAMAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	(4,518)	(3,572)	(946)
Kos kewangan pajakan	(404)	(293)	(111)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pinjaman	(4,922)	(3,865)	(1,057)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(25,829)	(20,881)	(4,948)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	94,392	78,807	15,585
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	68,563	57,926	10,637

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMBUNGAN)

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung) (sambungan)

	2021		
	Jumlah RM'000 Dinyatakan semula	DIFs RM'000 Dinyatakan semula	TIPFs RM'000 Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebih bersih operasi bagi tahun semasa	341,484	251,423	90,061
<i>Pelarasan bagi:</i>			
Susut nilai hartanah dan peralatan	3,834	2,789	1,045
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	4,728	3,696	1,032
Kos kewangan pajakan	686	540	146
Pelarasan daripada pengubahsuaian kontrak pajakan	(312)	(224)	(88)
Peruntukan kerugian kredit dijangka	(35)	(25)	(10)
Lebih bersih diselaraskan sebelum perubahan dalam modal kerja	350,385	258,199	92,186
Perubahan dalam akaun belum bayar	3,162	2,257	905
Perubahan dalam aset lain	4,229	378	3,851
Pertambahan/pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	70,297	43,037	27,260
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	428,073	303,871	124,202
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	1,872,711	967,975	904,736
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,350,474)	(1,305,379)	(1,045,095)
Pembelian hartanah dan peralatan	(2,621)	(1,969)	(652)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(480,384)	(339,373)	(141,011)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PINJAMAN			
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	(4,854)	(3,779)	(1,075)
Kos kewangan pajakan	(686)	(540)	(146)
Hasil daripada pinjaman	5,135	5,135	-
Pembayaran balik pinjaman	(5,135)	(5,135)	-
Faedah dibayar atas pinjaman	(2)	(2)	-
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pinjaman	(5,542)	(4,321)	(1,221)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(57,853)	(39,823)	(18,030)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	152,245	118,630	33,615
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	94,392	78,807	15,585

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

5. PELABURAN

	2022		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan	5,320,251	3,396,552	1,923,699
Sekuriti Hutang Swasta	505,301	324,928	180,373
	5,825,552	3,721,480	2,104,072
Tambah: Pertambahan diskaun selepas pelunasan premium	(90,534)	(59,692)	(30,842)
Jumlah pelaburan pada kos yang dilunaskan	5,735,018	3,661,788	2,073,230
Tolak: Peruntukan kerugian kredit dijangka	(8)	(5)	(3)
Jumlah pelaburan bersih	5,735,010	3,661,783	2,073,227

	2021		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan	4,693,237	2,882,434	1,810,803
Sekuriti Hutang Swasta	435,667	270,330	165,337
	5,128,904	3,152,764	1,976,140
Tambah: Pertambahan diskaun selepas pelunasan premium	(65,801)	(42,947)	(22,854)
Jumlah pelaburan pada kos yang dilunaskan	5,063,103	3,109,817	1,953,286
Tolak: Peruntukan kerugian kredit dijangka	(7)	(4)	(3)
Jumlah pelaburan bersih	5,063,096	3,109,813	1,953,283

Penjelasan nilai pelaburan

Tiada perubahan dalam teknik anggaran atau andaian ketara telah dibuat dalam tempoh pelaporan semasa bagi menilai peruntukan kerugian bagi aset kewangan ini.

Jangkaan peningkatan risiko kredit pelaburan

PIDM terus memantau dan menilai kesan prospek semasa dan masa hadapan bagi persekitaran ekonomi dan operasi kepada risiko kredit pelaburannya.

Nota 16(i) dan Nota 22(c) memperincikan amaun bawaan kasar, peruntukan kerugian serta asas pengukuran kerugian kredit yang dijangka bagi setiap aset kewangan tersebut mengikut gred penilaian risiko kredit, masing-masing.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

6. ASET LAIN

	2022		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
a. Aset kewangan			
Pendapatan pelaburan belum terima	45,144	30,628	14,516
Deposit	2,736	2,460	276
Akaun belum terima lain	50	37	13
Jumlah sub aset kewangan	47,930	33,125	14,805
b. Aset bukan kewangan			
Prabayaran	3,598	2,315	1,283
Aset bukan kewangan lain	213	154	59
Jumlah sub aset bukan kewangan	3,811	2,469	1,342
Jumlah aset lain	51,741	35,594	16,147

	2021		
	Jumlah RM'000 Dinyatakan semula	DIFs RM'000 Dinyatakan semula	TIPFs RM'000 Dinyatakan semula
a. Aset kewangan			
Pendapatan pelaburan belum terima	45,140	30,325	14,815
Deposit	2,500	2,287	213
Akaun belum terima lain	61	46	15
Jumlah sub aset kewangan	47,701	32,658	15,043
b. Aset bukan kewangan			
Prabayaran	2,626	1,626	1,000
Aset bukan kewangan lain	213	154	59
Jumlah sub aset bukan kewangan	2,839	1,780	1,059
Jumlah aset lain	50,540	34,438	16,102

Penjelasan nilai aset kewangan lain

Tiada perubahan dalam teknik anggaran atau andaian ketara telah dibuat dalam tempoh pelaporan semasa bagi menilai peruntukan kerugian bagi aset kewangan ini.

Jangkaan peningkatan risiko kredit aset kewangan lain

Tiada peruntukan untuk jangkaan kerugian kredit diiktiraf dalam tahun tersebut bagi aset kewangan yang diiktiraf pada kos terlunas dalam aset lain, disebabkan kesannya yang tidak ketara.

Nota 16(i) dan Nota 22(c) memperincikan amaun bawaan kasar, peruntukan kerugian serta asas pengukuran kerugian kredit yang dijangka bagi setiap aset kewangan tersebut mengikut gred penilaian risiko kredit.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	2022		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Kos			
Saham tidak tersenarai	—*	—*	—*
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	—*	—*	—*

	2021		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Kos			
Saham tidak tersenarai	—*	—*	—*
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	—*	—*	—*

* Jumlah modal berbayar sebanyak RM10 (RM2 untuk setiap lima subsidiari) adalah di bawah ambang nilai bundaran.

Butir-butir subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Aktiviti utama	Tarikh diperbadankan	Kepentingan pemilikan efektif	Status
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad**	Malaysia	Syarikat pengurusan aset	8 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	20 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman

** Diaudit oleh firma audit luaran, Tetuan Khairuddin Hasyudeen & Razi.

Nama para Pengarah yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 untuk semua subsidiari ialah:

- Encik Rafiz Azuan bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, PIDM
- Puan Lee Yee Ming, Naib Presiden Eksekutif, PIDM

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Subsidiari-subsidiari di atas telah diperbadankan sebagai sebahagian daripada usaha PIDM untuk memastikan kesediaan operasi bagi melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Selaras dengan seksyen 10 Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi tujuan untuk menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipannya. Lima buah subsidiari, iaitu sebuah syarikat pengurusan aset dan empat institusi perantara, telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat awam berhad menurut syer. Subsidiari-subsidiari tersebut diperbadankan awal sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dormant sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu.

Objektif dan tujuan khusus subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Objektif / Tujuan
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad	Subsidiari ini telah ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan sebagai sebuah syarikat pengurusan aset dan mempunyai kuasa untuk memperoleh, mengambil alih kawalan, mengurus, melupuskan, menjual, berurusan dengan, berurus niaga dan beroperasi secara usaha berterusan atau sebaliknya, aset, liabiliti, urus niaga, aku janji dan hal ehwal institusi ahli sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta PIDM, sama ada melalui pengurusan, perjanjian, instrumen, atau selainnya menurut Akta PIDM dan mana-mana undang-undang lain yang berkenaan.

Institusi perantara ("IP")

Institusi perantara merupakan sebuah medium resolusi di bawah Akta PIDM yang membolehkan PIDM untuk memindahkan urus niaga, aset dan liabiliti institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan kepada institusi perantara, apabila tidak ada pembeli serta-merta atau apabila tindakan resolusi melibatkan institusi ahli yang kompleks. Institusi perantara ini bertujuan sebagai institusi khas sementara untuk memelihara nilai francais perniagaan institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan. Institusi perantara ini akan beroperasi secara konservatif, dan kemudiannya dijual kepada pembeli sektor swasta. Setelah pengaktifan dan penubuhan sesebuah institusi perantara di bawah Akta PIDM dengan kelulusan Menteri Kewangan, institusi perantara tersebut akan beroperasi sebagai sebuah institusi kewangan berlesen penuh.

The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan komersial seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank Islam berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan Islam seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah syarikat insurans berlesen untuk menjalankan atau menguruskan semua urus niaga insurans, jaminan dan indemniti seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah pengendali Takaful berlesen untuk menjalankan atau menguruskan semua jenis urus niaga Takaful dan takaful semula seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Maklumat lanjut boleh didapati di Nota 3.1(a).

Di masa subsidiari-subsidiari kekal dormant, perbelanjaan pentadbiran akan ditanggung secara terus oleh PIDM diperingkat korporat. Butiran perbelanjaan pentadbiran subsidiari-subsidiari adalah seperti berikut:

Butiran perbelanjaan	2022 RM	2021 RM
Yuran audit	19,610	19,610
Yuran perunding setiausaha syarikat	18,425	17,675
Jumlah perbelanjaan subsidiari-subsidiari	38,035	37,285

Perbelanjaan pentadbiran subsidiari-subsidiari termasuk dalam perbelanjaan operasi dan pentadbiran seperti dinyatakan dalam Nota 16 dalam fi penasihat dan perundingan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN

	2022							
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos								
Baki pada 1 Januari	4,718	16,954	57,485	4,138	930	10,206	774	95,205
Penambahan	-	-	1,380	1,300	-	2,455	4,375	9,510
Reklasifikasi	-	-	3,406	-	-	138	(3,544)	-
Pelupusan	-	-	(316)	(1,580)	-	(1,972)	-	(3,868)
Hapus kira	-	-	(389)	(106)	-	(409)	-	(904)
Baki pada 31 Disember	4,718	16,954	61,566	3,752	930	10,418	1,605	99,943
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	-	1,739	53,503	3,783	881	10,138	-	70,044
Caj bagi tahun semasa	-	296	2,176	216	38	173	-	2,899
Pelupusan	-	-	(316)	(1,575)	-	(1,944)	-	(3,835)
Hapus kira	-	-	(389)	(105)	-	(408)	-	(902)
Baki pada 31 Disember	-	2,035	54,974	2,319	919	7,959	-	68,206
Jumlah bawaan bersih pada 31 Disember	4,718	14,919	6,592	1,433	11	2,459	1,605	31,737

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	2021							Jumlah RM'000
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	
Kos								
Baki pada 1 Januari	4,718	16,954	53,935	4,138	930	10,206	2,015	92,896
Penambahan	-	-	-	-	-	-	2,309	2,309
Reklasifikasi	-	-	3,550	-	-	-	(3,550)	-
Baki pada 31 Disember	4,718	16,954	57,485	4,138	930	10,206	774	95,205
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	-	1,399	50,443	3,677	809	9,882	-	66,210
Caj bagi tahun semasa	-	340	3,060	106	72	256	-	3,834
Baki pada 31 Disember	-	1,739	53,503	3,783	881	10,138	-	70,044
Jumlah bawaan bersih pada 31 Disember	4,718	15,215	3,982	355	49	68	774	25,161

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

*Aset yang masih dalam pembinaan berjumlah RM1.6 juta (2021: RM0.8 juta), terdiri daripada:

	2022 RM'000	2021 RM'000
Sistem Penilaian Risiko ("RAS") 2	68	-
Penambahbaikan Sistem Portal Industri	-	138
Automasi Bahasa Pertanyaan Berstruktur ("SQL") dan analisis data	-	212
Penambahbaikan sistem <i>Depositor Liabilities Information Management - Member Institution On-Site System</i> ("DLIMS – MIOS")	133	159
<i>Reimbursement system – Request Management and Support System and Microsite</i>	1,149	115
<i>Payout Management System</i> ("PMS")	116	-
Lain-lain sistem teknologi maklumat	139	150
Jumlah	1,605	774

Tanah dan bangunan adalah berkenaan dengan Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre – "DRC"*) PIDM yang dibina di atas tanah pegangan bebas milik PIDM, dan diukur pada kos pada tarikh laporan. PIDM telah menjalankan penilaian penuh ke atas tanah pegangan bebas dan bangunan tersebut pada November 2021, yang dikendalikan oleh penilai bebas berdaftar. Nilai saksama tanah dan bangunan pegangan bebas ditentukan menggunakan pendekatan kos dan kaedah pendekatan perbandingan secara serentak. Ini bermakna penilaian yang dilakukan oleh penilai adalah berdasarkan harga pasaran aktif, diselaraskan dengan ketara untuk sekatan kebolehpasaran dan syarat-syarat lain yang berkaitan dengan tanah pegangan bebas dan bangunan. Pada 31 Disember 2022, nilai saksama tanah dan bangunan ialah RM20 juta berdasarkan penilaian desktop yang dijalankan pada Disember 2022 oleh penilai bebas berdaftar yang sama.

PIDM akan melakukan penilaian terhadap tanah pegangan bebas secara berkala bagi memastikan nilai bawaan yang dinyatakan di dalam penyata kewangan kekal relevan tanpa sebarang penjejasan nilai. PIDM akan melaksanakan pertimbangannya bagi memastikan kaedah penilaian dan anggaran yang diguna pakai adalah sejajar dengan keadaan pasaran semasa.

Penilaian input yang tidak dapat diperhatikan

	2022 RM	2021 RM
Harga tanah dan bangunan bagi satu meter persegi	1,400-3,700	1,800-3,200

Penambahan/(pengurangan) ketara di dalam anggaran harga bagi setiap satu meter persegi akan menyebabkan nilai saksama yang ketara tinggi/(rendah).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Pengimbangan semula nilai saksama – Tahap 3

	2022		
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Jumlah RM'000
Jumlah bawaan bersih pada 1 Januari	4,718	15,215	19,933
Jumlah bawaan bersih pada 31 Disember	4,718	14,919	19,637
Nilai saksama tanah dan bangunan pada 31 Disember	10,000	10,000	20,000

Tanah dan bangunan berkaitan DRC, adalah untuk kegunaan PIDM sendiri, dan oleh itu dalam menilai kemerosotan nilai, nilai tanah dan bangunan telah dinilai secara keseluruhannya. Jumlah nilai bawaan bersih tanah dan bangunan pada 31 Disember 2022 adalah lebih rendah daripada jumlah nilai saksama tanah dan bangunan seperti yang ditentukan melalui penilaian oleh penilai bebas. Oleh itu, tiada tanda-tanda kemerosotan nilai tanah dan bangunan pada tarikh laporan.

Pelupusan peralatan

Keuntungan bersih dari pelupusan telah diiktiraf dalam pendapatan lain dalam tahun semasa yang timbul daripada pelepasan ruang pejabat di Aras 11 dan Aras 15, Menara Axiata, Kuala Lumpur atas dasar 'seadanya' bersama dengan perabot dan kelengkapan yang berkaitan dengannya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit

	2022							
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos								
Baki pada 1 Januari	3,155	13,775	45,728	3,905	734	9,158	638	77,093
Penambahan	-	-	1,009	951	-	1,796	3,486	7,242
Reklasifikasi	-	-	2,507	-	-	101	(2,608)	-
Pelupusan	-	-	(251)	(1,563)	-	(1,590)	-	(3,404)
Hapus kira	-	-	(309)	(96)	-	(291)	-	(696)
Baki pada 31 Disember	3,155	13,775	48,684	3,197	734	9,174	1,516	80,235
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	-	1,413	42,749	3,618	695	9,104	-	57,579
Caj bagi tahun semasa	-	244	1,647	157	30	129	-	2,207
Pelupusan	-	-	(251)	(1,559)	-	(1,564)	-	(3,374)
Hapus kira	-	-	(309)	(95)	-	(290)	-	(694)
Baki pada 31 Disember	-	1,657	43,836	2,121	725	7,379	-	55,718
Jumlah bawaan bersih pada 31 Disember	3,155	12,118	4,848	1,076	9	1,795	1,516	24,517

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

	2021							
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos								
Baki pada 1 Januari	3,155	13,775	43,077	3,905	734	9,158	1,255	75,059
Penambahan	-	-	-	-	-	-	2,034	2,034
Reklasifikasi	-	-	2,651	-	-	-	(2,651)	-
Baki pada 31 Disember	3,155	13,775	45,728	3,905	734	9,158	638	77,093
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	-	1,137	40,586	3,532	637	8,898	-	54,790
Caj bagi tahun semasa	-	276	2,163	86	58	206	-	2,789
Baki pada 31 Disember	-	1,413	42,749	3,618	695	9,104	-	57,579
Jumlah bawaan bersih pada 31 Disember	3,155	12,362	2,979	287	39	54	638	19,514

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

	2022							
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos								
Baki pada 1 Januari	1,563	3,179	11,757	233	196	1,048	136	18,112
Penambahan	-	-	371	349	-	659	889	2,268
Reklasifikasi	-	-	899	-	-	37	(936)	-
Pelupusan	-	-	(65)	(17)	-	(382)	-	(464)
Hapus kira	-	-	(80)	(10)	-	(118)	-	(208)
Baki pada 31 Disember	1,563	3,179	12,882	555	196	1,244	89	19,708
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	-	326	10,754	165	186	1,034	-	12,465
Caj bagi tahun semasa	-	52	529	59	8	44	-	692
Pelupusan	-	-	(65)	(16)	-	(380)	-	(461)
Hapus kira	-	-	(80)	(10)	-	(118)	-	(208)
Baki pada 31 Disember	-	378	11,138	198	194	580	-	12,488
Jumlah bawaan bersih pada 31 Disember	1,563	2,801	1,744	357	2	664	89	7,220

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

8. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

	2021							
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos								
Baki pada 1 Januari	1,563	3,179	10,858	233	196	1,048	760	17,837
Penambahan	-	-	-	-	-	-	275	275
Reklasifikasi	-	-	899	-	-	-	(899)	-
Baki pada 31 Disember	1,563	3,179	11,757	233	196	1,048	136	18,112
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	-	262	9,857	145	172	984	-	11,420
Caj bagi tahun semasa	-	64	897	20	14	50	-	1,045
Baki pada 31 Disember	-	326	10,754	165	186	1,034	-	12,465
Jumlah bawaan bersih pada 31 Disember	1,563	2,853	1,003	68	10	14	136	5,647

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

9. ASET BERKAITAN HAK PENGGUNAAN

PIDM memajak beberapa aset termasuk bangunan dan peralatan pejabat.

PIDM mempunyai kontrak penyewaan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 11, 12, 13, 15 dan 16, Menara Axiata, Kuala Lumpur. Perjanjian penyewaan tersebut telah diperbaharui untuk tempoh 2 tahun lagi (Penggala Ketiga) bermula dari 1 Januari 2022, pada kadar sewa pasaran semasa, tetapi dengan tempoh untuk beberapa aras yang telah diubahsuai dan dikurangkan iaitu Aras 11 untuk tempoh 6 bulan lagi dan Aras 15 untuk tempoh 12 bulan lagi. Baki aras-aras lain akan disewa untuk tempoh penuh sehingga 31 Disember 2023.

PIDM juga telah memeterai perjanjian penyewaan baharu untuk penggunaan ruang pejabat di Aras 9 dan 10 Bangunan AICB, Kuala Lumpur. Perjanjian penyewaan tersebut bermula pada 1 Julai 2022 dan akan tamat pada 30 Jun 2025 dengan pilihan untuk memperbaharui pajakan selama 3 tahun lagi pada kadar sewa pasaran semasa.

Tiada klausa pilihan pembelian termasuk dalam kedua-dua perjanjian penyewaan. PIDM juga tidak dikenakan sekatan dengan memeterai perjanjian penyewaan ini.

a. Aset berkaitan hak penggunaan

	Nota	2022			
		Bangunan RM'000	Tempat letak kendaraan RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari		5,703	184	21	5,908
Tambahan		7,957	242	183	8,382
Pengubahsuaian		-	-	(15)	(15)
Susut nilai	16	(4,303)	(105)	(42)	(4,450)
Jumlah bawaan bersih		9,357	321	147	9,825

	Nota	2021			
		Bangunan RM'000	Tempat letak kendaraan RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari		13,771	300	192	14,263
Pengubahsuaian		(3,626)	(16)	15	(3,627)
Susut nilai	16	(4,442)	(100)	(186)	(4,728)
Jumlah bawaan bersih		5,703	184	21	5,908

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

9. ASET BERKAITAN HAK PENGGUNAAN

b. Perbelanjaan berkaitan pajakan yang dikenakan ke atas Keuntungan atau Kerugian

	Nota	2022		
		Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	16	4,450	3,207	1,243
Kos kewangan pajakan	16	404	293	111
Perbelanjaan berkaitan pajakan jangka pendek*		11	8	3
Pelarasan daripada pengubahsuaian kontrak pajakan**	16	-	-	-
Jumlah perbelanjaan berkaitan pajakan		4,865	3,508	1,357

	Nota	2021		
		Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Susut nilai aset berkaitan hak penggunaan	16	4,728	3,696	1,032
Kos kewangan pajakan	16	686	540	146
Perbelanjaan berkaitan pajakan jangka pendek*		-	-	-
Pelarasan daripada pengubahsuaian kontrak pajakan	16	(312)	(224)	(88)
Jumlah perbelanjaan berkaitan pajakan		5,102	4,012	1,090

* Perbelanjaan berkaitan pajakan jangka pendek termasuk dalam perbelanjaan operasi dan pentadbiran yang dinyatakan dalam Nota 16 dalam bekalan pejabat, peralatan dan pelbagai.

** Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

Jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan berjumlah RM4.9 juta (2021: RM5.6 juta), merangkumi kos kewangan pajakan sebanyak RM0.4 juta (2021: RM0.7 juta) dan pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan sebanyak RM4.5 juta (2021: RM4.9 juta). Rujuk kepada Penyata Aliran Tunai.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

10. LIABILITI PAJAKAN

	2022		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Baki pada 1 Januari	7,168	6,024	1,144
Tambahan	8,269	6,048	2,221
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	(4,518)	(3,572)	(946)
Pengubahsuaian kontrak pajakan	(15)	(11)	(4)
Baki pada 31 Disember	10,904	8,489	2,415

	2021		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Baki pada 1 Januari	15,961	12,631	3,330
Tambahan	-	-	-
Pembayaran balik prinsipal liabiliti pajakan	(4,854)	(3,779)	(1,075)
Pengubahsuaian kontrak pajakan	(3,939)	(2,828)	(1,111)
Baki pada 31 Disember	7,168	6,024	1,144

	2022 RM'000	2021 RM'000
Analisis kematangan		
Tidak melebihi 1 tahun	4,587	4,356
Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	6,059	3,037
Lebih dari 5 tahun	1,246	-
	11,892	7,393

Analisis kematangan adalah berdasarkan jumlah obligasi aliran tunai pajakan.

PIDM tidak menghadapi risiko kecairan yang ketara berkaitan dengan liabiliti pajakannya. PIDM telah mengadakan prosedur sistem kawalan dalaman dan rancangan luar jangkaan bagi mengurus risiko kecairan liabiliti pajakannya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

11. AKAUN BELUM BAYAR

	Nota	2022		
		Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
a. Liabiliti kewangan				
Akaun belum bayar, mewakili jumlah liabiliti kewangan		1,220	875	345
b. Liabiliti bukan kewangan				
Akruan		8,927	6,276	2,651
Peruntukan cuti yang tidak terambil	i	4,147	2,980	1,167
Peruntukan Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	ii	4,217	3,241	976
Jumlah sub liabiliti bukan kewangan		17,291	12,497	4,794
Jumlah akaun belum bayar		18,511	13,372	5,139

	Nota	2021		
		Jumlah RM'000 Dinyatakan semula	DIFs RM'000 Dinyatakan semula	TIPFs RM'000 Dinyatakan semula
a. Liabiliti kewangan				
Akaun belum bayar, mewakili jumlah liabiliti kewangan		-	-	-
b. Liabiliti bukan kewangan				
Akruan		3,216	2,312	904
Peruntukan cuti yang tidak terambil	i	4,083	2,936	1,147
Peruntukan Liabiliti Rancangan Persaraan Jangka Panjang	ii	3,204	2,501	703
Jumlah sub liabiliti bukan kewangan		10,503	7,749	2,754
Jumlah akaun belum bayar		10,503	7,749	2,754

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

11. AKAUN BELUM BAYAR (SAMBUNGAN)

i. Peruntukan cuti yang tidak terambil

	2022		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Baki pada 1 Januari	4,083	2,936	1,147
Penambahan bagi tahun	113	80	33
Pembayaran	(49)	(36)	(13)
Baki pada 31 Disember	4,147	2,980	1,167

	2021		
	Jumlah RM'000	DIFs RM'000	TIPFs RM'000
Baki pada 1 Januari	3,484	2,590	894
Penambahan bagi tahun	1,204	780	424
Pembayaran	(605)	(434)	(171)
Baki pada 31 Disember	4,083	2,936	1,147

Peruntukan cuti yang tidak terambil berkaitan dengan amaun belum bayar bagi cuti tahunan pekerja yang di bawa ke hadapan dari tahun sebelumnya kerana ia belum diguna pada tahun semasa. Ia dikira berdasarkan gaji pokok yang telah dibayar pada masa cuti diakru.

ii. Peruntukan Rancangan Persaraan Jangka Panjang

PIDM melaksanakan satu rancangan manfaat tetap tanpa pendanaan yang dikenali sebagai LTRP dilaksanakan pada 1 Januari 2016. LTRP memberi manfaat kepada pekerja yang tamat perkhidmatan di mana satu tahap jaminan pembayaran secara sekaligus akan diberikan berdasar gaji akhir. Pembayaran manfaat persaraan bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji pada tahun terakhir persaraan. Pada tarikh pelaporan, baki bagi peruntukan LTRP merangkumi manfaat terakru tetapi tidak diletak hak.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

11. AKAUN BELUM BAYAR (SAMBUNGAN)

ii. Peruntukan Rancangan Persaraan Jangka Panjang (sambungan)

Jadual di bawah menunjukkan pengimbangan semula daripada baki permulaan kepada baki akhir bagi peruntukan LTRP dan komponennya:

	Jumlah		DIFs		TIPFs	
Risiko kecairan PIDM berkaitan dengan keupayaan PIDM memenuhi obligasinya apabila tiba masanya, tanpa mengalami kerugian yang tidak boleh diterima. Ini mungkin disebabkan oleh ketidakupayaan untuk membubarkan aset bagi memenuhi keperluan kecairannya. Sejumlah besar dana yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan jangka pendek dan sederhana, yang juga merupakan aset mudah cair yang boleh dipasarkan. Selain itu, PIDM mempunyai akses kepada fasiliti REPO dengan Bank Negara Malaysia sekiranya pembiayaan kecemasan diperlukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

b. Risiko kecairan (sambungan)

PIDM juga berusaha untuk menguruskan profil kematangan sekuriti secara berterusan bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk menampung keperluan modal kerja harian atau untuk menangani risiko kematangan mengikut had pendedahan yang diluluskan.

Jadual berikut menunjukkan nilai pelaburan berdasarkan profil kematangan:

		2022						
	Nota	Kurang Dari 30 Hari RM'000	31 - 60 Hari RM'000	61 - 90 Hari RM'000	>91 Hari - 3 Tahun RM'000	>3 - 5 Tahun RM'000	>5 - 7 Tahun RM'000	Jumlah RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	19,456	17,132	20,726	11,249	-	-	68,563
Pelaburan	5	-	-	437,870	3,317,213	989,331	990,596	5,735,010
Aset lain	6a	11,861	6,283	12,090	16,962	-	734	47,930
Akaun belum bayar	11a	(2)	(1,218)	-	-	-	-	(1,220)
Aset kewangan bersih		31,315	22,197	470,686	3,345,424	989,331	991,330	5,850,283

		2021						
	Nota	Kurang Dari 30 Hari RM'000	31 - 60 Hari RM'000	61 - 90 Hari RM'000	>91 Hari - 3 Tahun RM'000	>3 - 5 Tahun RM'000	>5 - 7 Tahun RM'000	Jumlah RM'000
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	29,032	14,750	12,000	38,610	-	-	94,392
Pelaburan	5	-	-	560,676	4,502,420	-	-	5,063,096
Aset lain	6a	11,123	9,937	16,081	10,560	-	-	47,701
Akaun belum bayar	11a	-	-	-	-	-	-	-
Aset kewangan bersih		40,155	24,687	588,757	4,551,590	-	-	5,205,189

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

b. Risiko kecairan (sambungan)

PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk menguruskan keperluan pembiayaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Objektif utama rangka kerja itu adalah untuk memastikan PIDM mempunyai sumber kewangan mencukupi bagi operasi DIS serta TIPS yang kukuh dan mantap. Rangka kerja pembiayaan itu juga mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

- i. Pembiayaan dalaman disediakan menerusi pengumpulan lebih bersih operasi selepas perbelanjaan. Pengumpulan lebih bersih dikreditkan ke dalam Dana perlindungan masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin timbul hasil daripada penyediaan program perlindungan konsumen kewangan.
- ii. Pembiayaan luaran boleh diperolehi menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pinjaman daripada pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan sesuai. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam atau memperoleh dana bagi memenuhi obligasinya. PIDM boleh meminjam daripada Kerajaan dengan kelulusan Menteri Kewangan dengan terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Tiada perubahan kepada pendedahan PIDM terhadap risiko kecairan atau cara risiko ini diuruskan dan diukur.

c. Risiko kredit

PIDM melabur dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya akan gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit ke atas aset pelaburannya amat minimum.

Selain daripada sekuriti pelaburan Kerajaan, PIDM juga memegang Sekuriti Hutang Swasta lain yang dikeluarkan oleh entiti yang berkaitan dengan kerajaan selaras dengan Polisi Pelaburan. Pada 31 Disember 2022, nilai utama Sekuriti Hutang Swasta ini berjumlah RM505 juta atau 8.7% daripada jumlah pelaburan portfolio.

PIDM memantau kedudukan kredit penerbit Sekuriti Hutang Swasta secara berterusan untuk sebarang penurunan harga dalam penilaian kredit.

Dalam menentukan kerugian kredit yang dijangkakan bagi aset-aset ini, PIDM telah mengambil kira sejarah pengalaman kegagalan, kedudukan kewangan pihak berkaitan, serta prospek masa hadapan industri di mana penerbit sekuriti dan nota beroperasi. Maklumat tersebut diperolehi daripada laporan pakar ekonomi, laporan penganalisis kewangan. Juga jika perlu, dalam menganggarkan kebarangkalian berlaku kegagalan setiap aset kewangan bagi tempoh masa penilaian kerugian masing-masing, serta kerugian apabila berlaku kegagalan bagi setiap kes, pertimbangan diberi kepada pelbagai sumber luaran mengenai maklumat ekonomi sebenar dan yang diramalkan.

Maklumat penarafan kredit dibekalkan oleh agensi penarafan bebas yang tersedia dan, jika tidak tersedia, PIDM menggunakan maklumat kewangan yang tersedia kepada pihak awam dan rekod PIDM sendiri untuk menilai pihak berkaitan utamanya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

c. Risiko kredit (sambungan)

Rangka kerja semasa PIDM berkenaan penggredan risiko kredit merangkumi kategori berikut:

Kategori	Huraian	Asas bagi pengiktirafan peruntukan kerugian kredit
Berbayar/ baik	Pihak terbabit mempunyai risiko kegagalan yang rendah dan tidak mempunyai amaun lampau tempoh	ECL 12 bulan
Meragukan	Amaun adalah >30 hari lampau tempoh dan terdapat bukti yang menunjukkan aset adalah terjejas kredit	ECL jangka hayat – tidak terjejas kredit
Mungkir	Amaun adalah >90 hari lampau tempoh dan terdapat bukti yang menunjukkan aset adalah terjejas kredit	ECL jangka hayat – terjejas kredit
Hapus kira	Terdapat bukti bahawa penghutang mengalami kesukaran kewangan yang teruk dan PIDM tidak mempunyai prospek realistik untuk pulih	Amaun hapus kira

Jadual di bawah memperincikan kualiti kredit aset kewangan PIDM serta pendedahan maksimum PIDM terhadap risiko kredit mengikut gred penarafan risiko kredit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021.

	Nota	Penarafan kredit luar	Penarafan kredit dalam	ECL 12-bulan atau jangka hayat
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan	5	<i>Sovereign</i>	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Sekuriti Hutang Swasta	5	AAA	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Pendapatan pelaburan belum terima	6	<i>Sovereign</i> & AAA	Berbayar / baik	ECL 12-bulan
Deposit dan akaun belum terima lain	6	Tidak berkenaan	Berbayar / baik	ECL 12-bulan

Analisa sensitiviti

Asas dan huraian umum mengenai input dan andaian utama dalam menentukan dan mengukur ECL dinyatakan dalam Nota 2.2(a)(i) hingga (v) di bawah Penjelasan nilai aset kewangan. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.2 mengenai sumber utama anggaran ketidakpastian, pengiraan ECL merupakan keluaran model kompleks dengan sebilangan andaian pendasar mengenai pilihan input boleh ubah dan kebergantungannya, dan oleh itu, adalah sensitif kepada perubahan dalam andaian utama dan input boleh ubah ini.

Memandangkan aset kewangan PIDM terutamanya terdiri daripada aset berkaitan pelaburan, termasuk akaun pendapatan pelaburan belum terima, andaian yang paling ketara yang memberi kesan kepada peruntukan ECL adalah yang memberi kesan kepada PD dan LGD aset-aset tersebut.

Aset pelaburan PIDM terutamanya adalah aset berisiko rendah yang terdiri daripada Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia. Satu-satunya kategori aset pelaburan yang mungkin lebih terdedah kepada penjejakan nilai berkaitan risiko kredit adalah ke atas Sekuriti Hutang Swasta yang dipegang oleh PIDM yang diberi penarafan minimum AAA. Oleh itu, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, satu-satunya senario yang diandaikan adalah penurunan satu tahap dalam penarafan kredit, iaitu daripada AAA kepada AA1, yang mana memberi kesan sepadan kepada PD yang berkenaan. Walau bagaimanapun, penurunan satu tahap ini tidak bermaksud penjejakan nilai yang ketara yang memerlukan peruntukan ECL jangka hayat.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

22. RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

c. Risiko kredit (sambungan)

Analisa sensitiviti (sambungan)

Berkenaan dengan LGD, bagi tujuan melaksanakan analisa sensitiviti, dua senario diandaikan iaitu peningkatan dan penurunan LGD sebanyak 20% (2021: 20%).

Kesan ke atas keuntungan atau kerugian PIDM yang timbul daripada pergerakan PD dan LGD seperti yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

31 Disember 2022	Nota	LGD meningkat 20% RM'000	LGD menurun 20% RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan	5	-	-
Sekuriti Hutang Swasta	5	(68)	(57)
Pendapatan pelaburan belum terima	6	(1)	-
Deposit dan akaun belum terima lain	6	-	-
(Penurunan) dalam lebihan bersih		(69)	(57)

31 Disember 2021	Nota	LGD meningkat 20% RM'000	LGD menurun 20% RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan	5	-	-
Sekuriti Hutang Swasta	5	(62)	(52)
Pendapatan pelaburan belum terima	6	(1)	-*
Deposit dan akaun belum terima lain	6	-	-
(Penurunan) dalam lebihan bersih		(63)	(52)

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran.

23. NILAI SAKSAMA

PIDM mempunyai rangka kerja dan polisi yang mapan yang memberi panduan mengenai penilaian praktikal, prinsip dan pendekatan analitikal bagi penubuhan penilaian berhemat instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama instrumen kewangan ialah jumlah yang mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak berpengetahuan dan bersetuju dalam transaksi wajar, selain daripada jualan paksa atau pembubaran. Penilaian instrumen kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga yang tersenarai dalam pasaran aktif atau dengan menggunakan teknik-teknik penilaian berdasarkan input boleh cerap atau input tidak boleh dicera. Pertimbangan pengurusan telah dijalankan dalam memilih dan mengguna-pakai parameter, andaian dan teknik-teknik pemodelan yang sesuai yang mana beberapa atau kesemua input parameter tidak boleh dicera dalam memperoleh nilai saksama.

Di samping itu, PIDM terus memantapkan reka bentuk dan metodologi serta proses pengesahan yang digunakan untuk menghasilkan penilaian. Model penilaian disahkan secara dalaman dan luaran, dengan semakan berkala bagi memastikan model masih sesuai untuk diguna.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

23. NILAI SAKSAMA (SAMBUNGAN)

Penilaian nilai saksama

i. Tahap 1: Sebut harga

Merujuk kepada instrumen kewangan yang terdapat dalam pasaran aktif sekiranya sebut harga adalah mudah dan boleh didapati daripada pertukaran, peniaga, broker, perkhidmatan penetapan harga atau agensi kawal selia. Harga tersebut juga perlu mewakili urus niaga pasaran sebenar dan kerap berlaku pada asas wajar. Instrumen kewangan sedemikian termasuk sekuriti kerajaan yang aktif diniagakan.

ii. Tahap 2: Teknik penilaian menggunakan input boleh diperhatikan

Merujuk kepada input selain daripada sebut harga yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga). Contoh Tahap 2 instrumen kewangan termasuk bon korporat dan bon kerajaan yang lain.

iii. Tahap 3: Teknik penilaian menggunakan input tidak boleh diperhatikan secara ketara

Merujuk kepada instrumen kewangan yang mana nilai saksama diukur menggunakan input pasaran tidak boleh diperhatikan secara ketara. Teknik penilaian adalah konsisten dengan Tahap 2. Teknik penilaian yang dipilih menggabungkan andaian sendiri PIDM dan datanya. Contoh instrumen Tahap 3 termasuk bon korporat dalam pasaran yang kurang kecairan.

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya

Jadual berikut menggabungkan maklumat mengenai:

- kelas instrumen kewangan berdasarkan jenis dan ciri-ciri;
- amaun bawaan instrumen kewangan; dan
- tahap hierarki nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang mana nilai saksamanya didedahkan.

31 Disember 2022

	Nota	Nilai bawaan RM'000	Nilai saksama		
			Tahap		
			1 RM'000	2 RM'000	3 RM'000
Aset kewangan – Kos dilunaskan					
Pelaburan	5	5,735,010	-	5,705,677	-
Tunai dan kesetaraan tunai	4	68,563	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Aset kewangan lain	6a	47,930			
Jumlah aset kewangan		5,851,503			
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan					
Liabiliti kewangan lain	11a	1,220	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Jumlah liabiliti kewangan		1,220			

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

23. NILAI SAKSAMA (SAMBUNGAN)

Kelas dan kategori instrumen kewangan dan nilai saksamanya (sambungan)

31 Disember 2021

	Nota	Nilai bawaan RM'000	Nilai saksama		
			Tahap		
			1 RM'000	2 RM'000	3 RM'000
Aset kewangan – Kos dilunaskan					
Pelaburan	5	5,063,096	-	5,049,094	-
Tunai dan kesetaraan tunai	4	94,392	Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Aset kewangan lain	6a	47,701			
Jumlah aset kewangan		5,205,189			
Liabiliti kewangan - Kos dilunaskan					
			Nilai saksama menghampiri nilai bawaan disebabkan oleh kematangan jangka pendek instrumen tersebut		
Liabiliti kewangan lain	11a	-			
Jumlah liabiliti kewangan		-			

Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama (tetapi pendedahan nilai saksama adalah diperlukan)

Nilai saksama instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai Tahap 2 ke atas ditentukan dengan menggunakan input yang boleh diperhatikan. Khususnya, bagi pelaburan pada kos terlunas, nilai saksama yang didedahkan menunjukkan nilai pasarannya pada penghujung tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang ditunjukkan yang diperolehi daripada agensi penetapan harga bon.

Nilai saksama pelaburan adalah lebih rendah daripada jumlah bawaannya disebabkan oleh sensitiviti harga sekuriti ini yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan, dan bukan disebabkan oleh kemerosotan kredit sekuriti tersebut. Oleh kerana pelaburan ini dipegang-hingga-matang, pendedahan risiko yang timbul daripada pergerakan kadar faedah dan kadar pulangan tidak memberi impak yang ketara kepada penyata kewangan. Rujuk kepada Nota 22(a) mengenai pendedahan pengurusan risiko kadar faedah dan kadar risiko pulangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

24. LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian dalam mengendali Sistem Perlindungan

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah DIS serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah TIPS. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini.

PIDM menjalankan penilaian dan pemantauan risiko secara berterusan ke atas semua institusi ahlinya. Pada tarikh penyata kewangan ini, tiada sebarang kejadian khusus melibatkan institusi ahli PIDM yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus dalam penyata kewangannya selaras dengan Peruntukan MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Meskipun peruntukan tidak dicatat melainkan peristiwa tertentu terjadi, PIDM terus meningkatkan rizab di dalam setiap Dana Perlindungan menerusi pengumpulan lebihan bersih tahunan.

Lebihan terkumpul disimpan di dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi obligasi untuk menampung kerugian bersih apabila ianya berlaku. Seperti yang dibincangkan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi memastikan tahap dana yang mencukupi untuk membiayai jangkaan kerugian bersih dari aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Sekiranya sesuatu Dana Perlindungan tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi obligasinya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meningkatkan dana mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut termasuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

25. IMPAK COVID-19 KE ATAS PERBADANAN

Pada 1 April 2022, Malaysia memulakan peralihan ke fasa endemik COVID-19 dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Ini telah menyumbang secara positif kepada pemulihan persekitaran operasi perniagaan dan memudahkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sepanjang tahun kewangan 2022, operasi perniagaan PIDM kekal berdaya tahan dan tangkas dalam menyesuaikan diri dengan perubahan berterusan dalam tindakbalas polisi terhadap COVID-19. Transformasi digital, platform operasi maya dan pelan kesinambungan perniagaan yang mantap membolehkan PIDM untuk beroperasi dalam mod “bekerja dari rumah” semasa pandemik dan beralih dengan lancar kepada endemik. Selain itu, peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial serta pembukaan semula sempadan antarabangsa membolehkan PIDM menyambung semula penglibatan bersemuka dengan pihak berkepentingan utamanya di dalam dan luar negara.

Dari segi prestasi kewangan PIDM, pulangan pelaburan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 terus dipengaruhi oleh persekitaran kadar faedah yang rendah pada separuh tahun pertama sebelum mencatatkan sedikit peningkatan berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman secara beransur-ansur pada separuh tahun kedua. Selain itu, selaras dengan penamatan langkah-langkah pelepasan kawal selia PIDM yang diberi pada tahun 2020, kadar premium dan levi telah berbalik kepada kadar asal bagi tahun taksiran 2022 seperti yang diterangkan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan.

Memandangkan ketidakpastian yang berterusan dalam persekitaran operasi dan risiko penurunan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, PIDM terus memantau dengan teliti risiko kredit pelaburannya. Walau bagaimanapun, PIDM tidak menjangkakan nilai portfolio pelaburannya akan terjejas dengan ketara memandangkan dasar pelaburan yang konservatif yang mentadbir strategi pelaburannya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022

26. PENYATAAN SEMULA PERBANDINGAN

Pengkelasan semula 1 ("Reclass 1")

Dalam tahun-tahun sebelumnya, baki antara dana dinyatakan secara berasingan sebagai akaun belum terima lain dan akaun belum bayar lain. Menurut MFRS 132 *Financial Instruments: Presentation* ("MFRS 132"), aset kewangan dan liabiliti kewangan perlu diimbangi dan amaun bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Baki antara dana diimbangkan kerana PIDM mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan dan diselesaikan pada asas bersih. Oleh itu, perbandingan telah dinyatakan semula untuk menepati pembentangan tahun semasa.

Pengkelasan semula 2 ("Reclass 2")

Dalam tahun tersebut, PIDM telah mengklasifikasikan semula beberapa perbelanjaan yang sebelum ini dilaporkan sebagai perbelanjaan pengurusan modal insan dan perbelanjaan operasi dan pentadbiran kepada perbelanjaan berkaitan inisiatif. Ini adalah untuk mencerminkan dengan lebih jelas sifat dan cara bagaimana perbelanjaan ini diuruskan. Oleh itu, perbandingan telah dinyatakan semula untuk menepati pembentangan tahun semasa.

Kesan penyataan semula kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (EKSTRAK) PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	Seperti yang dilaporkan sebelum ini RM'000	Reclass 1 RM'000	Seperti yang dinyatakan semula RM'000
ASET				
Aset lain	6	52,060	(1,520)	50,540
Liabiliti				
Akaun belum bayar	11	12,023	(1,520)	10,503

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (EKSTRAK) BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Seperti yang dilaporkan sebelum ini RM'000	Reclass 2 RM'000	Seperti yang dinyatakan semula RM'000
Perbelanjaan pengurusan modal insan	15	68,988	(43)	68,945
Perbelanjaan operasi dan pentadbiran	16	19,734	(865)	18,869
Perbelanjaan berkaitan inisiatif	17	9,663	908	10,571

GLOSARI ISTILAH

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perbankan Islam atau bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan operasi perniagaan insurans hayat dan faedah diperoleh, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Keluarga

Semua levi yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana sasaran

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan tahap dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan sewajarnya.

Institusi ahli

Ahli PIDM terdiri daripada bank ahli dan ahli penginsurans.

- **Ahli penginsurans**

Semua syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat atau am di Malaysia, serta pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga atau am di Malaysia. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans boleh didapati di laman web PIDM.

- **Bank ahli**

Semua bank perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan semua institusi perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ahli boleh didapati di laman web PIDM.

Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani masalah tertentu yang dihadapi institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut.

Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan bagi menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pengawalseliaan dan penyeliaan berhemat, dan pemberi pinjaman usaha akhir (*lender of last resort*).

Jumlah Deposit Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM.

Kumpulan Dana Insurans Deposit

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional dan Dana Insurans Deposit Islam.

Kumpulan Dana Perlindungan

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional, Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful

Merujuk kepada Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Manfaat insurans

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan polisi yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

GLOSARI ISTILAH

Manfaat takaful

Jumlah yang dibayar untuk perlindungan sijil takaful yang ditanggung pengendali takaful atas mana-mana individu dalam operasi biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit Malaysia, iaitu mata wang Malaysia.

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1

Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 dikira sebagai peratusan daripada Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 bank ahli daripada aset berwajaran risiko mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal Bank Negara Malaysia. Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 adalah modal kualiti tertinggi untuk bank ahli, manakala aset berwajaran risiko dikira berdasarkan pengagregatan aset bank berwajaran terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan risiko bank. Keperluan kawal selia minimum untuk Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 adalah 4.5%.

Pembayaran balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau individu yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 56 dan 57, serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

Pemilik polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah ke atas polisi insurans termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pemilik sijil takaful

Individu yang mempunyai hak milik sah ke atas sijil takaful termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pengurusan risiko organisasi

Rangka kerja yang diterima pakai secara menyeluruh dalam organisasi bertujuan untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko utama sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Penjejasan nilai

Merujuk kepada peruntukan kerugian bagi jangkaan kerugian kredit (*expected credit losses - ECL*) ke atas aset pinjaman atau pembiayaan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Reporting Standards – MFRS*) 9. Sebelum 1 Januari 2018, penjejasan nilai aset pinjaman atau pembiayaan diukur menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*MFRS*) 139.

Sistem Insurans Deposit

Sistem yang ditubuhkan oleh PIDM untuk melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan yang ditempatkan dengan bank ahli dan bagi menyelesaikan bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Sistem Levi Berbeza

Sistem yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful

Sistem yang mengenakan levi kepada pengendali takaful pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Pengurusan Pembayaran

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses pembayaran balik kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku pembayaran balik.

Sistem Penilaian Risiko

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk menilai tahap dan kawalan risiko institusi ahli dan menyediakan kedua-dua risiko semasa (risiko agregat) dan prospek (arah risiko) institusi ahli. Ini adalah supaya risiko baru muncul dapat dikenal pasti dan tindakan diambil tepat pada masanya, sebelum risiko tersebut menjadi kenyataan.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Sistem yang ditubuhkan oleh PIDM untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans daripada kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak dan bagi menyelesaikan ahli penginsurans, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan perlakuan Nabi Muhammad s.a.w.), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

RUJUKAN TEKNIKAL

SUMBER DANA DAN LIABILITI KEWANGAN

Rangka Kerja Pembiayaan

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan dan keupayaan masa depan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen sekiranya berbangkit, jelas dinyatakan dalam Akta PIDM. Penting sekali bagi kami untuk mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mentadbir dan mengendalikan secara efektif Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mapan. Keperluan terhadap sumber kewangan yang tersedia adalah kritikal dalam memastikan kami berupaya memenuhi obligasi dengan tahap keyakinan yang tinggi apabila perlu. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan, kami mempunyai pendedahan secara langsung kepada kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang disimpan di bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans. Bagi tahun semasa, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan kami merekodkan peruntukan khusus di dalam penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia *Malaysian Financial Reporting Standards – "MFRS" MFRS 137 Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Rangka kerja pembiayaan kami menekankan perlunya sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan mandatnya secara efektif serta menangani pendedahan risiko yang dihadapi. Objektif utama rangka kerja pembiayaannya adalah untuk:

- (a) memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan kami membiayai operasi harian; dan
- (b) membina rizab bagi memastikan kami berupaya memenuhi obligasi masa depan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Rangka kerja pembiayaan tersebut, mengambil kira peranan kami sebagai salah satu daripada anggota jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangan kami berkaitan dengan sumber pembiayaan, serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

Pembiayaan Dalaman

Dana dalaman kami dibangunkan menerusi pengumpulan lebih bersih daripada operasi. Lebih bersih tahunan dikreditkan dan dikumpulkan dalam Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin berbangkit akibat daripada menyediakan sistem perlindungan konsumen kewangan. Seperti dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Dana masing-masing mengikut asas peruntukan kos seperti diuraikan dalam Nota 2.2(e)(2) kepada penyata kewangan dan tiada percampuran antara Dana-dana tersebut.

Objektif Dana Sasaran dan Prinsip-prinsip Panduan

Terma dana sasaran atau nisbah rizab sasaran secara umum merujuk kepada tahap dana dalaman yang disasar untuk dikumpul dalam jangka masa panjang bagi mencapai matlamat dan memenuhi mandat kami. Dana sasaran diwujudkan untuk menampung jangkaan kerugian bersih yang timbul daripada mana-mana aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Objektif membangunkan rangka kerja dana sasaran adalah untuk:

- (a) menyediakan asas dalam menilai kecukupan paras semasa Dana-dana; dan
- (b) mengenal pasti pendekatan yang sistematik untuk menentukan paras sasaran Dana masing-masing.

Rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am dan Dana Perlindungan Insurans Hayat, masing-masing diwujudkan pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Rangka kerja dana sasaran bagi Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga disiapkan dan dilaksanakan dalam tahun 2018.

Pembangunan rangka kerja dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga adalah berdasarkan prinsip-prinsip panduan yang sama, seperti berikut:

- (a) **Prinsip Pertama:** Dana sasaran perlu diwujudkan untuk menangani kegagalan berkala dan bukan kegagalan sistemik.
- (b) **Prinsip Kedua:** Dana sasaran hendaklah menampung kerugian bersih yang mungkin dijangka timbul daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.
- (c) **Prinsip Ketiga:** Secara optimumnya, penentuan paras dana sasaran perlu mengimbangi kesan terhadap pihak berkepentingan, dari segi saiz dana sasaran dan rangka masa bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.
- (d) **Prinsip Keempat:** Paras dana sasaran perlu ditetapkan sebagai "jajaran" dan bukannya amaun yang mutlak.

RUJUKAN TEKNIKAL

Pendekatan Model Dana Sasaran

Dalam membangunkan dana sasaran, kami menerima pakai kedua-dua pemodelan statistik dan pendekatan mengikut budi bicara bagi menentukan jajaran dana sasaran:

(a) Pendekatan pemodelan statistik

Kami menerima pakai model statistik Nilai-pada-Risiko dalam membangunkan rangka kerja dana sasaran. Di bawah pendekatan pemodelan statistik ini, Nilai-pada-Risiko ditentukan untuk menilai pendedahan kami kepada kerugian bersih berpandukan anggaran kebarangkalian kegagalan institusi ahli, pendedahan semasa kegagalan, korelasi kegagalan dan kemungkinan pemulihan berlaku dalam sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan ke atas institusi ahli yang tidak berdaya maju. Bagi menentukan kecukupan tahap dana untuk menampung kerugian bersih, berdasarkan tahap keyakinan tertentu, kami memanfaatkan simulasi Monte Carlo yang digunakan dalam model statistik Nilai-pada-Risiko. Simulasi berkenaan menggunakan bilangan senario kerugian yang ketara untuk membina agihan kerugian statistik bertujuan untuk menentukan paras dana sasaran yang mampu menampung kerugian atau memenuhi kos ketidakmampuan bayar dalam tempoh masa dan paras keyakinan yang tertentu.

(b) Pendekatan mengikut budi bicara

Dalam menentukan jajaran dana sasaran, kami juga mengambil kira faktor kualitatif lain seperti mandat dan kuasa perundangan kami, landskap dan persekitaran industri perbankan dan insurans operasi serta rejim pengawalseliaan dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran dana sasaran.

Risiko dan Sensitiviti terhadap Pemodelan Dana Sasaran

Proses penganggaran paras dana sasaran tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berdasarkan kepada set andaian. Justeru, model tersebut berasaskan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

Jadual 1: Faktor-faktor Sensitif Utama Model Dana Sasaran

Persekitaran operasi

Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran operasi institusi ahli tidak berubah dengan ketara dalam jangka masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko setiap institusi ahli, landskap industri kewangan dan juga rejim dan penyeliaan kewangan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri ini atau ciri-ciri yang lain mungkin menghasilkan paras dana sasaran dalam jajaran tertentu yang berbeza berbanding apa yang diperlukan sebelumnya. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan berdasarkan model yang digunakan pada setiap tahun.

Mandat dan kuasa

Mandat dan kuasa yang ditentukan dalam Akta PIDM, antara lainnya, membolehkan kami melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran dana sasaran dibuat berdasarkan mandat dan kuasa semasa yang digariskan dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara terhadap mandat dan kuasa kami mungkin menjejaskan andaian yang dibuat menggunakan model, dan seterusnya anggaran paras dana sasaran. Bagaimanapun, kami tidak menjangka berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasa kami dalam tempoh terdekat ini.

Dana sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan setiap tahun bagi memastikan paras dana ini adalah relevan dan sejajar dengan sebarang perubahan andaian atau input-input yang digunakan.

RUJUKAN TEKNIKAL

Pemboleh Ubah Input Utama bagi Model Statistik

Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama dan Andaian bagi Pemodelan Dana Sasaran

Pemboleh Ubah Input Utama	Dana-dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Kebarangkalian Kegagalan <i>Probability of Default (PD)</i>	Kami menggunakan kadar kegagalan purata seperti yang dilaporkan oleh Institusi Penilaian Kredit Luaran dalam kajian kegagalan tahunan mereka.				
	Kadar purata kegagalan ditanda aras dengan penarafan risiko paling konservatif dengan mengambil kira penarafan risiko kawal selia institusi ahli dan penilaian penarafan dalaman kami.				
Pendedahan Semasa Kegagalan <i>Loss Given Default (LGD)</i>	Pertimbangan kemungkinan pemulihan berdasarkan andaian pembubaran institusi ahli, selepas mengambil kira pendedahan risiko berkaitan terutamanya risiko kredit dan pasaran ketika pelaksanaan pemulihan aset.				
Pendedahan Semasa Kegagalan <i>Exposure At Default (EAD)</i>	Kami mengambil kira dua pendekatan kepada intervensi, iaitu pendekatan secara pembubaran, atau resolusi urus niaga yang berterusan. Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli) dan kemungkinan permodalan semula bank ahli adalah digunakan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan terhadap kami sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli penginsurans am. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan tuntutan dan liabiliti premium ahli penginsurans am seperti yang diterima pakai dalam Rangka Kerja Risiko Berasaskan Modal bagi Penginsurans, bersama-sama dengan pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubaran ahli penginsurans am.	Kami mengambil kira liabiliti penilaian aktuari untuk ahli penginsurans hayat sebagai proksi untuk menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang dilindungi oleh PIDM. Pendedahan Semasa Kegagalan menunjukkan risiko kepada ahli penginsurans hayat dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti insurans dan pengalaman tuntutan yang menjejaskan, melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan.	Kami mengambil kira beberapa komponen pendedahan sebagai proksi Pendedahan Semasa Kegagalan, untuk menunjukkan jumlah pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan mana-mana ahli takaful. Proksi bagi Pendedahan Semasa Kegagalan bertujuan untuk meminimumkan risiko ahli takaful dalam sebarang penilaian terkurang liabiliti takaful dan pengalaman tuntutan yang menjejaskan, melebihi daripada jumlah rizab yang disediakan. Pendedahan Semasa Kegagalan juga mengambil kira pendedahan risiko operasi dan kos yang bakal terlibat sekiranya berlaku pembubaran sesebuah ahli takaful.	

RUJUKAN TEKNIKAL

Pemboleh Ubah Input Utama	Dana-dana				
	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Perlindungan Insurans Am	Dana Perlindungan Insurans Hayat	Dana Perlindungan Takaful Am	Dana Perlindungan Takaful Keluarga
Pendedahan Semasa Kegagalan <i>Exposure At Default (EAD)</i> (sambungan)				Pendedahan Semasa Kegagalan mempertimbangkan jumlah liabiliti peserta dana takaful am dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali. Bagi liabiliti dana takaful am, termasuk liabiliti tuntutan dan liabiliti caruman daripada Dana Risiko Peserta seperti yang diterima pakai dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful.	Kami mengambil kira jumlah liabiliti peserta dana takaful keluarga dan liabiliti perbelanjaan dana pengendali sebagai proksi dalam menentukan Pendedahan Semasa Kegagalan, tanpa mengira manfaat insurans yang kami lindungi. Pendedahan dikira berkenaan dengan peserta dana takaful keluarga terdiri daripada Liabiliti Penilaian Aktuari daripada Dana Risiko Peserta dan nilai terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta (bagi sijil-sijil selain yang berkaitan pelaburan).

Pengurusan Dana Perlindungan apabila Mencapai Paras Dana Sasaran

Apabila dana sasaran mencapai jajaran tinggi, kami boleh mempertimbangkan pengurangan kadar premium atau levi atau memberi rebat premium atau levi, antaranya berdasarkan penilaian persekitaran ekonomi dan keadaan industri. Dalam pengurusan pengumpulan Dana-dana, penting bagi kami untuk memastikan rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli atau rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans, terus memberikan insentif kepada institusi ahli supaya mereka memperbaiki profil risiko dan agar ahli baharu juga membayar premium atau levi terhadap deposit atau manfaat yang dilindungi oleh kami.

Pembiayaan Luaran

Kami boleh mendapatkan dana luaran sama ada menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain sekiranya perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman bagi tujuan memenuhi obligasi kami. Pinjaman seumpama ini akan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Pembiayaan juga boleh diperolehi daripada pasaran modal, melalui penerbitan sekuriti hutang, yang juga merupakan salah satu pilihan apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif untuk berbuat demikian.

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

Aras 12, Menara Axiata, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.



1-800-88-1266



info@pidm.gov.my



www.pidm.gov.my



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia